

KEJAYAAN INSTITUSI-INSTITUSI AGAMA DI BAWAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



Kandungan

Kejayaan Institusi-Institusi Agama di Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- 5** Perutusan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- 7** Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)
- 9** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)
- 43** Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
- 51** Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
- 73** Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- 89** Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 103** Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- 115** Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- 137** Lembaga Tabung Haji (TH)
- 153** Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
- 159** Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
- 167** Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- 189** Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)
- 201** World Zakat Organization (WZO)
- 211** Al Hijrah Media Corporation (AHMC)



Perutusan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil
Khir bin Haji Baharom (B)

Assalamualaikum wrt. wbt.

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan segala limpah kurniaan-Nya kita diberi kudrat untuk meneruskan kesinambungan bagi melaksanakan amanah Allah SWT di maka bumi ini. Saya juga merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi syabas kepada sidang redaksi yang terdiri daripada sinergi pegawai-pegawai dari agensi agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri sehingga terbitnya buku ini.

Institusi-institusi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri memainkan peranan yang penting dalam menerajui pengurusan hal Islam mengikut bidang kuasa yang berbeza. Namun institusi-institusi agama ini mempunyai hadaf yang sama, iaitu menegakkan syiar dan agama Allah.

Kejayaan dan pencapaian yang dikecapi oleh institusi-institusi ini merupakan hasil usaha kesepadan antara pegawai dan kakitangan secara keseluruhannya. Ibarat sebuah bangunan yang tersergam indah, dinaungi oleh tiang dan tapak yang kukuh. Jika salah satu tiang tersebut rosak, susah pasti kedudukan bangunan tersebut goyah dan tidak selamat.

Perkembangan era multimedia dan komunikasi berorientasikan internet pada masa kini sudah semestinya memerlukan institusi-institusi agama bergerak dengan lebih maju selaras dengan keperluan masyarakat. Strategi dan perencanaan masa hadapan perlu dirancang dan diteliti supaya dapat menangkis cabaran yang bakal direkah.

Melalui penerbitan buku ini diharap dapat menjadi lembaran sejarah sebagai rujukan untuk kita semua melakar kejayaan pada masa hadapan. Apa yang dipaparkan merupakan sebahagian pencapaian dan kejayaan yang dicapai oleh institusi-institusi agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri bermula dari tahun 2009 hingga 2012.

Saya berharap institusi-institusi agama bukan sahaja di bawah JPM, malahan secara keseluruhannya, termasuk badan-badan agama di negeri-negeri, NGO dan sebagainya agar bekerjasama serta meneruskan kerjasama pintar demi memastikan agama Islam terus unggul di mata dunia.

Sekian. Wassalam.





Dato' Haji Othman bin Mustapha

Kata Cikgu-aluan

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Assalamualaikum wrt. wbt.

Alhamdulillah, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpah kurnia Allah SWT, Jakim dengan kerjasama agensi-agensi Agama di bawah YB Menteri di JPM, telah berjaya menerbitkan buku "Kejayaan Institusi-institusi Agama di Bawah YB Menteri di JPM" yang diterbitkan oleh Jakim. Penerbitan buku ini adalah penting bagi memaparkan aktiviti-aktiviti utama agensi-agensi di bawah YB Menteri untuk dimaklumkan kepada masyarakat Islam. Agensi-agensi yang di bawah seliaan YB Menteri ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tabung Haji, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Yayasan Waqaf Malaysia, World Zakat Organization (WZO), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Taqwa dan AlHijrah Media Corporation. Agensi-agensi ini saling bekerjasama bagi melaksanakan aktiviti agama secara bersepada demi memartabatkan agama Islam sebagai cara hidup umat Islam di negara ini.

Kejayaan institusi-institusi agama di bawah YB Menteri ini akan diperhebatkan lagi pada masa-masa yang akan datang, dengan mengadakan aktiviti yang memberikan impak yang besar kepada

masyarakat. Selari dengan era teknologi maklumat yang dihadapi oleh seluruh umat Islam di dunia ini, seharusnya dimanfaatkan dalam usaha menyebarkan dakwah kepada pelbagai lapisan masyarakat agar masyarakat mendapat pelbagai ilmu yang diperlukan dalam kehidupan di dunia ini.

Penerbitan buku ini diharap dapat menjadi medium dakwah kepada agensi-agensi di bawah YB Menteri dan masyarakat awam dalam menghasilkan pelbagai kejayaan yang dapat dikehapi oleh semua lapisan masyarakat di negara ini. Kejayaan penerbitan buku ini adalah sebagai bukti kejayaan penyebaran dakwah dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, peranan fungsi agensi-agensi agama di bawah YB Menteri perlu dipertingkatkan lagi sehingga melangkaui ke peringkat antarabangsa. Seharusnya agensi-agensi agama di bawah YB Menteri ini menjadi model Islam yang unggul di persada dunia. Kerjasama yang erat dan padu ini seharusnya dikekalkan dan berterusan sehingga ke generasi yang akan datang.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Semoga semua usaha yang dilaksanakan akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian. Wassalam.



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)



جامعة إسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



Dato Haji Othman Mustapha
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan
Islam Malaysia (Jakim)

VISI

Peneraju dalam membina ketamadunan ummah yang unggul.

MISI

Mewujudkan pengurusan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan.

OBJEKTIF

- Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat.
- Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhikmah.
- Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

FUNGSI

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Maka Jakim melaksanakan tiga fungsi utama berikut:

- Penggubalan dan Penyeragaman Undang-undang Syarak
- Penyelarasan dan Pentadbiran Islam
- Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

SEJARAH PENUBUHAN

Penubuhan Jakim bermula dengan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada tahun 1968 yang mana penubuhannya telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Pada tahun 1974 pula, Urus setia MKI telah dinaikkan tarafnya kepada sebuah Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri dan diberi nama Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Selaras dengan perkembangan negara dan keperluan masyarakat Islam semasa, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) ini telah disusun semula. Maka pada 2 Oktober 1996, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perakuan supaya BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri

dinaikkan taraf menjadi sebuah Jabatan berkuat kuasa 1 Januari 1997 dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Penubuhan Jakim dilihat sebagai salah satu platform di dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Transformasi yang dibentuk oleh Jakim adalah seiring dengan visi, misi, moto, objektif dan fungsi jabatan ini sebagai peneraju dalam membina ketamadunan ummah yang unggul.

PENCAPAIAN MKPI JAKIM

Tahun 2010

1. Pewartaan Bagi Penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan)2006 [Akta A1261]
 - Pada 1 November 2010 Akta Undang- Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006 [Akta A1261] telah diwartakan untuk dikuatkuasakan di Wilayah- Wilayah Persekutuan
2. Mewujudkan Skim Perkhidmatan KAFA
 - Gred Penyelia KAFA dinaikkan kepada S27
3. Elaun Guru KAFA melepas garis kemiskinan (RM750)
 - Elaun Guru KAFA dinaikkan dari RM500 kepada RM800 seperti diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu Pembentangan Bajet 2011
4. Pengiktirafan yang lebih luas kepada pada Huffaz dengan strategi jangka pendeknya melalui Penubuhan Dewan Huffaz Kebangsaan.
 - Penubuhan Dewan Huffaz Kebangsaan telah dilancarkan pada 27 Jun 2010.
5. Pengukuhan Industri Halal: Satu Rang Undang-Undang bagi Meminda APD 1972 telah dibentangkan di Parlimen
 - Akta tersebut telah diluluskan pada tahun 2011

Tahun 2011

1. Mewujudkan jaringan (network) sistem e-halal di semua Jabatan Agama Islam (JAIN) - 100% siap.
 - 7 negeri telah menggunakan sistem e-Halal iaitu:
 - i. Pulau Pinang; v. Sabah
 - ii. Melaka; vi. Johor; dan Selangor
 - iii. Negeri Sembilan
 - iv. W. Persekutuan;
2. Mewujudkan Sijil Tahfiz Malaysia - 100% berjaya.
 - Seramai 595 telah membuat permohonan.
 - 322 orang layak menghadiri temu duga.
 - 124 calon telah hadir menduduki peperiksaan STM pada 31 Okt 2011.
 - 51 calon telah lulus dan layak menerima sijil.

Tahun 2012

1. Menubuhkan Kolej Universiti Darul Quran - 100% berjaya
 - Darul Quran Jakim telah diberikan persetujuan ditubuhkan sebagai IPT Swasta pada Mac 2012 dengan nama Kolej Universiti al-Quran Malaysia (KUaqM)
2. Merealisasikan penubuhan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) - 95% selesai
 - JPA telah bersetuju secara lisan untuk mengeluarkan waran Tim Nukleus IKSIM
3. Menaik taraf Kolej Islam Malaya kepada Universiti Islam Malaysia - 95% selesai
 - Majlis Universiti Islam (MUIM) telah menubuhkan Lembaga Pengajian dan draf cadangan program, panduan penulisan tesis dan peraturan akademik telah disediakan.
4. Mewujudkan jaringan sistem e-Halal di semua Jabatan Agama Islam Negeri untuk mengurangkan tempoh pemprosesan sijil halal - 100% berjaya
 - 5 negeri telah melaksanakannya iaitu Terengganu, Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2009

Amanat Ulung Menteri di JPM

Majlis Amanat dan Wawasan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B) telah diadakan pada 17 April 2009 di Auditorium Aras 5, Blok D8, Putrajaya. Dato' Jamil Khir dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pucuk pimpinan negara

terutamanya buat Perdana Menteri kerana penghormatan dan kepercayaan yang diberikan kepadanya. Beliau juga berjanji dan berazam atas dokongan bersama meneruskan kesinambungan inisiatif menteri terdahulu. Dato' Jamil Khir dalam amanat sulungnya juga menekankan prinsip 6M yang perlu diberi tumpuan oleh semua agensi agama iaitu *musyaratah* (menepati syarat kejayaan), *mua'tabah* (menghakis sifat-sifat buruk), *mu'aqabah* (mengekalkan tindakan yang benar secara berterusan), *muraqobah* (mengawal diri secara berterusan), *muhasabah* (menilai diri) dan *mujahadah* (berusaha bersungguh-sungguh).



Menteri dan Timbalan Menteri bersama ketua-ketua agensi di bawah beliau.



Ucapan sulung YB Menteri.



Antara jemputan yang hadir.

Menteri Saran Hukuman Sebat Perlu Diberi Perhatian

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B) menyarankan hukuman lebih berat termasuk sebat terhadap pesalah syariah perlu diberi perhatian

sewajarnya bagi membendung peningkatan kesalahan jenayah syariah di negara ini. Menurut beliau, bagi memastikan pelaksanaan hukuman sebat dilaksanakan seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang di negara ini, beberapa langkah perlu diambil iaitu, satu kajian terperinci perlu dibuat oleh pakar-pakar dalam bidang perundangan syariah dan sivil

bagi memastikan pelaksanaan hukuman sebat dapat dijalankan. Satu kaedah atau peraturan berkaitan dengan sebatan perlu diwujudkan bagi menjamin hukuman dilaksanakan dengan teratur dan berkesan; dan kerjasama yang strategik perlu diwujudkan antara Jakim, JKSM, Jabatan Peguam Negara,

Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi lain berkaitan. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Hukuman Sebat Jenayah Syariah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 23 April 2009.



Sidang Media.



Ucapan perasmian oleh YB Menteri.



Demonstrasi sebatan.



Majlis perasmian Seminar Hukuman Sebat Jenayah Syariah.

Meja Bulat Satu Malaysia

Konsep Satu Malaysia yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah disambut baik oleh pelbagai pihak. Jakim tidak ketinggalan memberi respons yang baik terhadap konsep ini. Lantaran itu, satu persidangan meja bulat "Satu Malaysia" anjuran Jakim dengan kerjasama Institut Islam Hadhari (UKM) dan Yayasan Islam Hadhari telah diadakan pada 5 Mei 2009 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dato' Jamil Khir dalam ucaptamanya menyatakan perancangan yang bijak perlu dibuat sebelum isu ini dipolemikkan oleh pihak yang berkepentingan. "Kita menyediakan konsep, falsafah dan hala tuju konsep Satu Malaysia berdasarkan prinsip ketamadunan Islam secara bertulis untuk memandu kepimpinan tertinggi negara," kata beliau. Hasil daripada resolusi persidangan meja bulat ini akan disusun dalam bentuk buku kecil untuk disebarluaskan kepada masyarakat.



Persidangan menghimpunkan cendekiawan-cendekiawan Islam.



Menteri berucap merasmikan Persidangan Meja Bulat Konsep Satu Malaysia.



(Dr.) Uthman El Muhammady (ISTAC) membentangkan kertas kerja bertajuk 'Tinjauan dari Aspek Agama'.

Jakim dan USIM Laksana Program Berkembar Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah

Satu lagi sejarah tercipta apabila Jakim dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) mengenai pelaksanaan Program Berkembar Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah dengan Kepujian pada 26 Jun 2009 di Aras 9, Kompleks D, Putrajaya. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz dan Pengarah Darul Quran, Ustaz Che Ibrahim Che Man, mewakili Jakim, manakala Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, dan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Dr. Adnan Mohamed Yusoff mewakili USIM. Majlis MoU ini disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B). MoU ini memperlihatkan tindakan proaktif dan usaha berterusan Jakim untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Dengan termeterainya MoU ini, pelajar-pelajar lepasan Diploma Darul Quran boleh melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah dengan Kepujian di USIM. Program ini dijalankan di Darul Quran dan dikawal selia oleh pihak USIM.



Majlis penyerahan perjanjian persefahaman antara Ketua Pengarah Jakim dengan Naib Canselor USIM.



Ketua Pengarah Jakim menyampaikan ucapananya.



Tetamu kehormat yang turut hadir menyaksikan majlis persefahaman tersebut.

Pensijilan Halal Kembali Semula kepada Jakim

Selaras dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009, Jakim telah diberikan tanggungjawab semula dan berkuat kuasa serta-merta untuk mengeluarkan pensijilan halal Malaysia bagi produk dalam dan luar negara dengan menggunakan logo halal Malaysia. Bermula 1 Ogos 2009, Bahagian Hab Halal Jakim secara rasmi akan memulakan operasi dan pengurusan pensijilan halal yang beroperasi di Cyberjaya. Penyerahan tanggungjawab ini menandakan bermulanya proses peralihan urusan proses pensijilan halal yang telah diambil alih oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) sejak 17 April 2008. Majlis Penyerahan Kembali Tugas Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia dari HDC kepada Jakim telah berlangsung antara CEO HDC, Dato' Seri Jamil Bidin dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz serta disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B) di Aras 9, Blok D7 Kompleks D, Putrajaya pada 19 Ogos 2009. Segala permohonan pensijilan halal, proses pagauditian, pemantauan dan penguatkuasaan dan pengiktirafan badan Islam luar negara akan ditadbir urus sepenuhnya oleh Jakim.



Antara tetamu yang hadir dalam majlis penyerahan tersebut.



Ketua Pengarah Jakim ketika menandatangani perjanjian.



Kedua-dua pihak bertukar dokumen perjanjian.

Executive Talk Sempena 20 Tahun MABIMS

Pada 13 Ogos 2009, Jakim telah mengadakan Majlis Executive Talk di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Executive Talk merupakan salah satu program yang dianjurkan bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-20 Penubuhan MABIMS. Dalam majlis ini, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah telah menyampaikan titah Syarahan Diraja bertajuk "Ke Arah Membina Kegemilangan Ummah." Baginda menekankan kepentingan gandingan ulama dan umara, pendidikan dan keadilan ekonomi dalam membangunkan ummah. Baginda berharap setiap penemuan dan rumusan yang dihasilkan dalam persidangan ini dapat membantu merealisasikan hasrat dan harapan umat Islam sejagat. Seramai 300 orang tetamu hadir ke majlis ini, antaranya ialah menteri-menteri agama dari negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura bersama pegawai-pegawai kanan negara masing-masing serta beberapa orang duta asing di Malaysia.



Raja Nazrin menyampaikan titah syarahan baginda.



YB Menteri menyampaikan cenderahati kepada Raja Nazrin.



Antara tetamu kehormat yang hadir.



Majlis Perasmian Executive Talk.

Sijil STAM Setaraf STPM

Jakim sebagai agensi penyelarasan program KAFA peringkat kebangsaan telah mengadakan program Multaqa Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri/Rakyat (SMAN/SMART) Peringkat Kebangsaan Tahun 2009 di Hotel Empress Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, pada 3 dan 4 Oktober 2009. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B) ketika menyampaikan ucapan perasmian majlis tersebut melahirkan penghargaan kepada para pengetua SMAN/SMART atas usaha dan pengorbanan yang dilakukan selama ini dalam mengurus dan mentadbir sekolah tersebut sehingga setanding dengan

sekolah lain. Selaras dengan hasrat memartabatkan pendidikan Islam, menurut beliau, pihak Jakim telah berjaya mendapatkan pengiktirafan Sijil STAM setaraf dengan STPM dan lulusan STAM layak untuk memohon jawatan kerajaan pada gred 27. Selain itu, beliau menyatakan kerajaan telah memperkenalkan program pendaftaran Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat pada tahun 2004 sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Masih banyak sekolah agama yang belum berdaftar sebagai SABK, justeru beliau meminta Jakim mengatur kunjungan ke negeri-negeri bagi meninjau perkembangan dan mengenal pasti permasalahan serta penambahbaikan.



Majlis perasmian.



YB Menteri beramah mesra bersama jemputan.



Antara jemputan yang hadir pada multaqa tersebut.



Antara jemputan peserta yang hadir pada multaqa tersebut.

Seminar Muamalat, Ekonomi dan Kewangan Islam Peringkat Antarabangsa

Jakim dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Seminar Muamalat, Ekonomi, dan Kewangan Islam Peringkat Antarabangsa 2009 pada 20 dan 21 Oktober 2009 di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Shabudin Yahya mewakili Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom (B). Sebanyak 80 kertas kerja dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris telah dibentangkan secara selari sepanjang dua hari seminar tersebut. Antara pembentang luar negara yang hadir ialah dari negara Arab Saudi, Mesir, Sudan dan Indonesia. Seramai 200 penyertaan dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada ahli akademik, wakil agensi kerajaan, para penyelidik, wakil institusi kewangan dan para pelajar pascasiswazah IPT.



YB Tuan Haji Shabudin bin Yahya sedang menyampaikan ucapan perasmian.



Antara peserta yang hadir.



Sesi bergambar pembentang kertas kerja dan urus setia.

TAHUN 2010

I Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami

Seminar I Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami anjuran Jakim dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diadakan pada 12 dan 13 Mac 2010 di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B) dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim. Kemuncak seminar ini ialah Syarahan Perdana yang

disampaikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud yang bertajuk "I Malaysia: Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islami." Majlis Syarahan tersebut turut dihadiri oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Sepanjang dua hari seminar berlangsung, sebanyak 14 kertas pembentangan yang merangkumi bidang pendidikan, perundangan dan syariah, komunikasi dan media, sains dan teknologi, hubungan etnik serta pentadbiran dan pengurusan telah dibincangkan.



Ucapan perasmian oleh YB Menteri.



Upacara perasmian seminar.



Syarahan Perdana yang disampaikan oleh Ketua Menteri Sarawak.



Tetamu kehormat yang turut hadir pada seminar tersebut.

21 Qari dan Qariah Terima Imbuhan Khas daripada Kerajaan Malaysia

Seramai 21 daripada 23 orang qari dan qariah yang telah menjadi johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Jakim telah menerima imbuhan khas daripada kerajaan Malaysia. Majlis penyampaian yang dianjurkan oleh Jakim dengan kerjasama Pejabat Perdana Menteri ini telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak dan YABhg. Datin

Sri Rosmah binti Mansor. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan pemberian imbuhan khas sebanyak RM2,000 sebulan bermula dari Oktober 2009 hingga sepanjang hayat penerima. Pemberian imbuhan ini menunjukkan keprihatinan dan komitmen kerajaan dalam menghargai johan qari dan qariah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Ia juga menjadi suntikan semangat yang berterusan agar ilmu tilawah dan tarannum al-Quran dapat dikembangkan sewajarnya bagi diwarisi oleh golongan muda.



Upacara perasmian seminar oleh Perdana Menteri.



Penyampaian imbuhan kepada qari.



Majlis Perasmian disempurnakan oleh Perdana Menteri.



Penyampaian imbuhan kepada qariah.



Antara qari qariah dan jemputan yang hadir.



Perasmian Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

Tadbir urus yang terbaik adalah berteraskan kepada integriti, akauntabiliti, pengamanahan, pengawasan dan ketelusan adalah antara kandungan ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,YB Senator Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B) dalam Majlis Perasmian Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin oleh Yang di-

Pertuan Agong,Tuanku Mizan Zainal Abidin di Presint 3, Putrajaya pada 11 Jun 2010. Masjid ini dibina menggunakan 70% besi dan selebihnya adalah konkrit. Masjid ini mampu menampung sehingga 20,000 jemaah pada satu-satu masa. Hadir sama Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim.



Barisan tetamu kehormat



Tuanku Mizan Zainal Abidin menerima cenderahati daripada YB Menteri di JPM.



Tuanku Mizan Zainal Abidin sempat bersalam-salaman dengan pengunjung.



Antara tetamu kehormat dan jemputan yang hadir pada majlis perasmian tersebut.



Jakim dan IMDB Materai Kerjasama Dua Hala dalam Pemberian Biasiswa

Jakim dan IMDB (Malaysia Development Berhad) mengukuhkan lagi kerjasama dua hala khususnya dalam pemberian biasiswa untuk lulusan SMAN/SMART. Ini terbukti dengan termeterainya perjanjian persetujuan (MoA) antara Jakim dan IMDB di ruang legar Pejabat Ketua Pengarah Jakim pada 4 Ogos 2010. Pembiayaan ini disediakan melalui Tabung Yayasan IMDB yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Pada majlis tersebut, Jakim telah diwakili oleh Ketua Pengarah, Dato' Haji Wan Mohamad

Dato' Sheikh Abdul Aziz manakala IMDB diwakili oleh Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IMDB, En. Shahrul Azral Ibrahim Halmi. Turut hadir menyaksikan peristiwa bersejarah tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejor Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B) dan Pengurus Lembaga Pengarah IMDB, Tan Sri Che Lodin Wok Kamaruddin. Dato' Seri Jamil Khir menyatakan bidang perubatan di Mesir dipilih untuk penajaan biasiswa kerana kos pengajiannya yang lebih tinggi berbanding bidang-bidang lain manakala kos sara hidup di Mesir pula adalah lebih rendah berbanding negara lain.



Sesi menandatangani MoA.



Pertukaran dokumen perjanjian antara Jakim dan IMDB.



Sidang media bersama YB Menteri.



Para jemputan.

Penubuhan Dewan Huffaz Angkat Institusi Tahfiz

Penubuhan Dewan Huffaz merupakan satu lembaran baru buat golongan huffaz negara ini. Agendanya yang kukuh dilihat menerusi matlamat utama penubuhannya iaitu untuk memperkasa dan memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia termasuk mewujud dan menyelaraskan sijil tahfiz yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memudahkan para huffaz mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam atau swasta. Selain itu, jumlah sebenar para huffaz negara ini juga dapat dikesan dan sagu hati dapat disalurkan oleh Majlis Agama Islam di negeri-negeri sebagai satu dorongan dan penghargaan terhadap mereka. Majlis



YB Menteri beramah mesra bersama para huffaz.



Forum yang bertajuk Dewan Huffaz Kebangsaan ke Arah Pemangkin Kemajuan Tahfiz di Malaysia.

Pelancaran Dewan Huffaz Kebangsaan telah diadakan pada 27 Jun 2010 bertempat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi). Majlis ini telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Haji Baharom (B). Antara pengisian majlis yang menarik termasuk forum yang bertajuk "Dewan Huffaz Kebangsaan ke Arah Pemangkin Kemajuan Tahfiz di Malaysia." Majlis tersebut telah dihadiri seramai 750 para huffaz seluruh Malaysia.



Pelancaran Dewan Huffaz disempurnakan oleh YB Menteri di JPM.

Diploma Pengurusan Islam Kali Pertama

Kursus Diploma Pengurusan Islam (DPI) Siri pertama telah berlangsung dengan jayanya pada 1 November 2010 hingga 29 April. Sepanjang enam bulan tempoh pengajian, seramai 39 orang peserta Diploma Pengurusan Islam (DPI) Siri I 2010/2011 telah berkampung di asrama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). DPI merupakan kursus mandatori kepada semua Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI) lantikan baru gred S4I bagi tujuan pengesahan jawatan.



Peserta DPI bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah Jakim.

Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah bagi membentuk PHEI yang teguh aqidah, berpengetahuan, mempunyai nilai integriti yang tinggi, berdisiplin serta berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai karenah di dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, bangsa dan negara. DPI mengandungi dua bentuk modul iaitu dalaman dan luaran. Modul dalaman adalah merangkumi aktiviti *blended learning* yang merangkumi ceramah, latihan dalam kumpulan, amali dan ujian kecerdasan minda. Modul Luaran pula menekankan pembentukan disiplin bagi membina daya ketahanan diri, semangat berpasukan serta cintakan organisasi dan negara.



YB Menteri menyampaikan ceramah khas dengan tajuk ‘Pemikiran Kritis dan Berstrategik’ di ILIM pada 24 Januari 2011.



Antara aktiviti yang ditempuhi oleh pelajar DPI.

TAHUN 2011

Pelancaran Jakim.TV

Jakim.TV telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B) pada 11 Januari 2011 bersempena Majlis Perhimpunan Agensi-Agenzi Di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Auditorium Kompleks D, Putrajaya. Jakim.TV merupakan portal video hasil dari produksi Bahagian Media Jakim, koleksi video serta arkib rancangan RTM khususnya yang berkaitan dengan Islam. Ia adalah satu-satunya saluran media WebTV berwibawa berteraskan Islam yang diiktiraf (*Malaysian Authoritative Islamic Media*) di Malaysia. Jakim.tv juga adalah sebahagian dari projek dan pendekatan pengurusan ilmu (KM) IslamGRID Jakim. Ia menyediakan saluran penyebaran ilmu Islam berwibawa secara holistik dan berterusan. Jakim.TV boleh diakses di alamat <http://www.jakim.tv>.



Pelancaran Jakim.TV disempurnakan oleh YB Menteri.

Paparan Jakim.TV.

Rancangan Realiti TV Adik-adikku

Rancangan Realiti TV kanak-kanak Adik-adikku merupakan rancangan televisyen yang diterbitkan oleh Jakim dengan kerjasama RTM. Ia bertujuan membina karisma dan kepimpinan kanak-kanak dalam persiapan melahirkan pendakwah muda. Antara kriteria utama yang diambil kira ialah pidato, bertarannum, nasyid dan mengaji. Musim pertama rancangan ini bermula 29 November 2009 sehingga 23 Disember 2009. Pertandingan akhir

pula bersiaran secara langsung pada 18 Mac 2010. Muhammad Wajih Zakwan Hanif, 12, telah muncul juara dalam musim pertama. Pertandingan akhir ini telah diadakan di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan disiarkan secara langsung di TV1. Rancangan Adik-adikku Akhir telah merekodkan jumlah penonton sebanyak 948,000 pada minggu ke-11 tahun 2010 sekali gus menjadikan ia sebagai rancangan terbaik di TV1.



Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri turut menyaksikan pertandingan akhir Adik-adikku.



Adik Wajih muncul sebagai johan musim pertama.



Barisan para juri.



Antara peserta mempersembahkan bakat.

Jakim dan UIAM Meterai MoU Bidang Halal

Dalam usaha memperkembang dan memantapkan industri halal, Jakim dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang penyelidikan halal di Dewan Zabedah, UIAM, pada 15 Mac 2011. Kepakaran UIAM dalam pelbagai bidang penyelidikan mampu membantu Jakim mengenal pasti produk yang 100 peratus halal

dan bebas daripada kandungan asid deoksiribonukleik (DNA) babi serta yang bertentangan dengan hukum syarak. Kerjasama turut merangkumi perancangan bagi menubuhkan sebuah pusat penyelidikan halal di Lanchang, Pahang. MoU ditandatangani Rektor UIAM, Prof. Dato' Dr. Seri Syed Arabi Idid, manakala Jakim diwakili oleh Dato' Haji Wan Mohamad.



Upacara menandatangani MoU.



Penyampaian cenderahati.



Ucapan oleh Ketua Pengarah Jakim.



Ucapan oleh Rektor UIAM.

Wacana Inovasi Dakwah Melalui Penyiaran

Wacana Inovasi Dakwah Melalui Penyiaran merupakan program julkung kali hasil daripada cetusan idea Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B) yang diadakan pada 10 Februari 2010 di Dewan Syura Jakim. Program anjuran bersama Jakim, TV Alhijrah dan

IKIM ini bertujuan mengeratkan hubungan dan kemesraan antara agensi-agensi yang berkaitan dengan penyiaran di bawah YB Menteri. Wacana ini melibatkan wakil daripada pihak media massa, profesional, cendekiawan dan pemikir serta penggiat-penggiat penyiaran radio dan TV dalam usaha menginovasi dan menambah baik program-program dakwah.



YB Menteri mempengerusikan wacana.



Antara ilmuwan dan profesional yang hadir memeriahkan wacana.

Multaqa Guru Takmir Seluruh Malaysia – Elaun Mengajar Naik

Multaqa Guru Takmir Seluruh Malaysia yang diadakan bersempena ulang tahun ke-25 Program Takmir Masjid dan Surau merupakan satu detik bersejarah dan bermakna kerana julung kali guru-guru takmir seramai 788 orang diraikan oleh YAB Perdana Menteri. Pertemuan ini menjadi lebih bermakna apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan kenaikan elauan sekali mengajar dari

RM40 kepada RM100 berkuat kuasa Januari 2011. Kenaikan ini menjadikan elauan sebanyak RM800 sebulan yang akan dinikmati oleh setiap guru takmir di seluruh Malaysia. Multaqa Guru Takmir Seluruh Malaysia Bersama YAB Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak ini diadakan pada 18 Februari 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Tokoh Guru Takmir oleh YAB Perdana Menteri kepada En. Zakariah Lemat, En. Mohamad Arip Mohd Yasin dan Pn. Fatimah Ya Abdullah.



Majlis perasmian.



Antara wajah ceria guru takmir.



Penyampaian anugerah tokoh guru takmir oleh Perdana Menteri.



Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia

Buat julung kalinya, Jakim dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia telah menganjurkan Kongres Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Seluruh Malaysia Kali Pertama pada 26 dan 27 September 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Kongres bersejarah ini diserikan dengan kehadiran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, serta

sultan-sultan dan raja-raja Melayu. Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Perasmianya bertitah, fungsi dan peranan Majlis perlu terus diperkasakan bagi menjamin kelestarian pembangunan ekonomi umat Islam. Turut diadakan ialah Titah Diraja yang disampaikan oleh Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin bertajuk "Majlis Agama Islam Pemacu Transformasi Ummah." Tiga sesi pembentangan kertas kerja yang telah diadakan meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan perundangan.



Titah perasmian oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.



Barisan raja dan kesultanan Melayu.



Titah Diraja disampaikan oleh Raja Dr. Nazrin Shah.



Majlis penutupan.



Antara barisan pembentang kertas kerja.



Para tetamu kehormat dan jemputan memenuhi ruang dewan.

Darul Quran Terima Sijil MS ISO 9001:2008

Atas usaha serta komitmen penuh yang diberikan dalam melaksana Program Diploma dan Pensijilan di dalam bidang Tahfiz al-Quran mengikut sistem pengurusan berkualiti standard SIRIM, Darul Quran telah berjaya memperbaharui Sijil MS ISO 9001:2008 pada 12 Ogos 2011 yang lalu. Majlis penyerahan sijil MS ISO 9001:2008 telah diadakan di Perhimpunan Bulanan Jakim pada 17 Oktober 2011 di Auditorium Blok D8, Kompleks

D, Putrajaya. Majlis Penyerahan Sijil tersebut oleh Pn. Haliza Ibrahim, Pengurus Besar, Corporate Support Services, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. kepada Pengarah Darul Quran Tuan Haji Paimuzi Yahya, dan disaksikan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Othman Mustapha. Sijil MS ISO 9001:2008 yang diperbaharui ini merupakan sijil ketiga yang dianugerahkan oleh SIRIM kepada Darul Quran. Darul Quran telah melaksanakan sistem pengurusan berkualiti mengikut standard SIRIM sejak tahun 2008.



Dato' Hj. Othman Mustapha berucap pada perhimpunan bulanan tersebut.



Pengarah Darul Quran menerima Sijil MS ISO daripada Pengurus Besar SIRIM QAS.

Forum Perdana Diraja

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin serta Raja Permaisuri, Tuanku Nur Zahirah telah berkenan mencemar duli menghadiri Forum Perdana Ehwal Islam Diraja yang diadakan pada 13 Oktober 2011 di Istana Melawati, Putrajaya. Tajuk yang dibahaskan ialah Agama Dijunjung, Raja Disanjung. Forum Diraja ini diadakan bersempena dengan berlangsungnya Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-225 pada 12 hingga 14 Oktober 2011. Dua orang ahli panel yang dijemput bagi mengupas tajuk ini adalah mantan Ketua Pengarah Jakim yang juga Timbalan Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz dan Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah), Jabatan Peguam Negara, Tuan Haji Mahamad Naser Disa. Forum ini telah dikendalikan oleh Zakaria Othman sebagai moderator. Antara isu yang telah dikupas ialah peranan raja-raja dan pemerintah dalam memelihara Islam sebagai agama rasmi negara serta hubungan ulama' dan pemimpin negara.



Forum membahaskan Agama Dijunjung, Raja Disanjung.



Elaun PPMD Naik Mulai Januari 2012

Pada 16 November 2011 bertempat di Dewan Hadhari, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, JAWI Kuala Lumpur telah berlangsung Multaqa Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah Seluruh Malaysia (PPMD) Kali Ke-2 Tahun 2011. Program ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B). Dalam ucapan perasmian, Dato' Seri Jamil Khir telah mengumumkan persetujuan

kerajaan untuk menaikkan kadar elauan PPMD dari RM1210.00 ke RM1810.00 bermula 1 Januari 2012 nanti. Dalam masa yang sama juga pihak kerajaan akan meneliti beberapa kemudahan lain seperti kenaikan kadar tuntutan elauan perjalanan, elauan COLA, rawatan hospital kerajaan dan lain-lain lagi seperti yang dinikmati oleh kakitangan kerajaan yang berstatus kontrak yang lain. Beliau seterusnya mengingatkan semua PPMD agar dapat meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan kenaikan elauan yang diterima.



YB Menteri mengumumkan kenaikan elauan PPMD.



Sesi sidang media.



Antara PPMD yang khusuk mendengar ucapan YB Menteri.

Seminar dan Pelancaran IslamGRID

Pada 5 Disember 2011, Jakim telah menganjurkan Seminar dan pelancaran IslamGRID di Dewan Muktamar, Kompleks Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Program tersebut telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B). Pada majlis yang sama YB Menteri turut melancarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Jakim 2011-2014. YB Menteri juga telah menyaksikan simbolik serahan kit projek IslamGRID dan PSTM Jakim 2011-2014 yang disampaikan oleh Ketua Pengarah MAMPU kepada Ketua Pengarah Jakim. Sesi pertama seminar dimulakan dengan pembentangan kertas kerja berjudul Pelaksanaan IslamGRID oleh Tuan Haji Kamarudin Dolmoin, Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat Jakim. Sesi kedua pula telah diisi dengan dua pembentangan kertas kerja oleh Perunding ICT Sektor Awam, MAMPU Dato' Dr. Zahari Othman, bertajuk Pelan Strategik Teknologi Maklumat Jakim: Menangani Cabaran Ummah Menjelang 2020 dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Othman Mustapha, bertajuk IslamGRID: Inovasi dan Transformasi Dakwah Jakim melalui Media.



Tetamu VIP yang hadir pada seminar tersebut.



Ucapan perasmian oleh YB Menteri.



Simbolik serahan kit projek IslamGRID dan PSTM Jakim 2011-2014 yang disampaikan oleh Ketua Pengarah MAMPU kepada Ketua Pengarah Jakim.



Pembentangan oleh Tuan Haji Kamaruddin.

TAHUN 2012

Kempen Kesedaran Halal (APD 2011)

Pengusaha produk dan premis makanan serta perkhidmatan dinasihatkan mendapatkan sijil dan logo halal daripada Jakim atau Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sahaja bagi meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk mereka sejajar dengan Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang telah diluluskan Parlimen. Melalui akta tersebut, hanya sijil dan logo halal daripada Jakim serta MAIN diterima pakai manakala logo halal keluaran pihak lain adalah tidak sah. Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

YB Senator Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom berkata, pihak industri diberi tempoh peralihan selama setahun sehingga 31 Disember 2012 untuk beralih kepada logo halal yang dikeluarkan Jakim dan MAIN. "Akta yang baru ini memberi kerajaan kekuatan dari segi penguatkuasaan dan seramai 62 orang pegawai Jakim telah dilatih untuk menguatkuasakan dan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang melanggar peraturan," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Halal APD 2011 di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 5 Januari 2012.



Mailis Perasmian



Sesi sidang media



YB Menteri menunjukkan antara logo halal yang tidak diiktiraf



Sebahagian peserta yang hadir pada majlis pelancaran.

Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa 2011

Salah satu resolusi yang dikemukakan menerusi Kongres Majlis Agama Islam Negeri 2011 iaitu memartabatkan dan memperkasakan sistem perundangan Islam telah disambut oleh Jakim menerusi penganjuran Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia (SKPPF 2012) pada 12 April 2012 di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Seminar mengenai isu penyelarasan penguatkuasaan fatwa ini adalah julung-julung kali diadakan oleh Jakim dan

merupakan salah satu usaha serius bagi mencetuskan percambahan fikiran dan kesepakatan bersama ke arah penghasilan kerangka mekanisme penyelarasan dan penguatkuasaan fatwa berdasarkan realiti di Malaysia. Seminar telah dimulakan dengan Ucaptama bertajuk "Ke Arah Penyelarasan Fatwa di Malaysia" yang telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abd. Shukor Haji Husin. Seterusnya diikuti dengan enam pembentangan kertas kerja yang mengupas secara mendalam persoalan dan isu penyelarasan penguatkuasaan fatwa dan satu forum yang bertajuk Pematuhan Terhadap Keputusan Fatwa.



Majlis Perasmian Seminar SKPPF 2012.



Penyampaian hadiah daripada Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kepada YB Menteri.



Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abd. Shukor menyampaikan ucaptama seminar.



Pembentangan kertas kerja oleh Tuan Hj. Mahamad Naser Disa.



Sebahagian daripada para peserta seminar SKPPF 2012.

Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan Tahun 2012

"Perpustakaan yang dibina di masjid itu juga perlulah lengkap dengan buku-buku yang mempunyai pelbagai judul dan genre bagi menarik perhatian generasi muda," demikian petikan ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejaz Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B) sempena Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012 pada 27 dan 28 Mac 2012 di UIAM, Gombak, Selangor. Program anjuran bersama antara Jakim dan UIAM ini telah mendapat sokongan yang padu daripada Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Pustakawan Malaysia. Seramai 200 orang peserta telah hadir dalam persidangan tersebut yang mewakili Jabatan Agama Islam seluruh Negeri, Pegawai-Pegawai Masjid di Wilayah Persekutuan, Para ahli akademik serta Pelajar-pelajar UIAM. Sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan ini yang membincangkan penubuhan Perpustakaan Masjid serta hala tujunya yang merupakan salah satu program untuk mengimarahkan masjid dengan menggalakkan pembudayaan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam.



Majlis Perasmian Persidangan Perpustakaan Masjid.



Penyampaian cenderahati kepada YB Menteri.



Pembentangan kertas kerja oleh (Dr) Uthman El- Muhammadi dari ISTAC.



Antara jemputan yang mengambil bahagian.

Simposium Kepimpinan Tok Batin/Penghulu Orang Asli Islam Peringkat Kebangsaan

Buat julung kalinya Jakim dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) telah berjaya mengadakan program Simposium Kepimpinan Tok Batin/Penghulu Orang Asli Islam Peringkat Kebangsaan bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, pada 20 hingga 22 Mei 2012. Perasmian telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B). Seramai 120 orang peserta terdiri daripada Tok Batin dan Penghulu Orang Asli Islam di seluruh Malaysia telah menyertai simposium ini. Sepanjang



Para Peserta Simposium Kepimpinan Tok Batin/Penghulu Orang Asli Islam Seluruh Malaysia.



Penyampaian Cenderamata kepada Wakil Tok Batin/Penghulu Orang Asli Islam.

program berlangsung peserta didedahkan dengan pembentangan kertas kerja dan aktiviti yang menarik seperti lawatan ke Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra, Putrajaya. Peserta dapat meluaskan pandangan, pemikiran dan pendedahan ilmu yang bermanfaat dalam konteks peranannya sebagai agen sosialisasi dan reformasi dalam kalangan anggota masyarakat Orang Asli.

Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid Seluruh Negara Bersama YAB Perdana Menteri

Jakim dengan kerjasama Pejabat Perdana Menteri dan Sekretariat Ulama-Umara (UMUM) telah mengadakan Majlis Perhimpunan Perdana Warga Imam dan Jawatankuasa Masjid Seluruh Negara Bersama Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak pada 19 Julai 2012 di Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS). Perhimpunan telah dihadiri seramai 11,000 orang peserta yang terdiri daripada imam dan jawatankuasa masjid dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam majlis tersebut YAB Perdana Menteri telah menyampaikan sumbangan sempena kedatangan bulan Ramadhan iaitu jubah, kurma dan air zam-zam untuk semua imam dan jawatankuasa masjid seluruh negara.



Tetamu kehormat dan peserta memenuhi dewan.



Perdana Menteri menyampaikan amanat kepada para imam.



Perdana Menteri mengenakan jubah kepada Tokoh Imam.

Jakim Perkenal SPH

Jakim telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) yang bertujuan untuk membantu para huffaz melanjutkan pengajian ke peringkat PHD, Sarjana, Ijazah dan Diploma lanjutan di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara. Skim ini terbuka kepada semua penghafaz al-Quran yang telah menerima tawaran belajar serta memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan untuk tujuan melanjutkan pengajian. SPH diwujudkan bagi memartabatkan serta menarik minat masyarakat dalam bidang pengajian al-Quran, membantu menjana modal insan serta membantu golongan penghafaz al-Quran bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Berita gembira ini diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B) ketika merasmikan Istiadat Konvokesyen Darul Quran kali ke-21 pada 7 Julai 2012. Pengenalan SPH ini juga merupakan salah satu usaha kerajaan untuk mengangkat golongan huffaz di negara ini. Pada konvokesyen itu, 494 pelajar menerima sijil dan diploma masing-masing.




Ucapan perasmian semasa Istiadat Konvokesyen Darul Quran.



Penyampaian sijil kepada graduan.



Sidang media selepas Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Kali Ke-21.



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)





YAA Tan Sri Ibrahim Lembut

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

VISI

Memartabatkan institusi kehakiman syariah dalam sistem kehakiman dan perundangan negara.

MISI

Meningkatkan kecekapan dan keseragaman dalam sistem pentadbiran kehakiman syariah di seluruh Malaysia.

SEJARAH PENUBUHAN

Melalui persetujuan yang dicapai dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 3 Julai 1996, maka pada November 1998 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah ditubuhkan. Pada awal penubuhannya, pejabat JKSM terletak di Aras 3, Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur yang juga pada ketika itu merupakan bangunan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 1999, pejabat JKSM telah berpindah ke lokasi aras 3, Blok Perpustakaan Islam Jakim, Jalan Perdana Kuala Lumpur. Pada tahun 2000, Lokasi JKSM seterusnya berpindah ke Aras 6, Rumah Persekutuan, Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur.

KPI YB MENTERI

KPI (*Key Performance Indicator*) ataupun Petunjuk Prestasi Utama telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak pada Januari 2010 yang lalu yang bertujuan bagi menunjukkan sejauh mana tahap penyampaian oleh jabatan-jabatan kerajaan dalam menyelesaikan masalah-masalah utama rakyat. Bagi tahun 2011, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan bahawa KPI bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) adalah untuk menyelesaikan kes-kes perceraian yang melebihi tempoh tiga tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Pada 11 Januari 2011, YB Menteri secara rasminya telah menerahkan strategi pelan tindakan bagi penyelesaian kes-kes perceraian yang melebihi tiga tahun di Mahkamah

Syariah Wilayah Persekutuan untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh JKSM dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan khususnya. Berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan, JKSM telah mengenal pasti sebanyak 28 kes-kes perceraian yang telah melebihi 3 tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan iaitu yang melibatkan kes fasakh (18 kes), pengesahan lafaz cerai (6 kes), permohonan cerai (3 kes) dan taklik (1 kes). Seterusnya pada tahun 2012, YB Menteri telah menetapkan bahawa KPI bagi JKSM adalah untuk menyelesaikan kes-kes perceraian yang melebihi tempoh dua tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. JKSM telah mengenalpasti sebanyak 49 kes-kes perceraian yang telah melebihi 2 tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan iaitu Fasakh (40 kes), Pengesahan Lafaz Cerai (3 kes), Permohonan Perceraian (3 kes) dan Taklik (3 kes).



Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.



Rumah Persekutuan, Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur.



Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur.



Aras 3, Blok Perpustakaan Islam Jakim, Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

Status terkini menunjukkan bahawa KPI yang telah ditetapkan oleh YB Menteri kepada JKSM bagi tahun 2011 dan 2012 telah mencatatkan pencapaian sasaran yang ditetapkan di mana peratusan kes yang melebihi tiga tahun pada 2011 dan dua tahun pada 2012, 100% telah berjaya diselesaikan.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2010

Pemberian Dana Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) RM15 Juta

Pada 6 September 2010, JKSM menerusi Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah mengadakan Majlis Penyerahan Dana Nafkah kepada seramai 70 orang penerima dana yang layak di seluruh Malaysia. Majlis Penyerahan dana nafkah tersebut telah diadakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan telah disempurnakan oleh YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penerima dana ini merupakan golongan pertama yang menerima wang pendahuluan dana Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM15 juta yang diluluskan oleh Kabinet. Penyaluran dana tersebut juga telah diagihkan ke negeri-negeri. Majlis penyerahan dana permulaan itu telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di mana setiap negeri telah disalurkan dana permulaan sebanyak RM100,000.00 yang digunakan sebagai bayaran pendahuluan nafkah kepada ibu atau



Sekitar Majlis Penyerahan Dana Nafkah.

anak yang diabaikan oleh suami atau bapa setelah perintah nafkah dari Mahkamah Syariah dikeluarkan.

Pelancaran Buku Panduan Proses Nikah, Cerai dan Ruju'

Buku ini telah dilancarkan oleh YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 11 julai 2010. Menurut YB Menteri, pelancaran buku Panduan Proses Nikah, Cerai dan Ruju' ini adalah bertujuan agar ia dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada orang ramai dalam hal-hal berkaitan perkahwinan, perceraian dan ruju'. Buku ini mengandungi carta aliran lengkap 14 perkara dalam urusan-urusan yang berkaitan perkahwinan, perceraian dan ruju'.

TAHUN 2011

Perasmian Cawangan Baru BSK Transit

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) merupakan satu bahagian yang ditubuhkan di bawah JKSM untuk bertindak dalam menguruskan tindakan pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah. Pada 24 Julai 2011, BSK telah mencatatkan satu lagi sejarah dengan pembukaan Cawangan Baru BSK Transit JKSM di Kuarters Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. BSK Transit adalah merupakan bantuan perkhidmatan penginapan sementara yang disediakan kepada pihak-pihak sama ada kaum lelaki ataupun wanita yang menghadiri prosiding kes dan keutamaan adalah diberikan kepada mereka yang tidak berkemampuan dan tinggal berjauhan daripada Mahkamah. Bagi tujuan perkhidmatan BSK Transit tersebut, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menyumbangkan RM100,000.00 kepada Bahagian Sokongan Keluarga, sementara Bahagian Pengurusan Hartanah telah bermurah hati menyumbangkan dua unit apartment di Putrajaya. Selain itu, kerjasama turut dijalankan bersama Tunes Hotel di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Sarawak, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu, Sabah. Majlis Perasmian Pembukaan Cawangan Baru BSK Transit ini telah pun sempurna dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir.



Pelancaran Buku Panduan Proses Nikah, Cerai dan Ruju'.



Sekitar Majlis Perasmian Cawangan Baru BSK.

Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-13 dan Konvensyen Peguam Syarie Kali Ke-2

Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia kali ke-13 telah diadakan secara bersama dengan Konvensyen Peguam Syarie kali ke-2 pada 30 Jun 2011 hingga 2 Julai 2011. Persidangan dan Konvensyen ini telah dianjurkan secara bersama antara JKSM, Persatuan Pegawai Syariah Malaysia dan Persatuan peguam Syarie Malaysia dan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah merupakan Penaung

bagi persidangan dan konvensyen pada kali ini. Persidangan dan Konvensyen yang penuh bersejarah bagi pengamal perundangan dan kehakiman Syariah ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 1 Julai 2011 dan telah dihadiri lebih daripada 900 orang peserta dan 200 orang tetamu jemputan. Majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian peruntukan kerajaan Persekutuan sebanyak RM15 juta kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).



Perasmian Bangunan Baru Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), Jalan Duta, Kuala Lumpur

Pada 1 Disember 2011, Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Baru Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan di Jalan Sri Hartamas, Taman Sri Hartamas, Kuala Lumpur. Majlis perasmian tersebut turut dihadiri oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan Tan Sri Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM serta lebih kurang 500 tetamu jemputan. Tuanku Mizan Zainal Abidin turut meluangkan masa melawat ke ruang Galeri Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang menghimpunkan semua sejarah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang bermula sejak ia ditubuhkan sehingga majlis perasmian tersebut disempurnakan. Kompleks Mahkamah baru ini telah dibina pada 10 April 2006 dan siap pada 31 Mei 2011 dengan kos pembinaan bernilai RM96 juta. Majlis Perasmian Bangunan Baru Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah

Persekutuan ini merupakan satu sejarah yang besar dalam Institusi Kehakiman Syariah di Wilayah Persekutuan di samping merupakan satu simbolik dan kebanggaan warga Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan memandangkan bangunan tersebut adalah bangunan pertama milik Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Menteri di JPM bergambar kenangan bersama pegawai-pegawai.

TAHUN 2012

Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-14

Persidangan Pegawai Syariah Malaysia kali ke-14 ini telah diadakan pada tarikh 9 hingga 21 November 2012 bertempat di Hotel One Helang, Langkawi, Kedah dengan bertemakan "Syariah Tranformasi Harta Ummah". Persidangan ini telah dihadiri oleh



semua Pegawai Syariah seluruh Malaysia juga tetamu jemputan dari Brunei serta Indonesia dan telah dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, YB Menteri juga telah sudi untuk merasmikan Majlis Pelancaran Nas Portal e-Syariah JKSM. Sepanjang persidangan ini berlangsung tiga kertas kerja telah dibentangkan dan tiga resolusi telah disepakati untuk diambil tindakan sewajarnya.



Dato' Seri Jamil Khir dan YAA Tan Sri Ibrahim Lembut bergambar kenangan bersama Hakim Rayuan serta Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri seluruh Malaysia.



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



PEJABAT MUFTI WILAYAH
PERSEKUTUAN



SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh
Mufti Wilayah Persekutuan

VISI

Menjadikan sebuah institusi fatwa yang berwibawa, efisien dan sistematik dalam menyelesaikan masalah masyarakat Islam Wilayah Persekutuan merangkumi aspek akidah, syariah, ibadah, sosial, ekonomi, kewangan dan hukum semasa.

MISI

Menyediakan jawapan yang bernes dan tepat bagi setiap persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat awam beragama Islam. Menghidupkan budaya ilmu melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti majlis dialog dengan tokoh ilmuan, bengkel-bengkel dan kursus-kursus yang dianjurkan. Mewujudkan rangkaian perhubungan dan kerjasama dengan lain-lain institusi fatwa dan institusi lain yang berkaitan di dalam atau luar negara. Menyebarluaskan maklumat dan kefahaman Islam yang jelas melalui saluran media cetak dan elektronik serta talian komunikasi.

SEJARAH PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sebelum ini merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Pada waktu itu, Mufti Wilayah Persekutuan menjadi ketua kepada bahagian tersebut yang dikenali sebagai "Bahagian Istintabat". Pada 1 Oktober 1998, ia telah diasingkan daripada struktur JAWI berikutan penyusunan semula struktur Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pembangunan Operasi. Pada peringkat awal operasinya, pejabat ini hanya terdiri daripada 6 orang anggota sahaja yang dipindahkan daripada Bahagian Istintabat JAWI termasuk pegawai dan kakitangan. Mulai tahun 2000, semua urusan pentadbiran dan kewangan pejabat diuruskan sepenuhnya oleh pejabat ini dengan mendapat waran peruntukan mengurus daripada Jabatan Perdana Menteri. Pada 3 Mac 2004, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan cawangan Labuan telah ditubuhkan. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan cawangan Labuan beroperasi di Bangunan Ujana Kewangan Wilayah Persekutuan Labuan.

KPI PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

- Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan:
- Pembangunan sistem e-tauliah.
 - Pembangunan sistem e-kiblat.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

TAHUN 2009

Penjelasan Mengenai Fatwa Pengharaman Yoga dan Pengkid

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menganjurkan program Majlis Penjelasan Fatwa bertempat di Dewan Syaranan, Masjid Negara pada 16 Jun 2009. Majlis Penjelasan Fatwa ini dihadiri oleh dua ratus (200) orang peserta yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta, NGO-NGO Islam Wilayah Persekutuan dan masyarakat awam. Majlis Perasmian disempurnakan oleh

Mufti Wilayah Persekutuan, SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh. Terdapat dua sesi pembentangan kertas kerja pada program tersebut. Sesi pertama berkaitan “Fatwa Pengharaman Yoga”, pembentangan kertas kerja oleh Profesor Zakaria bin Stapa dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tajuk “Issu-isu Akidah Dalam Praktik Senaman Yoga”. Sesi kedua pula berkaitan “Fatwa Pengharaman Pengkid”, pembentangan kertas kerja oleh Profesor Madya Dr. Khaidzir bin Ismail bertajuk “Pengkid: Ciri-ciri dan Penjelasan Dari Sudut Psikologi”. Profesor Madya Datuk Haji Md. Saleh bin Haji Ahmad, Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dilantik untuk membuat ulasan hukum bagi kedua-dua sesi dan fatwa tersebut.



Sebahagian peserta yang hadir.



Pengerusi majlis, Ustaz Muhamad Masri bin Ali.



Sebahagian peserta program Majlis Penjelasan Fatwa.

Liberalisme Ancaman Akidah Masa Kini

Pada 20 Ogos 2009 Pejabat Mufti Wilayah Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Seminar Pemurnian Akidah 2009 bertemakan "Akidah Murni Tanpa Liberalisme" bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seminar ini dirasmikan oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan dan dihadiri oleh seribu (1000) orang peserta dari seluruh Malaysia. Seminar ini telah diisi dengan tiga pembentangan kertas kerja berkaitan isu-isu pemikiran liberal, iaitu "Cabaran Liberalisme di Malaysia" disampaikan oleh Ustaz Haji Muhammad Arifin bin Ismail, "Feminisme Dan Ancaman Terhadap Akidah" oleh Dr. Khalif Muammar bin A. Harris (UKM) dan "Fahaman Pluralisme Agama Merosakkan Akidah" dibentangkan oleh Dr. Anis Malik bin Thoha. Seminar ini berakhir pada jam 4.30 petang.



Peserta-peserta khusyuk mendengar pembentangan.



Barisan VIP yang turut memeriahkan seminar.

Pembentukan Kefahaman Ilmu Tasauf

Pada 12 Disember 2009, satu seminar yang bertemakan 'Ke Arahan Pembentukan Kefahaman Ilmu Tasawuf telah diadakan. Program yang diberi nama Seminar Sufi ini telah berjaya dilaksanakan dengan anjuran bersama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Turut menjadi pengajur bersama ialah Yayasan Sofa, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Darul Hasanah. Seminar ini diadakan bertempat di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Program satu hari ini melibatkan beberapa agenda utama iaitu perasmian, ucaptama, dan juga pembentangan kertas kerja yang meliputi perkara-perkara berkaitan tasawuf. Perasmian telah disempurnakan oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan. Ucaptama seminar ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Hj. Jahid bin Hj. Sidek, Mantan Pensyarah Universiti Malaya, manakala pembentang kertas kerja pertama ialah Ustaz Muhammad Fuad bin Kamaluddin Al-Maliki, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dengan tajuk "Kepentingan Tasauf". Pembentang kertas kerja kedua ialah Syeikh Yusuf bin Mahyuddin Riqq Al-Bakhour Al-Hasani, Guru Mursyid Tarekat dan Mantan Pensyarah Pusat Islam Ontario, Kanada dengan tajuk "Tarekat: Pengertian Sebenar Menurut al-Quran dan as-Sunnah".



Peserta Seminar Sufi 2009.



SS Datuk Hj. Wan Zahidi bin Wan Teh
sebelum Perasmian Seminar Sufi 2009.



Majlis perasmian disempurnakan oleh SS Mufti Wilayah Persekutuan.



Syeikh Dr. Hj. Jahid Bin Hj. Sidek Al-Khalidi Membentangkan Kertas Kerja
"Peranan Tasauf dalam Usaha Mengembalikan Kegemilangan Umat Islam"

TAHUN 2010

Mendepani Cabaran Akidah Semasa

7 Ogos 2010, Dewan Muktamar Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur – Cabaran dan ancaman terhadap akidah umat Islam sentiasa berterusan sejak dahulu hingga kini. Serangan pemikiran merupakan kaedah halus yang jarang disedari oleh masyarakat awam yang tidak mendalami bidang pemikiran. Justeru, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menganjurkan satu seminar bertemakan "Mendepani Cabaran Akidah Semasa" bagi membincangkan beberapa isu pemikiran dari sudut akidah dan syariat yang menimbulkan keresahan di kalangan umat. Isu-isu yang diketengahkan adalah seperti "Gerakan Islam Mendepani Pluralisme Agama" oleh Ustaz Muhammad Arifin bin Ismail, "Bidaah Menurut Pandangan Syariat Islam" oleh Profesor Dr. Abdul Razak bin Abdul Rahman As-Saa'di (UIA), "Dialog Antara Agama dari Perspektif Islam Liberal" oleh Profesor Madya Jaffary bin Awang (UKM) dan "Tarikat Tasawuf : Disiplin Ilmu Islam yang Autentik" oleh Profesor Zakaria bin Stapa. Seminar bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.



Pembentang "Tarikat Tasawuf : Disiplin Ilmu Islam yang Autentik", Profesor Zakaria bin Stapa (kanan).



Pembentangan kertas kerja "Gerakan Islam Mendepani Pluralisme Agama" oleh Ustaz Muhammad Arifin bin Ismail.



Pembentang "Bidaah Menurut Pandangan Syariat Islam", Profesor Dr. Abdul Razak bin Abdul Rahman As-Saa'di (UIA).

Tafaqquh Pemegang Tauliah

Pada 22 Jun 2010, Unit Buhuth Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah mengadakan Program Tafaqquh Pemegang-pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan Siri 2/2010. Program satu hari ini bertempat di Dewan Hadhari, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur. Peserta program ini adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada pemegang-pemegang tauliah mengajar agama Islam di Wilayah Persekutuan. Tiga slot ceramah merupakan agenda utama program ini. Slot pertama dan kedua disampaikan oleh Ustaz Hj. Zamihan bin Mat Zin, Penolong Pengarah Pusat Latihan dan Ilmu Teras, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi. Tajuk ceramah Ustaz Hj. Zamihan bin Mat Zin ialah "Sejarah Perkembangan Ilmu Tauhid" dan "Sifat Dua Puluh". Selepas makan tengah hari dan solat Zuhur, program ini diisi dengan slot ceramah ketiga yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Hanif Al-Razin bin Ab. Kadir, Penolong Mufti Unit Buhuth, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan tajuk "Nubuwwat dan Sam'iyyat".



Peserta Program Tafaqquh Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan Siri 2/2010.



Ustaz Muhammad Hanif Al-Razin bin Ab. Kadir ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Nubuwwat dan Sam'iyyat".



Ustaz Hj. Zamihan bin Mat Zin ketika pembentangan kertas kerja "Sejarah Perkembangan Ilmu Tauhid".

TAHUN 2011

Konvensyen Falak Wilayah Persekutuan dan Pelancaran Kelab Falak Sekolah-sekolah

Sejarah baru dalam perkembangan Ilmu Falak di tanahair telah tercipta dengan tertubuh secara rasminya Kelab Falak Sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan pada 15 Jun 2011 bertempat di Dewan Kompleks Seri Bintang, Taman Shamelin Perkasa, Cheras, Kuala Lumpur. Program ini adalah anjuran bersama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bintang Utara. Program ini dianjurkan bertujuan memberi info falak dalam kehidupan masyarakat serta melancarkan penubuhan Kelab Falak Sekolah-sekolah Wilayah

Persekutuan. Sijil Kelab Falak Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan telah disampaikan oleh YB Tuan Haji Shahabudin bin Yahya; Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai tanda rasmi tertubuhnya 11 buah kelab falak. Antara sekolah-sekolah yang terpilih adalah SMA Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,, SMK Segambut Jaya, SMK Wangsa Maju Seksyen 2, SMK Raja Ali, SMK Puteri Wilayah, SMK Seri Saujana, SMK Laki-Laki Methodist, SMK Bandar Tasik Selatan, SMK Petaling, SMK Seri Bintang (Utara) dan SMK Agama Kuala Lumpur. Konvensyen ini diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti pembentangan kertas kerja falak, gerai pameran falak dari Jabatan Mufti Negeri-negeri dan IPTA, pertandingan roket air, ceramah fenomena angkasa, aktiviti mencerap dan solat gerhana bulan penuh.



Aktiviti mencerap gerhana bulan penuh.



Penyampaian cenderahati kepada YB Tuan Haji Shahabudin bin Yahya; Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Penyampaian ceramah oleh Pensyarah Kanan Jabatan Fizik, Universiti Malaya, Prof. Dr. Mohd Zambri Zainuddin.

Program Pemantapan Fatwa 2011

Program Pemantapan Fatwa merupakan satu program bulanan yang dianjurkan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sejak tahun 2009. Program selama dua jam ini bertujuan memberi kefahaman lebih mendalam mengenai hukum-hakam agama. Program ini dapat dilaksanakan sebanyak 7 siri pada tahun 2011 dengan undangan penceramah Dato' Hj. Md Saleh bin Ahmad, Pensyarah Universiti

Islam Antarabangsa Malaysia. Kupasan beliau mengenai muamalat dan munakahat berpandukan kitab Matla' al-Badrain menarik minat peserta. Selain Pegawai dan Kakitangan pejabat ini, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan juga menjemput tiga orang wakil dari setiap bahagian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai peserta. Turut menjadi penceramah untuk program ini ialah SS Datuk Hj. Wan Zahidi bin Wan Teh dan SSTuan Haji Mamat bin Said.



Dato' Hj. Md. Saleh bin Ahmad memberi kupasan mengenai muamalat.



Program Pemantapan Fatwa turut dihadiri peserta dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.



Kupasan bab Munakahat dari Kitab Matla' al-Badrain.

Majlis Penjelasan Fatwa ESQ 165

Pada 23 Februari 2011, Pejabat Mufti wilayah Persekutuan telah mengadakan satu program untuk memberi penjelasan mengenai Fatwa pengharaman ESQ 165 di Wilayah Persekutuan kepada masyarakat awam. Fatwa pengharaman ESQ 165 telah menjadi polemik yang hangat dibincangkan di media cetak juga elektronik. Majlis Penjelasan ini telah diadakan di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam. Kehadiran peserta melebihi

jangkaan iaitu sebanyak seribu lima ratus orang (1500) dari seluruh Malaysia termasuk peserta dari Sabah dan Sarawak. Antara kertas kerja yang dibentangkan adalah bertajuk "Asas-asas Fatwa Pengharaman ESQ 165 Berdasarkan Kajian Penyelidikan" oleh Profesor Zakaria bin Stapa (UKM) dan "Penyelewengan ESQ 165" oleh Ustaz Farid Achmad bin Okbah daripada Dewan Dakwah Islamiah Indonesia. Majlis dirasmikan oleh SS Mufti Wilayah Persekutuan sendiri.



Sebahagian peserta yang hadir.



Ucapan perasmian oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh.



Pembentangan kertas kerja "Penyelewengan ESQ 165" oleh Ustaz Farid Achmad bin Okbah.

Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia

Ajaran Syiah telah difatwakan haram di Wilayah Persekutuan semenjak tahun 1996. Namun begitu, mutakhir ini, gerakan Syiah dilihat semakin aktif mencari pengaruh di kalangan masyarakat Islam di sini. Memandangkan wujudnya ancaman terhadap akidah umat Islam, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan kerjasama daripada Yayasan Taa'lim telah menganjurkan Seminar Pemurnian Akidah 2011 bertemakan :“Ancaman Syiah Masakini” pada 26 Julai 2011 di Dewan Muktar, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dihadiri oleh seribu (1000) orang peserta dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Tajuk yang dibentangkan dalam seminar ini adalah “Perbezaan Sunni dan Syiah Adalah Akidah Bukan Fiqh” oleh Ustaz Mohamad Asri bin Sabri dan “Kewujudan Syiah dan Kesannya di Sepanjang Sejarah Islam” oleh Ustaz Farid Achmad Okbah (Dewan Dakwah Islamiah Indonesia). Perasmian penutup disempurnakan oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan dan seminar ini berakhir jam 2.00 petang.



Seminar Pemurnian Akidah 2011 bertemakan : “Ancaman Syiah Masa kini.”



Ucapan Penggulungan dan Majlis Penutup oleh SS Datuk Mufti Wilayah Persekutuan.

Pelancaran Kad Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan

Pada 28 Jun 2011, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Majlis Pelancaran Kad Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah diadakan di Dewan al-Ghazali, Masjid Imam Ghazali, Bandar Menjalara. Majlis dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B),

Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir ialah Dato' Haji Osman bin Mustafa, Ketua Pengarah Jakim. Seramai 420 orang guru dan pendakwah yang telah mendapat tauliah telah hadir. Satu kertas kerja telah dibentangkan bertajuk "10 Salah Tanggapan Mengenai Kedudukan Islam di Malaysia" disampaikan oleh Tuan Haji Mohamad Nasir bin Disa, Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Peguam Negara.



Turut hadir Dato' Hj Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah Jakim (kiri).



Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) ketika Melancarkan Kad Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 28 Jun 2012 di Dewan al-Ghazali Masjid Imam al-Ghazali, Bandar Menjalara, Kepong Kuala Lumpur.



Pembentangan kertas kerja oleh Tuan Haji Mohamad Nasir bin Disa, Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah) Bahagian Penyelidikan, Jabatan Peguam Negara.

Mengukuhkan Kerjasama Antara Sektor Agama dan NGO-NGO Islam

Seminar Penjelasan Fatwa dan Dialog bersama Ketua-Ketua Sektor Agama Islam dan NGO-NGO Islam Wilayah Persekutuan Labuan telah dianjurkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Yayasan Ta'lim pada 23 April 2011. Seminar satu hari ini telah disempurnakan perasmianya oleh SS Datuk Hj. Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan. Pengisian seminar ini dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama ialah pembentangan kertas kerja pertama oleh Prof. Zakaria bin Stapa, dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tajuk "Asas-asas Fatwa Pengharaman

ESQ 165 Berdasarkan Hasil Penyelidikan" dan pembentangan kertas kerja kedua pula Ustaz Farid Achmad bin Okbah, Ketua Majlis Syura Dewan Islamiah Indonesia dengan tajuk "Penyelewengan ESQ 165". Bagi sesi kedua iaitu sesi dialog antara Ketua-ketua Sektor Agama Islam dan NGO-NGO Islam Wilayah Persekutuan Labuan turut dibentangkan kertas kerja bertajuk "Peranan NGO: Satu Pengalaman Dalam Menghadapi Cabaran Semasa" oleh Tuan Haji Norhaza Ahmad Redzuan Abdullah dari Jabatan Agama Islam Sarawak. En. Ir. Jamaludin bin Shamsudin dari Ikatan Badan Amal Islam Wilayah Persekutuan turut membentangkan kertas kerja mengenai Pelan Strategik NGO 2011-2015.



Barisan pembentang kertas kerja dan urus setia terlibat.



Prof. Zakaria Stapa (kanan) dan Ustaz Muhammad Arifin bin Ismail sebelum pembentangan kertas kerja.



Tuan Haji Norhaza Ahmad Redzuan Abdullah ketika sesi dialog.

TAHUN 2012

Pelihara Akidah Tanggungjawab Bersama

Buat pertama kalinya, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah bekerjasama menganjurkan Seminar Akidah Peringkat Kebangsaan pada 20 September 2012 (Khamis) bertempat di Bilik Senat & Bilik Majlis, Bangunan Censelori UKM, Bangi. Seminar ini bertemakan “Pemerkasaan Pemahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, diadakan dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan dihadiri oleh 250 orang peserta. Objektif utama

program ini adalah untuk memperkasa kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menangani cabaran dan isu-isu semasa yang berkaitan dengannya. Bermula dengan ucaptama dari ketiga-tiga penganjur, seterusnya majlis perasmian oleh Profesor Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, di sebelah petang seminar ini diisi dengan sepuluh (10) pembentangan kertas kerja berkaitan Isu-isu Akidah dan berakhir dengan perasmian penutup oleh Profesor Dr. Mohd Nasran Mohamad, Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM.



Sebahagian peserta seminar yang hadir.



Profesor Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM (tengah) ketika Majlis Perasmian.



Ucaptama oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh.

Istiadat Mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-XIV

Pada 3 Februari 2012 (Jumaat) yang lalu, sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-XIV. Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah menyertai Istiadat Mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku ketua agama Wilayah Persekutuan di Istana Negara. Rombongan ini telah diketuai oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh selaku Mufti Wilayah Persekutuan. Dalam kunjungan tersebut SS Datuk Mufti Wilayah Persekutuan telah sembah maklum mengenai Kumpulan Pemuda Kahfi (NII), Ciri-ciri Fahaman dan Ajaran Syiah Yang Bercanggah dan Menyeleweng daripada Pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah dan Fatwa Mengenai Upacara Hari Kenangan Rakan Seperjuangan di Tugu Negara. Majlis berakhir dengan mengabadikan kenangan bersama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasim Billahhi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni AlMarhum Sultan Badlishah.



Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah mengadakan kunjung sembah ke atas Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.



Rombongan ini telah diketuai oleh SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh selaku Mufti Wilayah Persekutuan.



Rombongan Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan mengabadikan kenangan bersama Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 3 Mac 2012 yang lalu di Istana Negara.

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan

Pada 10 Mac 2012 bertempat di Dewan Syura Perdana, Tingkat 11, Menara Pusat Islam Kuala Lumpur satu Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan bagi sesi 2010 – 2013 telah diadakan. YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah hadir untuk

menyampaikan watikah tersebut kepada SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh sebagai Pengerusi, seterusnya ahli-ahli jawatankuasa iaitu S.S Tuan Haji Mamat bin Said, Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Dato' Abd. Aziz bin Che Yacob, Prof. Dr. Mahamad bin Ariffin, Prof. Dr. Mohd Nasir bin Omar; Tuan Haji Wan Halim bin Wan Harun, Prof. Dr. Siti Rogayah binti Haji Tibek, Datin Nik Ismah binti Haji Abdul Rahman, Prof. Zakaria Stapa, Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah bt. Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof dan Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Yusof.



Gambar kenangan Ahli Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan bagi sesi 2010 – 2013 bersama Dato' Seri Jamil Khir.



SS Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh menerima watikah pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan daripada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Pedana Menteri.



Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman menerima watikah pelantikan.

Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan

Sebanyak 1015 permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan telah diterima oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) bermula dari tahun 2009-2012. Permohonan terdiri daripada warganegara dan warga asing. Bagi mengelakkan berlaku penyelewengan penyebaran dan pengajaran agama Islam di Wilayah Persekutuan, PMWP telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan pemberian tauliah tersebut dengan mengadakan temu duga dan Muzakarah Tauliah Mengajar Agama Islam Wilayah Persekutuan. Permohonan ditemu duga oleh panel yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Wilayah Persekutuan. Temuduga ini diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima oleh PMWP. Setelah keputusan temuduga diperolehi, pemohon yang berjaya diwajibkan untuk menghadiri Muzakarah Tauliah Mengajar Agama Islam yang diadakan sebanyak empat kali setahun.



Salah seorang calon sedang ditemu duga.



Sebahagian calon temu duga.



Sebahagian calon temu duga warga asing.

Perkhidmatan Aktiviti Pengesahan Kiblat Atas Talian (e-Kiblat)

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sekali lagi mengorak langkah ke hadapan seiring dengan perkembangan dunia teknologi dengan menyediakan perkhidmatan memohon, membuat temu janji kerja pengukuran kiblat dan pengeluaran surat akuan pengesahan secara atas talian. Pelanggan perkhidmatan ini hanya perlu melayari laman sesawang jabatan di alamat <http://www.muftiwp.gov.my/arakhiblat/index.php>. Perkhidmatan e-Kiblat ini telah mula diperkenalkan pada 19 Mac 2012 dengan tujuan menyediakan kemudahan kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan seiring dengan keperluan dan dunia semasa.

Semakan Arah Kiblat Tanah Perkuburan Islam di Wilayah Persekutuan

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah membuat semakan arah kiblat di 38 tanah perkuburan Islam Wilayah Persekutuan. Ianya meliputi 23 buah tanah perkuburan Islam di Kuala Lumpur dan 15 buah tanah perkuburan Islam di Labuan. Aktiviti semakan arah



kiblat bertujuan membina replika / petunjuk arah kiblat yang tepat di tanah perkuburan, mengelak berlaku pesongan arah kiblat dan memberi panduan kepada petugas tanah perkuburan Islam. Program ini telah dijalankan pada pertengahan tahun 2011 dan awal tahun 2012.



Semakan arah kiblat tanah perkuburan Islam Kg. Bohol.



Semakan arah kiblat tanah perkuburan Islam Pantai Dalam.



Semakan arah kiblat tanah perkuburan Islam Taman Ibu Kota.

Cerapan Gerhana Matahari Separa

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Masjid Negara telah mengadakan Program Cerapan Gerhana Matahari Separa di perkarangan Masjid Negara kuala Lumpur pada 15 Januari 2012 bermula Jam 2.00 petang hingga 5.00 petang. Tujuan program ini diadakan bagi memberi peluang kepada warga Kuala Lumpur untuk melihat sendiri secara terus dan terperinci dari bermulanya gerhana matahari sehingga berakhirnya dengan jelas menggunakan teleskop dan *total station* yang disediakan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu orang ramai juga telah diberi penerangan berhubung fenomena berlakunya gerhana matahari tersebut.

Sebagai tanda kesyukuran dan pujian atas kebesaran Allah orang ramai berpeluang melakukan Solat Gerhana Matahari dan mendengar Khutbah dari Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Dato' Syaikh Haji Ismail bin Haji Muhammad. Adalah diharapkan dengan adanya program cerapan seperti ini dapat mendidik masyarakat mengetahui apakah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Islam apabila berlakunya gerhana. Secara tidak langsung dapat membanteras amalan –amalan khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam bila berlaku gerhana.



Gambar gerhana matahari separa.



Fasa awal gerhana separa

Cerapan Anak Bulan

Cerapan Anak Bulan merupakan tugas utama Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam melaksanakan tugas seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Cerapan Anak Bulan dilakukan setiap bulan bagi menentukan permulaan awal bulan sebagai penyediaan taqwim hijri tahunan. Kegiatan ini dilakukan sebanyak 12 kali sepanjang tahun pada setiap penghujung bulan Hijri termasuk 3 kali cerapan rasmi. Berdasarkan cerapan, tiada kenampakan anak bulan direkodkan sepanjang tempoh 2009-2012. Cerapan rasmi dilakukan bagi menentukan tarikh pelaksanaan ibadat puasa Ramadhan, tarikh Hari Raya Aidil Fitri dan tarikh Hari Raya Aidil Adha untuk diisytiharkan oleh media massa melalui pengumuman Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia. Di Wilayah Persekutuan, terdapat tiga lokasi cerapan iaitu Menara Kuala Lumpur (MKL), Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan Menara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UNIMAS). Menara UNIMAS Labuan pernah mencatat rekod anak bulan termuda pada cerapan rasmi pada cerapan Zulhijjah 1432H iaitu 14 jam 57 minit pada ketinggian 02 darjah 13 minit 15 saat selepas matahari terbenam pada jam 6.00 malam.



Contoh gambar anak bulan yang dapat dirakam.




SS Mufti bersama AJK Falak Wilayah Persekutuan mencerap anak bulan di Menara Kuala Lumpur.



SS Mufti Wilayah Persekutuan melaporkan hasil cerapan anak bulan di Menara Kuala Lumpur kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.



Orang ramai mengambil peluang menyaksikan fenomena gerhana.



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)





Datuk Haji Anan C. Mohd
Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan
Haji (JAWHAR)

VISI

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah bertaraf dunia

MISI

Meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik

SEJARAH PENUBUHAN JAWHAR

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisyiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.

Pengumuman itu mencatatkan sejarah tersendiri yang menjadi titik permulaan usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan.

Iltizam YAB Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9.

“Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan”.

Pelancaran rasmi JAWHAR disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato' Dr Abdullah Bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Islam. Pelancaran ini telah berlangsung di Dewan 2, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Putrajaya. Dalam ucapan perasmianya, YB Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut:

"Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang".

KPI MENTERI (JAWHAR)

Bagi tahun 2012, terdapat 2 MKPI JAWHAR seperti berikut;

- I. Pembinaan Asrama Pelajar Bagi Daerah Besut
Di Atas Tanah Wakaf Lot 2654, Mukim Kg. Raja, Besut, Terengganu

Keterangan : Projek ini akan memberikan kemudahan asrama kepada 176 pelajar (lelaki dan perempuan) lepasan SPM dan STPM yang gagal serta ingin mengulangi semula pengajian. Asrama ini menyediakan persekitaran pelajaran yang kondusif serta menyumbang kepada pembangunan modal insan Negara. Jumlah kos projek adalah sebanyak RM 8.3 juta dan projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun ini. Majlis penyerahan bangunan daripada JAWHAR kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 10 September 2012. Asrama tersebut telah pun memulakan operasinya dengan penempatan pelajar oleh Yayasan Terengganu.

2. Pembangunan Pusat Data Zakat Kebangsaan

Keterangan : Projek ini merupakan satu pangkalan data yang komprehensif berkaitan zakat yang boleh diakses oleh pihak yang berkepentingan demi manfaat ummah. Fasa I

pelaksanaan (tahun 2012) sedang berjalan mengikut jadual melibatkan dokumentasi, kelulusan dan usaha mendapatkan persetujuan daripada MAIN-MAIN.

Bagi tahun 2011, MKPI JAWHAR adalah seperti berikut;

- I. Pembangunan 10 projek fizikal hartaanah wakaf di seluruh Negara.

Keterangan : Sebanyak 8 projek telah siap sepenuhnya manakala 2 projek lagi masih di peringkat pelaksanaan. Projek yang telah siap adalah seperti berikut:

- i.) Pembinaan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor, Balik Pulau, Pulau Pinang
- ii.) Pembinaan Pusat Dialisis dan Ruang Niaga, Batu Pahat, Johor
- iii.) Pembinaan Rumah Perlindungan Wanita, Johor Bahru, Johor
- iv.) Pembinaan Rumah Kedai Mukim Utan Aji, Perlis
- v.) Pembinaan Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka, Tg. Kling, Melaka
- vi.) Pembinaan Hotel Wakaf & Baitul Hilal, Port Dickson, N.Sembilan
- vii.) Pembinaan Hotel Wakaf Taiping, Perak
- viii.) Pembinaan Asrama Pelajar bagi Daerah Besut, Terengganu

Projek yang masih di peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut:

1. Pembinaan Hotel Wakaf Kuala Terengganu, Terengganu
2. Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah, Sg. Nibong, P. Pinang

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Pemerkasaan Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembangunan sumber modal Bumiputera seperti tanah dan harta wakaf telah diberikan perhatian oleh kerajaan dengan tertubuhnya Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2004. Pendekatan transformasi telah diambil dalam membantu Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) yang merupakan pemegang amanah tunggal hartanah wakaf di Malaysia bagi memperkasakan pembangunan hartanah wakaf. Perkara ini juga telah diberikan perhatian khusus melalui rancangan

pembangunan lima tahun Malaysia. Melalui RMKe-9, peruntukan sebanyak RM256.4 juta telah disalurkan melalui JAWHAR bagi pembangunan sebanyak 16 projek fizikal pembangunan hartanah wakaf di mana 6 projek telah siap dalam tempoh ini. Melalui RMKe-10 pula, peruntukan sebanyak RM72.76 juta pula telah disalurkan bagi 10 projek sambungan di bawah RMKe-9. Pembangunan projek ini telah diterima baik oleh pihak MAIN dan masyarakat serta menunjukkan komitmen yang tinggi kerajaan pusat dalam memartabatkan pembangunan hartanah wakaf demi meningkatkan kemajuan sosioekonomi ummah. Projek-projek yang terlibat adalah seperti berikut:



Asrama Anak Yatim Mukim Derga, Kedah (Asrama Anak Yatim Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah binti Hamidun).



Kerja Awalan Pembinaan Kompleks Wakaf, Seksyen 9, Kajang, Selangor.





Asrama Anak Yatim Mukim Machang, Kelantan.



Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Balik Pulau, Pulau Pinang.



Pusat Dialisis dan Ruang Niaga, Batu Pahat, Johor.



Rumah Perlindungan Wanita, Johor Bahru.





Pembelian Peralatan Kompleks Islam Sarawak.



Pusat Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan (Kompleks Al-Sa'adah).



Rumah Kedai Mukim Utan Aji, Perlis.



Hotel Wakaf MAIM, Tg. Kling, Melaka (Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM)).



Hotel Wakaf Taiping, Perak (Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk)).



Asrama Pelajar Daerah Besut, Terengganu.



Hotel Wakaf Kuala Terengganu, Terengganu.



Hotel Wakaf dan Baitul Hilal, Port Dickson, Negeri Sembilan (Hotel Klana Beach Resort (JAWHAR-MAINS)).




Unit Kediaman Sg. Nibong, Pulau Pinang,

DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus Sempurnakan Majlis Perasmian Kompleks Al-Sa'adah, Seremban

Majlis Perasmian Kompleks Al-Sa'adah, Seremban, Negeri Sembilan yang dahulunya dikenali Pusat Kegiatan Saudara Baru telah berlangsung pada 19 Januari 2012 dengan penuh meriah. Majlis Perasmian Kompleks tersebut telah disempurnakan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Mejer Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seramai 2,000 tetamu jemputan termasuk penduduk tempatan yang tinggal di kawasan sekitar. Bangunan ini dibina mengikut konsep seni bina Masjid

Xian di China lengkap dengan laman dan menara pagoda dengan kos RM7.76 juta. Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta dan bakinya dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Kompleks Al-Sa'adah akan menjadi mercu tanda di Negeri Sembilan di samping menjadi tempat saudara baru/mualaf mendalami dan memantapkan kefahaman Islam dengan solat berjemaah, mengikuti kelas bimbingan akidah dan al-Quran serta pelbagai lagi aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Pelbagai kemudahan disediakan antaranya dewan serbaguna, dewan makan, bilik mesyuarat, bilik Imam, bilik VIP, perpustakaan, bilik mandi jenazah, dewan solat utama, ruang pejabat, hostel dan juga kuarters mubaligh.



Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan menandatangani plak perasmian disaksikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberikan ucapan aluan.



Ketua Pengarah JAWHAR memberikan penerangan kepada YB Menteri.



Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami (JAWHAR-MAINPP).



Yang di-Pertuan Agong diiringi YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri melawat kompleks.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Merasmikan Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami (JAWHAR-MAINPP), Balik Pulau, Pulau Pinang

Kompleks ini telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 24 Jun 2011. Majlis turut diserikan dengan kehadiran dif-dif kenamaan seperti Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan lain-lain. Seramai 1500 tetamu jemputan telah hadir termasuk Datuk Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR. Kompleks ini dibangunkan dengan kos sebanyak RM41 juta melalui peruntukan kerajaan persekutuan yang disalurkan menerusi JAWHAR. Kompleks ini mengandungi blok pentadbiran, blok akademik, dewan makan, padang permainan, asrama lelaki dan perempuan serta dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan prasarana terkini kepada seramai 1000 orang pelajar yang akan menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.

DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Merasmikan Hotel Wakaf Melaka

Hotel ini yang terletak di Tg. Kling Melaka telah dirasmikan pada 11 November 2011. Hotel ini kini dinamakan Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM) dan dibangunkan dengan kos sebanyak RM25.6 juta daripada kerajaan persekutuan yang disalurkan melalui JAWHAR. Majlis perasmian turut dihadiri oleh dif-dif kenamaan seperti Yang Dipertua Negeri Melaka, Ketua Menteri Melaka, YB Mejer Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Datuk Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pengarah

JAWHAR. Hotel ini merangkumi satu blok bangunan tujuh tingkat dengan kemudahan sebanyak 87 bilik penginapan, pejabat pengurusan, bilik mesyuarat, restoran, dewan makan, dewan serbaguna, dewan seminar, kolam renang, surau, dan lain-lain. Pembinaan projek ini akan meningkatkan peluang perniagaan kepada golongan usahawan islam terutama golongan usahawan asnaf melalui perniagaan perhotelan. Hotel ini juga menjadi sumber dana dan meningkatkan hasil pendapatan kepada Majlis Agama Islam Melaka. Pada masa kini hotel ini telahpun beroperasi dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung.



Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM), Melaka.



Ucapan perasmian oleh SPB YDPA.



Ketibaan Yang Dipertua Negeri Melaka.



Ketibaan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pusat Hemodialisis Batu Pahat, Johor Bahru Memanfaatkan Masyarakat

Pusat yang dibangunkan di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Johor ini telah mula dibina pada 1 Julai 2009 dan siap pada 14 Disember 2010. Bangunan yang menelan belanja RM 8 juta ini telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 2 Jun 2011 sempena Program Kembara Mahkota Johor 2011. Pusat ini terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu ruang dialisis, ruang pejabat dan dewan serbaguna. Ruang dialisis menempatkan sebanyak 38 buah katil

pesakit yang dilengkapi dengan bilik doktor, bilik jururawat dan bilik farmasi. Ruang pejabat dibina bagi tujuan sewaan manakala dewan serbaguna boleh digunakan untuk pelbagai kursus dan majlis. Pusat ini dapat memberikan rawatan dialisis dan meningkatkan kualiti hidup kepada rakyat khususnya umat Islam di sekitar Johor Bahru. Pusat ini juga dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran dengan membuka peluang kepada usahawan muslim terutamanya golongan asnaf untuk memperluaskan bidang perniagaan melalui ruang niaga yang disediakan.



Pusat Dialisis Johor Bharu.



Penyampaian cenderahati.



DYMM Sultan menanam pokok.

Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Merasmikan Asrama Anak Yatim Mukim Derga, Kedah

Bangunan asrama yang bernilai RM 2.08 juta ini telah dibangunkan di atas tanah wakaf Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) seluas 2.04 hektar dan siap pada 15 Disember 2009. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Kedah, Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 17 Jun 2010 dengan kehadiran seramai 400 orang tetamu jemputan termasuk YB. Mejer Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, YB. Senator Datuk Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan mantan Ketua Pengarah JAWHAR, Allahyarham Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh. Asrama ini dilengkapi dengan kemudahan bilik asrama, pejabat, surau, rumah warden, bilik sakit, bilik mesyuarat, dewan makan dan stor serta menempatkan seramai 50 orang anak yatim perempuan dengan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam membangunkan modal insan negara. Asrama ini juga telah dinamakan Asrama Anak Yatim Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah binti Hamidun.



Tuanku Sultan Kedah menandatangani plak perasmian.



Ucapan aluan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Asrama Anak Yatim Mukim Derga, Kedah (Asrama Anak Yatim Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah binti Hamidun).

Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf

Sejak ditubuhkan sejak tahun 2004, kerajaan melalui JAWHAR telah mula mentransformasikan pembangunan hartaanah wakaf di Negara ini. Pendekatan pembangunan hartaanah wakaf yang tertumpu kepada pembinaan masjid, surau, tanah perkuburan dan rumah anak yatim kini telah ditransformasikan kepada projek-projek ekonomi yang dapat memberikan faedah jangka masa panjang kepada MAIN bermula tahun 2007. Antara projek ekonomi yang telah diperkenalkan termasuklah pembinaan sebanyak 4 buah hotel yang dibangunkan di atas tanah wakaf.



Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM), Melaka.

Hotel tersebut termasuklah Hotel Pantai Puteri (JAWHAR-MAIM) Melaka, Hotel Klana Beach Resort (JAWHAR-MAINS) Port Dickson, Negeri Sembilan, Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk), Taiping dan Hotel Wakaf Kuala Terengganu. Sebanyak tiga buah hotel telah mula beroperasi iaitu di Melaka, Port Dickson dan Taiping manakala hotel di Kuala Terengganu masih di peringkat pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun 2012. Hotel tersebut kini menjana pendapatan yang memberangsangkan kepada pihak MAIN berkenaan di samping menyediakan premis perniagaan kepada usahawan hotel muslim.




Hotel Klana Beach Resort (JAWHAR-MAINS) dan Baitul Hilal.



Hotel Wakaf Taiping, Perak (Hotel Seri Warisan (JAWHAR-MAIPk)).



Hotel Wakaf Kuala Terengganu, Terengganu.



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)





Datuk Haji Che Mat bin Che Ali

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

VISI

Menjadi sebuah organisasi peneraju dalam memartabatkan hal ehwal Islam.

MISI

- Memantapkan aqidah, syariah dan akhlak secara kolektif dan komprehensif.
- Mengurus hal ehwal kekeluargaan Islam.
- Melaksanakan dakwah secara menyeluruh dan profesional.
- Memantapkan pendidikan ummah berteraskan al-Quran dan Sunah.
- Mengimarahkan masjid dan surau.

SEJARAH PENUBUHAN

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ditubuhkan pada peringkat awalnya dengan nama Urus Setia Majlis dengan tujuan untuk melancarkan perjalanan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Ia diwujudkan pada 1 Februari 1974.

Urus Setia Majlis pada ketika itu hanya terdiri daripada beberapa orang pegawai sahaja, iaitu:

1. Mufti Wilayah Persekutuan
2. Kadi Besar Wilayah Persekutuan
3. Ketua Penolong Setiausaha
4. 2 Orang Kadi
5. Pegawai Tadbir Masjid
6. 2 Orang Pegawai Zakat dan Baitulmal
7. Pegawai Pendakwa dan Penguat Kuasa

Apabila Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ditubuhkan pada tahun 1978, JAWI telah diletakkan di bawah kementerian ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 1987 kementerian ini telah dimansuhkan. Maka, JAWI telah diletakkan pula di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sehingga kini. Pada peringkat awal operasi, JAWI hanya terdiri daripada beberapa unit kecil sahaja iaitu:

1. Unit Pentadbiran
2. Unit Pengurusan Masjid
3. Unit Penguat Kuasa dan Pendakwaan
4. Unit Pentadbiran Nikah , Cerai dan Ruju`
5. Unit Zakat dan Baitulmal
6. Unit Fatwa

Sejak awal penubuhannya, JAWI tidak pernah menoleh ke belakang malah terus berkembang hingga ke hari ini dengan kewujudan dua cawangan iaitu Cawangan Labuan diwujudkan pada 16 April 1984 manakala Cawangan Putrajaya pula diwujudkan pada 1 Ogos 2001. Kini, peranan JAWI telah diperluaskan kepada beberapa bidang antaranya:

1. Merancang pembangunan dan aset Majlis
2. Penyelidikan
3. Memberi pendidikan serta keperluan guru yang mencukupi untuk mendidik anak-anak masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan
4. Menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan

5. Pengurusan saudara baru yang lebih konsisten
6. Pengurusan zakat, wakaf dan Baitulmal
7. Penguatkuasaan dan Pendakwaan serta memberi kaunseling kepada pasangan bermasalah
8. Pentadbiran Undang-undang Keluarga yang lebih sistematik
9. Menerbitkan dan mengedarkan majalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti JAWI dan kitab-kitab agama
10. Penyelidikan fatwa

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2009

Integrasi ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Majlis Pelancaran Integrasi ICT Sekolah Rendah Agama & Pengumuman Keputusan UPSRA 2009 Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah diadakan telah dirasmikan oleh YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Haji Jamil Khir Bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Disember 2009 di Megaview Banquet Deck, Menara Kuala Lumpur. Projek rintis



Suasana di dalam kelas.



Dato' Seri Jamil Khir merasmikan Pelancaran Integrasi ICT dengan pukulan gendang diiring oleh Datuk Hj. Che Mat, En. Fazlur Rahman (Pengerusi TSS) dan En. Zainudin Ketua (Pegawai Eksekutif TSS).



Pelancaran Integrasi ICT Sekolah Rendah Agama dan Pengumuman Keputusan UPSRA 2009.

pembestarian Sekolah Rendah Agama (SRA) ini merupakan sebuah projek kerjasama antara Telekom Smart School (TSS) dan JAWI di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) yang membabitkan perluasan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam di SRA di bawah pengurusan JAWI. Projek rintis ini telah dilaksanakan di 5 buah SRA JAWI iaitu:

1. Sekolah Rendah Agama Al-Watan, Kampung Pandan, Kuala Lumpur
 2. Sekolah Rendah Agama Mubarakah, Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur
 3. Sekolah Rendah Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur
 4. Sekolah Rendah Kampung Pasir Baru, Petaling, Kuala Lumpur
 5. Sekolah Rendah Agama Segambut Dalam, Kuala Lumpur
- Melalui projek ini SRA terbabit telah dibekalkan dengan:
- Aplikasi pembelajaran JAWI model J-QAF (Off Shelf) dalam bentuk visual dan audio yang menggunakan ICT serta aplikasi

bahasa Arab yang menggunakan Flash Card (Kad Imbasan Bergambar).

- Pembangunan Learning Objek yang meliputi 25 tajuk utama daripada lapan mata pelajaran yang diajar di SRA JAWI dengan menggunakan kurikulum terkini.
- Sistem ICT yang dikenali sistem pengurusan sekolah meliputi data pelajar, guru, kakitangan sekolah, kewangan sekolah, laporan keselamatan sekolah dan laporan pembersihan sekolah.
- Rangkaian Internet dan Portal Sekolah dibangunkan dengan menggunakan alamat berikut:
 - i. www.srawp.com.my
 - ii. www.srawp.com.my/web/srasd
 - iii. www.srawp.com.my/web/stratik
 - iv. www.srawp.com.my/web.sraam
 - v. www.srawp.com.my/websrapb
 - vi. www.srawp.com.my/web/sraaw



Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan CD Interaktif ICT.



Guru SRA menggunakan CD Interaktif ICT.

TAHUN 2010

Program Pemberian Makanan kepada Komuniti Disayangi

Majlis Pelancaran Program Pemberian Makanan Kepada Masyarakat Terpinggir Melalui Masjid dan Surau telah diadakan pada 15 Julai 2010 di Laman Masjid Negara dan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B). Program yang dimulakan sejak 5 Julai 2010 merupakan cetusan idea Dato' Seri Jamil Khir. Program ini berbentuk dakwah bil hal, yang mana golongan gelandangan (muslim dan bukan muslim) diberi makanan percuma melalui masjid-masjid atau surau-surau sekitar Kuala Lumpur pada waktu yang

dijadualkan. Rentetan beberapa pemantauan telah dibuat di beberapa gereja sekitar Kuala Lumpur menunjukkan pihak gereja mengalu-alukan golongan gelandangan termasuk yang beragama Islam agar sama-sama menikmati hidangan yang disediakan secara percuma oleh pihak mereka. Hal ini ditakuti akan merosakkan akidah golongan ini terhadap Islam. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Islamic Outreach ABIM, Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Reach Out Charitable Society, dan Rumah Sinar Salam. Antara lokasi yang terlibat adalah Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Masjid Negara, Surau PERKIM, Surau AADK Jalan Dato' Onn , Surau AADK Jalan Chow Kit, Rumah Sinar Salam.



Dato' Seri Jamil Khir menyampaikan sumbangan.



Sidang media sempena program Pemberian Makanan kepada Komuniti Disayangi.



Golongan gelandangan menerima sumbangan makanan.



Para tetamu yang hadir pada Program Pemberian Makanan kepada Komuniti Disayangi.

Kad Nikah | Jam | Wilayah

Majlis pelancaran Kad Perakuan Nikah | Jam | Wilayah ini telah diadakan pada 1 Mac 2010 bertempat di Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Kompleks Pusat Islam, JAWI. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B). JAWI merupakan perintis atau jabatan agama Islam pertama yang memproses pengeluaran kad nikah dalam masa 1

jam. Kad nikah ini juga lebih berkualiti serta mempunyai ciri-ciri keselamatan khusus yang menyukarkan pihak tertentu untuk memalsukannya terutamanya bagi pasangan bersekedudukan. Dari segi kelebihannya ia bersaiz kecil dan mudah dibawa ke mana-mana. Kad terbabit dikeluarkan oleh JAWI dengan harga RM28 bagi setiap pasangan. Kad nikah berkenaan juga memudahkan pihak penguasa untuk membuat rujukan terhadap pasangan berkahwin.



Dato' Seri Jamil Khir dan isteri, Datin Seri Fatmawati Saidin memegang replika kad perakuan nikah sempena Pelancaran Pengeluaran Kad Nikah | Jam | Wilayah.



Maklumat pasangan dalam cip berkomputer.



Kad Nikah terdahulu.



Kad Nikah terkini.

TAHUN 2011

‘Raudhatul Sakinah’ (Kubur dalam Taman)

Projek ini diuar-uarkan semasa Program Gotong Royong Perdana di Tanah Perkuburan Islam KL-Karak pada 11 Disember 2010. Kerja pembangunan mula dilaksanakan pada 18 Julai 2011 dan siap dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 17 Januari 2012. Pada 20 Julai 2012, Majlis Perasmian Raudhatul Sakinah KL-Karak (Kubur Dalam Taman) dan Pelancaran Sistem e-Pusara di Tanah Perkuburan Islam, Raudhatul Sakinah, Taman Batu Muda telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd. Yassin. Raudhatul Sakinah ialah projek pembangunan tanah perkuburan Islam moden yang membatikan kerja memperindahkan landskap serta mempunyai

ciri-ciri pengurusan yang sistematik dan dilengkapi dengan kemudahan sistem maklumat pengkebumian (e-Pusara). Projek pembangunan ini mampu meningkatkan imej pengurusan Islam yang inovatif selari dengan peredaran masa. Konsep utama pelan pembangunan tanah kubur ini meliputi tapak pengkebumian, tapak kemudahan infrastruktur dan pengurusan serta rangkaian pejalan kaki. Keindahan landskap pula dari pokok-pokok yang kurang penyelenggaraan, berbau harum, daun berwarna dan rendang seperti cempaka hutan, melor, bunga china, cempaka putih, kemboja, craton dan pokok-pokok lain yang difikirkan sesuai. Perkuburan Islam ini mencerminkan masyarakat Islam yang tertib, maju dan makmur dengan kemudahan dan kelengkapan yang tersusun rapi di samping kebersihan dan pengindahan kawasan kubur yang diawasi sepanjang masa.



Kawasan perkuburan Raudhatul Sakinah.



Pandangan landskap di sebahagian kubur KL-Karak.



Sekitar Majlis Perasmian Raudhatul Sakinah.



Pandangan bagi pelan batu tanda yang terdapat di setiap plot kubur.

Batu nisan dan kepungan kubur yang telah diseragamkan.



Bangunan pentadbiran Kawasan Perkuburan KL-Karak.

Sistem E-Pusara

Pembangunan sistem e-Pusara bermula pada Februari 2011 dan siap pada November 2011. Sistem ini merupakan aplikasi berdasarkan web yang boleh dicapai serentak oleh orang ramai dan pentadbir sistem untuk mendapatkan pelbagai maklumat mengenai pengurusan tanah perkuburan di Wilayah Persekutuan. Waris dan orang awam dapat mencari lokasi kubur dan maklumat si mati dengan pantas dan mudah. ia digunakan oleh penyelia kubur dan penyelaras zon untuk menguruskan tanah perkuburan di samping mengenal pasti lot tanah perkuburan yang telah dan belum digunakan. Melalui sistem ini, JAWI dapat mengumpul data mengenai kubur dan maklumat si mati secara berpusat dan sistematik. Sistem ini memudahkan proses menjana laporan seperti senarai kematian dan juga statistik jumlah kematian mengikut hari, minggu, bulan dan tahun. Selain itu, melalui sistem ini, pentadbir sistem boleh mengubahsuai lokasi dan bentuk kubur dengan menggunakan pemetaan interaktif.



Laman web e-Pusara.

Laman utama e-Pusara

Pengenalan laman web e-Pusara.

Program Imam Muda Qaryah (IMQ) Pelapis JAWI

Program Imam Muda Qaryah (IMQ) Pelapis JAWI bermula pada 13 Februari 2011. Manakala Anugerah Perdana IMQ Pelapis JAWI telah diadakan pada 24 Julai 2011 bertempat di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam. Malam anugerah tersebut menyaksikan seorang finalis daripada 850 peserta dinobatkan sebagai juara unggul IMQ. Penyampaian Anugerah Perdana IMQ Pelapis JAWI ini disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B). Program IMQ Pelapis JAWI ini merupakan program yang julung kalinya dilaksanakan sepenuhnya oleh JAWI selepas menyaksikan kejayaan program Imam Muda Astro Oasis musim pertama dan kedua yang mana telah berjaya mencipta peradigma baru dalam alternatif hiburan bercorak keagamaan di negara ini. Ia juga merupakan salah satu inisiatif atau usaha pihak JAWI dalam mencungkil bakat dan menarik minat generasi muda yang berkebolehan untuk mewarisi

tugas mulia mengimarahkan masjid dan surau sebagai imam dan selaras dengan misi JAWI iaitu melaksanakan dakwah secara menyeluruh dan profesional di samping dapat mempertingkatkan kecekapan sistem pengurusan masjid dan surau. Program ini berjaya dilaksanakan dalam tahun 2011 dan memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B) iaitu melahirkan barisan pelapis generasi muda yang mampu menjadi imam yang berkelayakan dan berkebolehan di Wilayah Persekutuan. Para peserta akan didedahkan kepada sesi pengajian ilmu agama secara lebih mendalam dari sesi pengajian IMQ 2011 dan pelbagai program dakwah secara lapangan seperti program dakwah kepada orang asli, masyarakat non-Muslim, golongan gelandangan dan remaja bermasalah. Selain itu aktiviti riadah seperti bersukan, berenang, menembak dan berkuda turut dimuatkan dalam sesi pengajian program ini.



Dato' Seri Jamil Khir beramah mesra bersama tetamu yang hadir ke Anugerah Perdana IMQ Pelapis JAWI.



Pengacara bagi Penyampaian Anugerah Perdana IMQ Pelapis JAWI, Ustaz Zulkefli Hj. Hamat.



Finalis melalui ujian hafazan al-Quran.



Finalis Program IMQ berdebar menanti keputusan diumumkan.



Juara sulung IMQ Pelapis JAWI, Hafizi Abdillah Rusli telah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM20,000.00 bersama pakej menunaikan umrah, sijil tauliah mengajar dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, sijil penyertaan berserta hadiah iringan berupa komputer riba dan seutas jam tangan.



Juara bersama Naib Juara, Muhammad Nazri Musa dan penerima Tempat Ketiga, Amran Mat Arriffen.

Van Serbaguna Komuniti

JAWI menjadi perintis transformasi perkhidmatan masjid-masjid dan surau di Wilayah Persekutuan dengan menaik taraf kenderaan jenazah sedia ada kepada van serbaguna fleksibel yang dikenali sebagai "Van Serbaguna Komuniti". Menyahut seruan kerajaan yang berpaksikan kepada transformasi dan inovasi dengan mengetengahkan aspek-aspek inovasi dan juga langkah-langkah transformasi khususnya dalam aspek pengurusan hal ehwal Islam. Hasrat pelaksanaan berkonsepkan kemudahan dan fasiliti kepada masyarakat setempat bagi melengkapkan tuntutan fardhu kifayah atau keperluan semasa. Berfungsi sebagai van penumpang biasa seperti kendaraan yang lain. Namun, ia dapat digunakan sebagai van

jenazah yang sempurna sekiranya diperlukan dalam pengurusan jenazah. Antara ciri terpenting dalam cetusan inovasi Van Serbaguna Komuniti ini ialah ia dilengkapi dengan beberapa peralatan untuk tiga opsyen perkhidmatan yang boleh berfungsi sebagai:

- **Van Penumpang** – dilengkapi dengan kerusi penumpang.
- **Van Jenazah** – dilengkapi dengan keranda.
- **Van Kecemasan** – dilengkapi dengan stretcher.

Majlis pelancaran van berkenaan telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Mejar Jeneral Dato' Seri Haji Jamil Khir Haji Baharom (B), pada 23 November 2011, di Kompleks Pusat Islam, JAWI.



Van Serbaguna Komuniti dari pandangan sisi.



Sekitar majlis Pelancaran Van Serbaguna Komuniti.



Dato' Seri Jamil Khir bersama Datuk Hj. Che Mat Che Ali di dalam Van Serbaguna Komuniti.



Van Serbaguna Komuniti 'Kecemasan'.



Van Serbaguna Komuniti 'Jenazah'.



Van Serbaguna Komuniti 'Penumpang'.

Pengumuman Pencapaian Cemerlang Keputusan PMR SMA-MAIWP 2011

Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA-MAIWP) di bawah kelolaan JAWI telah mencipta sejarah tersendiri apabila dianugerahkan sebagai Pencapaian Terbaik PMR 2011 setelah berjaya dalam kategori-kategori berikut:

1. Tempat pertama dalam kategori Asrama Penuh dan Sekolah Kawalan.
2. Pencapaian Peratus "A" Tertinggi Bahasa Arab PMR 2011 dalam kategori Sekolah Menengah Kebangsaan (A) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.
3. Peratus Semua Gred "A" Tertinggi PMR 2011 dalam kategori Sekolah Asrama Penuh dan Sekolah Kawalan Kedua.
4. Pencapaian Peratus "A" Tertinggi Pendidikan Islam PMR 2011 dalam Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.
5. Pencapaian Terbaik Pendidikan Islam PMR 2011 Dalam Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.



Anugerah tersebut disampaikan oleh Pengarah Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan, Dato' Haji Khairin Haji Awang kepada Pengetua SMA-MAIWP, Tuan Haji Mohd Adnan Abdullah di Pejabat Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 29 Disember 2011.

JAWI Terima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

JAWI telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara Bagi Tahun 2010 sempena Hari Audit Semalaysia 2011 yang diadakan di Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan pada 27 September 2011. JAWI menerima penarafan 4 bintang iaitu tahap prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang. Anugerah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan kepada Pengarah JAWI, Datuk Haji Che Mat Che Ali.





MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)





Tuan Haji Zainal Abidin bin Jaffar
Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam
Wilayah Persekutuan (MAIWP)

VISI

Peneraju dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah.

MISI

Merealisasikan agenda pembangunan ummah secara terancang dan menyeluruh.

SEJARAH PENUBUHAN

MAIWP ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bidang kuasa dan operasi turut meliputi Labuan dan Putrajaya selepas kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984 (Labuan) dan 1 Februari 2001 (Putrajaya).

MAIWP berperanan meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial umat Islam. Tanggungjawab dan peranan MAIWP dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505:

"Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini."

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2011

Lawatan Tapak Projek Menaik Taraf Hospital Pusrawi oleh Menteri di JPM

Menteri Di Jabatan Perdana YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B) telah melakukan lawatan tapak projek bagi kerja-kerja menaik taraf Hospital Pusrawi pada 31 januari 2011. Kerja-kerja menaik taraf Hospital Pusrawi yang sedang giat dilakukan bakal menyaksikan jumlah katil di hospital itu ditambah kepada 236 berbanding 189 yang sedia ada.

Menurut Seri Jamil Khir; selain itu beberapa kemudahan lain turut dibina antaranya Unit Fisioterapi dan Rehabilitasi, wad eksklusif, pusat dialisis dan dewan serbaguna. Projek menaik taraf itu yang melibatkan kos RM12 juta bagi memenuhi permintaan rawatan yang meningkat sejajar dengan penambahan doktor dan kepakaran yang ada di Hospital Pusrawi.

Wad eksklusif yang dibina di aras lapan akan menempatkan 17 bilik dengan layanan eksklusif kepada pelanggan sejajar dengan objektif hospital yang bukan sahaja menumpukan kepada rawatan tetapi juga layanan. Sementara itu, Pusat Dialisis Pusrawi juga akan ditempatkan di aras lapan dan mampu memberikan rawatan kepada 20 pesakit pada satu masa.



Sekitar lawatan ke tapak projek oleh Dato' Seri Jamil Khir.

TAHUN 2012

Penubuhan Kedai Rakyat MAIWP

Penubuhan Kedai Rakyat MAIWP (KRM) di Presint 5, Putrajaya membuktikan sokongan MAIWP terhadap usaha kerajaan meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan barang keperluan asasi pada harga yang lebih murah.

Kedai ini yang menjual barang pada harga 30% hingga 40% lebih rendah daripada harga pasaran akan turut dapat dimanfaatkan oleh golongan asnaf untuk mendapatkan barang keperluan harian.



Pembukaan KRM dipermudahkan dengan kerjasama erat antara MAIWP dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), JPM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Mydin Mohamed Holdings Bhd. (MYDIN). Ia telah dibuka secara rasminya pada 28 Oktober 2011. Jumlah jualan sehingga 19 September 2012 adalah RM972,149.72

Penubuhan Pusat Bersalin Berisiko Rendah IMalaysia MAIWP-Hospital Putrajaya

Satu lagi sejarah tercipta pada tahun 2012 apabila MAIWP meluaskan lagi sumbangannya kepada masyarakat dengan penubuhan Pusat Bersalin Berisiko Rendah IMalaysia MAIWP-Hospital Putrajaya di Fasa 8R3, Presint 8, Putrajaya. Pusat bersalin ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 19 April 2012.

Kerjasama di antara MAIWP yang menyumbangkan peruntukan bagi kerja-kerja ubahsuai bangunan dan sistem pencegahan kebakaran, Bahagian Pengurusan Hartanah yang menyediakan prasarana infrastruktur dan Hospital Putrajaya yang menyediakan kepakaran sumber manusia dan kemudahan klinikal dapat mengatasi masalah kekurangan wad bersalin di Hospital Putrajaya.



Kerjasama ini juga telah membolehkan pusat ini beroperasi dalam tempoh yang lebih cepat dan menjimatkan kos berbanding pembinaan sebuah pusat yang tersendiri yang sudah tentunya menelan kos yang tinggi dan mengambil masa yang agak panjang.

Dalam konteks penubuhan pusat bersalin ini, MAIWP secara khususnya menyalurkan peruntukan berjumlah RM3.27 juta bagi kerja-kerja ubahsuai dewan bersalin, bilik pemeriksaan, tempat menunggu dan wad bersalin serta penyediaan sistem pencegahan kebakaran.

Penubuhan Pusat Pembedahan Katarak MAIWP-Hospital Selayang

MAIWP telah meluluskan peruntukan zakat sebanyak RM9.8 juta bagi pembelian bangunan, pengubahsuaian bangunan dan pembelian peralatan pembedahan. Manakala Hospital Selayang dan Kementerian Kesihatan pula menyediakan tenaga kerja dan kapakaran bagi menjalankan operasi klinik tersebut.

Penubuhan klinik ini membolehkan jumlah pembedahan pesakit katarak dapat dipertingkatkan dan dengan itu dapat meningkatkan peratusan pesakit yang menjalani pembedahan katarak dalam tempoh setahun.



Pembinaan Sekolah Menengah Agama MAIWP

MAIWP kini sedang giat membangunkan bangunan Sekolah Menengah Agama MAIWP di atas tanah seluas 3.4 hektar di Bandar Tasik Permaisuri, Cheras dengan kos RM104.49 juta.

Pembinaannya memberi manfaat yang besar kepada pelajar di Wilayah Persekutuan di mana iaanya dilengkapi dengan prasarana dan infrastruktur yang lengkap dan selesa.

Sekolah ini mampu menampung seramai 1,200 orang pelajar. Ia akan dilengkapi dengan keperluan seperti blok pentadbiran dan akademik, makmal, bengkel, asrama, karters, surau dan pelbagai infrastruktur lain.





Kompleks Darul Hidayah

Pembinaan Darul Hidayah

Darul Hidayah yang bakal dibina akan menyediakan bimbingan, latihan dan perlindungan kepada golongan saudara muslim. Ia merupakan satu lagi usaha proaktif MAIWP dalam menyantuni golongan saudara muslim.

Bagi tujuan pembinaan Kompleks Darul Hidayah ini, MAIWP telah meluluskan sebanyak RM19.79 juta bagi pembinaan kompleks setinggi 5 tingkat di atas tanah berkeluasan 0.66 hektar ini. Ia mampu menampung sehingga 300 orang pada satu-satu masa. Selain itu ia turut dilengkapi dengan dewan, surau, bilik sakit dan lain-lain kemudahan berkaitan.

Penubuhan Skuad Jejak Asnaf

Skuad ini berperanan turun ke setiap kawasan di Wilayah Persekutuan untuk mencari dan mengenal pasti mereka yang layak tetapi masih belum menerima bantuan zakat daripada MAIWP. Ia turut berperanan membuang persepsi negatif masyarakat bahawa pegawai agihan hanya tunggu di pejabat.

Aktiviti Skuad:

- Melawat keluarga yang dikenal pasti memerlukan dengan kerjasama penduduk.

- Mempercepatkan proses permohonan bantuan di mana mereka tidak perlu lagi datang ke pejabat Baitulmal MAIWP.
- Skuad ini dianggotai oleh seramai 32 orang pegawai agihan di Baitulmal MAIWP dan dibantu oleh 60 ketua amil dan 700 amil di Wilayah Persekutuan yang dilantik oleh MAIWP.
- Penubuhan Skuad ini mendapat reaksi positif daripada anggota masyarakat di mana ia telah memudahkan mereka yang layak untuk menerima bantuan zakat MAIWP.

Sehingga 13 September 2012, 29 lokasi telah dilawati dengan 506 orang dikenal pasti.

Skuad Jejak Asnaf berkesan

Warga emas terlantar akibat pendarahan otak antara penerima bantuan

ZAHID YUSOF YAHYAH
Abd Taib

www.merdeka.com.my

KUALA LUMPUR Pemderitan seorang warga emas yang mengalami pendarahan otak selepas berjatuhan dalam kemasukan September lalu mendapat perhatian Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang membantu membentuk komuniti dan keperluannya.

Ibrahim Mohd Tali, 84, yang kini terlantar di rumahnya sementara kira-kira RM1,500 sebulan untuk membayar biaya hidup, barang keperluan harian termasuk lampu pakai buang, sumu dan kuih rosata yang seluruhnya diambil angkatannya serta hantaran jiran dan Ummi Bahagian Cheras.

Aspek kesejahteraan Ibrahim Padil Baham, 30, berkata, keluarganya bersyukur kerana mendapat perhatian Baitulmal tetapi mendapatkan alih beradalikan tidak mampu membayari kos ubat obatan, rawatan dan keperluan hantaran zahnanya yang tinggi. "Alah! Beradik saya juga nyatakan sudah berhakur ga dan mempunyai tanggungjawab sendiri manakala dia yang yang singgal bersama ayah hilang sepuas bergerang segera setelah kejadian dan ibu pun meninggik duitnya lapis tahun lalu,"



SIMPATI... (dari kiri) Jamil, Syed Ali dan Dr Muhammad Yamin melihat keadaan Ibrahim yang terlantar sakit.

"Malah, dua saik kami itu, Siti Hajar, 14, masih bersekolah manakala Salmi, 24, mengalami masalah pada tulang pinggul bengkoong tidak mampu berjalan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tangki Jaldi Air, Cheras di sini, semalam.

Ibrahim antara 10 isi rumah Kampung Ibu dijajaki Skuad

pada 10 pagimina di kampung berkenaan.

Torut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Ukum), Daik Othman Muallip; Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (OAIWP), Datuk Ong Kai Chee Abi Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Dr Muhammad Yamin Ismail dan Pengurus Dymas Pendidikan Cheras, Datuk Wira Syed Ali Al-Habshee.

Secantotnya, ibu Jamil Khor berkenan, osah MAIWP memperkenalkan Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP sejak sebuah ibu berhad mengajak 207 golongan asraf, fakir, miskin dan orang kurang berdaya (OKU) yang memerlukan bantuan.

"Langkah peraksal Baitulmal MAIWP dengan menggunakan pendekat turun padang ini bagi memastikan nasib golongan berkenan semakin terbaik dan mendapat perhatian."

"Kami dapat rasa ihsan di kalangan mereka yang berlayak, tetapi tidak membuat permohonan kerana beberapa perkongsian termasuk tidak maklumat berkenan bantuan dengan jelas dan ada antaranya tidak salju di mana hendak dapatkan bantuan."

"Bantuan, kami mengambil langkah turun padang dan menjalih sendiri gerangan ini bagi membolehkan pelbagai bantuan berhemah, barang dan wang tuan disalurkan," katanya.





TPM Rasmi Bangunan Baru PICOMS MAIWP

Bangunan yang dibeli oleh MAIWP untuk dijadikan kampus Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin pada 20 Julai 2012.

Bangunan setinggi 4 tingkat tersebut yang terletak di Jalan 31/10A, Taman Perindustrian IKS, Taman Batu Muda, Kuala Lumpur kini menjadi kampus utama PICOMS. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin ketika berucap merasmikan bangunan baru tersebut mengucapkan tahniah kepada MAIWP atas usaha menyediakan prasarana yang

kondusif dan selesa kepada para pelajar PICOMS. Menurut beliau lagi, usaha tersebut merupakan salah satu langkah proaktif MAIWP dalam melahirkan asnaf yang produktif.

PICOMS sebelum ini beroperasi di bangunan milik MAIWP di Jalan Ipoh. Dengan peningkatan pelajar yang mendadak setelah penjenamaan semula PICOMS dibuat pada tahun 2011, pihak pengurusan PICOMS telah memohon kerjasama MAIWP menyediakan prasarana yang mampu untuk menampung kapasiti yang lebih besar. PICOMS diuruskan oleh syarikat MAIWP, Kolej Sains dan Kejururawatan PUSRAWI Sdn. Bhd.



MAIWP Salur RM51 Juta Bantu Pelajar IPB

Majlis Penyerahan Bantuan Am Pelajaran Institut Profesional (IPB) Tahun 2012 telah diadakan bertempat di Dataran IPB, Taman Maluri, Kuala Lumpur pada 9 April 2012.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Senator Mejari Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri

merangkap Pengerusi MAIWP. Pada majlis ini, YB Menteri telah menyerahkan replika cek berjumlah RM1,832,587.50 kepada Ketua Eksekutif IPB, Mejar (K) Rosli Zakaria mewakili 834 pelajar dari pelbagai jurusan pengajian yang menerima Bantuan Am Pelajaran ini untuk tahun 2012. YB Menteri mengucapkan tahniah kepada IPB yang bakal menyambut ulang tahun ke-20 penubuhannya pada 23 April 2012.




Kutipan Zakat MAIWP 2012 Melebihi RM400 Juta

MAIWP melalui anak syarikatnya Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah berjaya memungut zakat sebanyak RM402.81 juta pada tahun 2012.

Perkara tersebut telah diumumkan oleh YB Mejari Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana merangkap Pengerusi MAIWP pada Majlis Pengumuman Prestasi Zakat PPZ-MAIWP di Jakim, Putrajaya.

Menurut Dato' Seri Jamil Khir, jumlah kutipan tersebut menjadi sejarah kepada PPZ-MAIWP apabila jumlah kutipan melangkaui jumlah RM400 juta buat pertama kali. Menurutnya lagi, jumlah tersebut meningkat sebanyak 18 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu iaitu RM348.855 juta.





INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)





Dato' Nik Mustapha bin Nik Hassan
Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam
Malaysia (IKIM)

LATAR BELAKANG

IKIM adalah sebuah institusi pemikir dan penyelidikan dan ia telah didaftarkan sebagai Syarikat Berhad dengan jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 14 Sya'ban 1412 H bersamaan 18 Februari 1992, di bawah naungan Kerajaan Malaysia. IKIM diterajui oleh barisan Lembaga Pengarah yang ahli-ahlinya terdiri daripada tokoh-tokoh sektor awam dan swasta. IKIM melaksanakan Persijilan ISO 9001: 2000 dalam skop "Research and Resource Centre for the Understanding of Islam." Visi IKIM adalah untuk menjadi sebuah Institusi yang cemerlang dalam merangka kerja yang teratur ke arah peningkatan kefahaman Islam demi membina peradaban. Misi IKIM adalah untuk berusaha meningkatkan kefahaman Islam di kalangan orang-orang Islam dan bukan Islam dengan menyerlahkan nilai-nilai sejagat dan prinsip-prinsip Islam yang menyeluruh, benar dan yang berhubung kait dengan kehidupan manusia.

FUNGSI

- Membetulkan imej Islam yang telah dicemarkan oleh pelbagai pihak sebagai agama yang dikatakan mempunyai ciri-ciri keganasan, konservatisme, fanatism, kemunduran, kemiskinan dan pelbagai aspek negatif yang lain;
- Menjelaskan kepada umum bahawa Islam ialah sistem hidup yang mendukung kebenaran, dinamik, toleran dan mempromosi muhibah serta mempunyai nilai-nilai murni yang bercorak universal;
- Mewujudkan suasana harmoni dan perasaan saling hormat-menghormati, supaya semua Muslimin boleh menghayati kemuliaan Islam dan orang bukan Islam pula berasa selamat di bawah undang-undang negara;
- Mengadakan forum bagi para sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisis isu yang menjadi kepentingan bersama; dan,
- Mewujudkan kesedaran dan kefahaman yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang memberi kesan langsung kepada umat Islam.

AKTIVITI

- Menjalankan penyelidikan dan perundingan;
- Menganjurkan persidangan, seminar, muzakarah pakar, bengkel latihan dan seumpamanya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Menerbitkan buku, jurnal dan majalah, buletin dan makalah akhbar;
- Menyebarluaskan kefahaman Islam melalui media cetak dan elektronik seperti penulisan di akhbar tempatan dan laman sesawang serta bersiaran melalui radio IKIMfm dan Internet TV IKIM dan juga saluran-saluran TV yang lain;
- Menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan institusi dan agensi serta pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan untuk berkongsi pengalaman dan maklumat demi menampilkan agama Islam sebagai agama yang mempunyai ciri-ciri universal dan bersifat muhibah.

KOMPONEN IKIM

Untuk menjayakan tugas dan fungsinya, IKIM mempunyai 3 pusat penyelidikan iaitu Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK), Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) dan Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS). Bagi membantu penyebaran maklumat yang berterusan IKIM mempunyai Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI), Radio IKIMfm yang mula beroperasi pada tahun 6 Julai 2001, Internet TV IKIM yang dilancarkan pada 12 Julai 2012, Perpustakaan dan Unit Penerbitan. Perpustakaan IKIM mempunyai 40000 naskhah koleksi buku, jurnal, bahan-bahan terbitan IKIM, artikel akhbar, kertas seminar dan sebagainya. Koleksi bitara (*niche*) Perpustakaan IKIM ialah di dalam bidang Nilai dan Etika merentasi disiplin yang telah bermula pada Februari 2011.

GAGASAN

“Memahami Islam Membina Peradaban”

Sebagai agama fitrah, Islam sesuai untuk semua manusia di muka bumi ini. Al-Quran mengemukakan tiga prinsip utama dalam menyusun dan membina peradaban iaitu kebenaran, keadilan dan kasih sayang. Penghayatan prinsip-prinsip ini melahirkan masyarakat yang hidup sejahtera, harmoni dan saling hormat menghormati. Islam juga harus difahami sebagai agama (al-din) yang mendidik dan bukan semata-mata menghukum.

Membina peradaban umat manusia merupakan wawasan besar yang wajib didokong oleh semua pihak. Peradaban akan terbentuk melalui ilmu pengetahuan yang dihayati sepenuhnya. Ilmu yang benar akan memajukan masyarakat dalam semua bidang kehidupan. IKIM akan terus komited menyampaikan ilmu pengetahuan melalui perbincangan ilmiah dari semasa ke semasa dari pelbagai sudut seperti sosiobudaya, ekonomi, politik, perundangan, hubungan antara agama, alam sekitar serta sains dan teknologi.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2009

Seminar Kefahaman Pelbagai Budaya Berkenaan Kewajipan Anak Soleh

Seminar yang diadakan pada 17 dan 18 Februari 2009 di Dewan Besar IKIM ini bertujuan untuk memberi kefahaman berkenaan tanggungjawab anak-anak kepada para ibu bapa. Perkara penting yang dibincangkan ialah memupuk rasa cinta dan hormat kepada ibu bapa yang mula terhakis di kalangan masyarakat. Para pembentang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.



Seminar Keadilan Sosial: Ke Arah Peningkatan Kesaksamaan Peluang dalam Kalangan Anggota Masyarakat

Keadilan sosial adalah satu perkara yang sangat dekat dengan ajaran agama Islam. Keadilan yang dibawa agama Islam merentasi darjat keturunan, warna kulit dan usia. Menurut agama Islam setiap individu berhak menikmati unsur keadilan ini baik dari segi kemasyarakatan, perundangan, ekonomi dan sebagainya. Seminar ini diadakan pada 23 dan 24 Jun 2009 di Dewan Besar IKIM. Ia bertujuan untuk mencari pendekatan terbaik bagi memastikan golongan anggota masyarakat yang selama ini terpinggir mendapat peluang yang saksama dalam menikmati keadilan sosial.



Muzakarah Pakar Arak dan Permasalahannya

Muzakarah Pakar ini telah diadakan pada 30 Oktober 2009 di Dewan Besar IKIM. Ia membincangkan kenapa Islam mengharamkan arak, gejala arak dari perspektif kesihatan dan juga arak dari perspektif undang-undang Malaysia. Moderator ialah YBhg Poey Tiang Peow, Penolong Setiausaha Kehormat, Amitabha Buddhist Society Malaysia. IKIM pula telah diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Zaleha bt Kamaruddin, Timbalan Ketua Pengarah IKIM. Masalah arak dan gejala sosial ini melibatkan semua kaum di Malaysia, justeru muzakarah ini bertujuan untuk mencari punca dan jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul.



IKIMfm, Pilihan Utama Anda

Sebagai Radio Islam Pertama di Malaysia, IKIMfm menggunakan pendekatan 3M iaitu “Mendidik, Menyampai maklumat dan Menghibur”. IKIMfm menyiaran rancangannya dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Inggeris dan Arab. IKIMfm disiarkan 24 jam sehari melalui 12 stesen pemancar di seluruh negara.

Rancangan yang disiarkan merupakan rancangan yang dapat memberikan manfaat kepada para pendengar bagi memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah umat Islam. Enam puluh peratus rancangan merupakan yang mendidik jiwa dengan pengisian isu-isu ekonomi, sains, perundangan, isu semasa dan kesihatan. Rancangan berbentuk hiburan sebanyak tiga puluh peratus menyiaran lagu-lagu yang membawa nilai murni, bacaan al-Quran dan zikir manakala sepuluh peratus berbentuk berita dan iklan. IKIMfm turut menerbitkan rancangan khas seperti Ramadhan, Aidilfitri, Aidiladha, Maal Hijrah dan Maulidul Rasul, Hari Kebangsaan dan Sambutan Hari Ibu.





Program Secangkir Kasih IKIMfm.

TAHUN 2010

Muzakarah Pakar Terjemahan God Sebagai Allah: Mengenal Pasti Punca Permasalahan dan Penyelesaiannya

Muzakarah pakar ini bertujuan untuk menerangkan latar belakang tajuk muzakarah dari perspektif bahasa, sosial, undang-undang dan agama; menegaskan kefahaman dan konteks penggunaan Allah dalam al-Quran, mengenal pasti tafsiran ke atas sumber-sumber hukum Islam berkaitan kebenaran penggunaan kalimah Allah oleh agama dan budaya selain Islam; mengenal pasti punca permasalahan dan menawarkan prinsip dan kaedah penyelesaian terbaik dan memberi kefahaman bagi membanteras kekeliruan dalam masyarakat Islam dan bukan Islam. Muzakarah pakar ini telah diadakan pada 21 Januari 2010 di Dewan Besar IKIM.





Seminar Agama dan Hak Asasi Manusia: Ke Arah Pemurnian Kefahaman

Matlamat seminar ini adalah untuk menerangkan konsep dan amalan hak asasi manusia sejagat sekular dan seterusnya mencadangkan cadangan-cadangan pemurnian kefahaman prinsip-prinsip hak asasi dalam konteks agama khususnya Islam. Enam belas kertas kerja telah dibentangkan oleh pakar-pakar yang mewakili agama masing-masing iaitu Islam, Hindu, Kristian dan Buddha. Perasmian telah disempurnakan oleh YABhg Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Pengurus IKIM. Seminar ini diadakan pada 22 dan 23 Jun 2010 di Dewan Besar IKIM.



Dialog Antara Agama Mengenai Dialog Sebagai Mekanisme Perpaduan

Dialog ini bertujuan untuk berkongsi kefahaman Islam dengan masyarakat bukan Islam dengan menyediakan suasana yang terbuka dan bebas supaya setiap peserta dapat mengeluarkan pendapat masing-masing bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan. Dialog ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman antara penganut agama agar dapat hidup secara harmoni di dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Program ini merupakan anjuran IKIM dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Perdana Menteri. ia diadakan pada 2 November 2010 di Dewan Besar IKIM.



Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)

IKIM telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai Sekretariat Bersama di dalam Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) bersama Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). JKMPKA berperanan untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama agar penerimaan dan persefahaman berkaitan isu-isu agama dapat dipupuk dan diperkuat secara muhibah. Majlis ini bertujuan untuk merapatkan hubungan muhibah antara ahli-ahli jawatankuasa ini. Bengkel membincangkan kerangka kerja JKMPKA yang bakal diambil; mencadangkan gerak kerja program dan aktiviti untuk tahun 2011.





Temu bual bersama YB Menteri.

IKIMfm

Radio IKIMfm terus menyiaran rancangan-rancangan mengenai Islam yang menyentuh bidang-bidang ekonomi, pengurusan perniagaan, kewangan, undang-undang, syariah, sains politik, teknologi maklumat dan komunikasi, alam sekitar, pertanian, pelancongan dan rekreasi. Radio IKIMfm berjaya meningkatkan jumlah pendengarnya sekali gus memperbaiki kedudukannya apabila pendengar terus setia mengikuti siarannya secara purata selama 9 jam 45 minit dalam sehari menurut kajian Nielsen. Kejayaan itu meletakkan IKIMfm pada kedudukan ke-13 daripada 34 radio di seluruh Malaysia dengan peningkatan pendengar mingguan sebanyak 786,000 (4.6%) pada Gelombang II, berbanding 688,000 (4.0%) pada Gelombang I.



Ulang Tahun IKIM Ke-9.



Korban Perdana Bersama Dj IKIMfm.

TAHUN 2011

Dialog Bersama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA)

Di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, persefahaman keharmonian antara penganut agama telah mengorak langkah baru dengan tertubuhnya Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA). Jemaah Menteri yang bersidang pada 20 Januari 2010 telah melantik Datuk Hajah Ilani Dato Haji Isahak mempengerusikan jawatankuasa ini.

Majlis ini telah dihadiri oleh dua orang Menteri Penasihat JKMPKA iaitu YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Konvensyen Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam di Malaysia

Tujuan IKIM dan Majlis Agama Islam Selangor menganjurkan konvensyen ini adalah untuk meningkatkan kepekaan tentang sejarah, kedudukan, cabaran dan realiti semasa sistem perundangan Islam dalam konteks perundangan Malaysia. Perbincangan juga telah meneroka usaha-usaha ke arah memperkasakan institusi Islam yang berkaitan dalam tadbir-urus hal ehwal perundangan dan mengemukakan kerangka cadangan dan rumusan penyelesaian tuntas ke arah lonjakan perubahan (transformasi) secara cekap, bertenaga, agresif, dinamik dan sistematik. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menyempurnakan perasmian konvensyen ini pada 5 April 2011 Dewan Besar IKIM. Konvensyen ini telah berjaya mengumpulkan para ilmuwan dan resolusi konvensyen telah dimajukan kepada pihak berwajib untuk pelan tindakan seterusnya.



Seminar Wanita dan Cabaran Aliran Pasca-Modenisme: Penilaian dari Perspektif Islam

Matlamat seminar ini adalah meningkatkan kepekaan tentang isu wanita dan cabaran aliran pasca-modenisme. Perbincangan juga telah merumuskan kaedah menangani isu-isu wanita pasca-moden agar tidak dipengaruhi pemikiran tanpa sempadan syarak di samping meneroka strategi dan langkah-langkah berkesan bagi menghadapi cabaran aliran pasca-modenisme. Antara isu yang dibincangkan ialah "Wanita Dalam Era Pasca- Modernisme", "Fiqh Wanita Dalam Aliran Pasca Modernisme" dan "Perubahan Nilai Akibat Pasca-modernisme dan Keberkesanan Mekanisme Sedia Ada". Seminar ini telah diadakan pada 12 dan 20 April 2011 di Dewan Besar IKIM.



Seminar al-Quran dan Cabaran Kepelbagaian Budaya dan Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keperluan Semasa, dan Hala Tuju Masa Depan

Seminar ini meneliti prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah dalam al-Quran berkenaan kepelbagaian agama dan budaya dengan mengambil iktibar daripada penghayatan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah tersebut dalam sejarah peradaban Islam; mengenal pasti cabaran-cabaran semasa dan akan datang berkenaan kepelbagaian tersebut dan meninjau peluang masa hadapan dalam konteks kemajmukan.YABhg Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Pengerusi IKIM telah merasmikan seminar yang dianjurkan IKIM dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri bersempena dengan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-53 pada 19 dan 20 Julai 2011 di Dewan Besar IKIM.





Wacana Minda Belia 2011 - Keharmonian Hidup Beragama dalam Masyarakat Majmuk

Wacana ini telah diadakan pada 16 hingga 18 Oktober 2011 di Universiti Teknologi Mara, Kampus Segamat. Ia mengumpulkan pakar-pakar daripada pelbagai agama bagi membincangkan isu belia semasa. Dua pembentangan iaitu mengenai "Kefahaman Terhadap Prinsip Pertama Rukun Negara Kepercayaan Kepada Tuhan" dan "Peranan Agama Dalam Menangani Keruntuhan Masyarakat Masakini". Forum pula membincangkan tentang "Keharmonian Hidup Beragama Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia : Pengalaman Agama-agama Utama di Malaysia". Antara pembentang yang berkongsi pengalaman ialah Dr. Mohd Farid Mohd Shahran, Felo Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM, Rev. Dr. Clarence Devadas, Titular Roman Katolik Archdiocese of Kuala Lumpur; Rumah Uskup Agong dan Venerable Sing Kan, Malaysian Buddhist Association Kuala Lumpur/Selangor. Pengajur bersama wacana ialah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, UiTM Segamat dan Majlis Belia Negeri Johor.



IKIMfm - Sedekad Mendidik dan Menghibur Jiwa

Bertepatan dengan ulang tahun penubuhan ke sepuluh IKIMfm, yang bergerak atas motto "Sedekad Mendidik Menghibur Jiwa", Radio Atas Talian IKIMfm www.ikimfm.my telah berjaya memenangi Anugerah Inovasi Islam Kebangsaan 2011" anjuran Jakim dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kategori Inovasi Perkhidmatan Agensi Agama Islam. Radio Atas Talian ini merupakan satu usaha IKIMfm untuk menarik lebih ramai pendengar dan mendekati orang ramai di seluruh dunia. Kejayaan ini tambah bermakna apabila Kajian Nielsen Gelombang 2/2011 telah mencatatkan kenaikan jumlah pendengar IKIMfm seramai 811,000 pendengar. Kini, IKIMfm telah menduduki tempat ke-11 daripada lebih 30 buah stesen radio yang terlibat dalam Kajian Nielsen tersebut.





Karnival IKIMfm di Johor.



Karnival Mahabbah IKIMfm.

TAHUN 2012

Urus Setia Bersama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA)

IKIM sebagai Urus Setia Bersama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) telah juga terlibat di dalam beberapa program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa tersebut. Antara program yang dijalankan sempena sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2012 (World Interfaith Harmony Week 2012) adalah :

Forum International Youth Exchange Programme 2012

Forum bertajuk "Accepting Diversity, Living Peacefully" telah dipengerusikan oleh Dr. Amir Farid Ishak (INSAF) yang menampilkan dua orang ahli panel iaitu Prof. Datuk Dr. Zainal Kling (UPSI) dan Shaykh (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady (ISTAC). Forum ini diadakan pada 7 Februari 2012 di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Malaysia Bersama Pemimpin-pemimpin Agama Sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2012

Majlis ini telah diadakan pada 15 Februari 2012 di Sri Perdana, Putrajaya. Dalam majlis ini, YAB Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah menegaskan usaha memupuk persefahaman dan kesedaran menerusi perbincangan, majlis dialog dan pendidikan amat penting supaya orang ramai memahami dengan jelas segala perbezaan dan persamaan antara kaum di negara ini. Menurut beliau Malaysia menanjung tinggi keharmonian, kesejahteraan yang dikecapi selama ini hasil pengurusan yang sederhana yang memang selaras dengan ajaran Islam. Beliau berucap selepas jamuan makan tengah hari di majlis



ramah mesra dengan pemimpin agama, yang diadakan sempena sambutan 'Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia' di kediaman rasminya Sri Perdana. Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia bertujuan membangkitkan kesedaran dan kesefahaman antara penganut agama, demi keamanan sejagat serta memacu dunia ke arah persekitaran yang lebih sejahtera dan makmur.

Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2012

Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Oktober 2010 telah mengisyiharkan minggu pertama setiap bulan Februari



sebagai Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia. Dalam majlis ini, YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin beramah mesra dengan sebahagian pelajar selepas perasmian Minggu Keharmonian Penganut Antara Agama Sedunia Peringkat Sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Sri Aman, Petaling Jaya. Pada 21 Februari 2012 Tan Sri Muhyiddin Yassin, juga telah mengarahkan pengurusan sekolah di seluruh negara supaya menganjurkan lebih banyak program bagi memupuk sikap penerimaan serta perpaduan di kalangan pelajar pelbagai agama dan keturunan. Pengurusan sekolah juga perlu memastikan supaya aktiviti berkenaan turut disertai oleh ibu bapa para pelajar di sekolah masing-masing. Usaha ini bagi menjamin sikap toleransi serta penerimaan di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini dapat dipupuk sejak di peringkat sekolah lagi.

Program Interaksi Haroni Penganut Agama Islam dan Penganut Agama Kristian

IKIM sebagai urus setia bersama Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) telah menghadiri Program Interaksi Haroni Islam dan Kristian anjuran bersama JKMPKA, Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM serta Seminari Teologi Malaysia pada 23 April 2012 di Seminari Teologi Malaysia, Seremban. Program ini tertumpu kepada agenda dialog antara pelajar-pelajar dari UKM dan Seminari Teologi tentang topik Jesus dari perspektif Islam dan Kristian. IKIM melihat bahawa aktiviti dialog sebegini akan menjamin kelangsungan keharmonian dalam kehidupan bersama. IKIM juga merasakan penting untuk mewujudkan kesepakatan tentang dialog dari perspektif Islam agar ianya dapat dijadikan panduan dalam berdialog dengan kelompok dari agama lain. Program ini adalah satu langkah ke arah keharmonian agama di Malaysia antara masyarakat Muslim dan Kristian.

Peserta Program Interaksi Haroni Islam dan Kristian merakamkan saat manis bersama.



Peserta Program Interaksi Haroni Islam dan Kristian merakamkan saat manis bersama.

Bengkel Pemantapan Kandungan Modul Kursus Certificate In Interfaith Mediation

Bengkel yang diadakan pada 20 April 2012 di Harun Hashim Law Centre ini bertujuan untuk mengumpulkan semua pihak yang terlibat dalam kursus ini untuk memberi pandangan dan pengisian bagi modul-modul yang akan digunakan, memastikan kandungan modul adalah bertepatan dengan keperluan peserta, memenuhi apa yang diharapkan oleh wakil-wakil dari badan-badan agama dalam Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian dan Persefahaman di antara Penganut Agama (JKMPKA). Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil dari Badan Agama seperti ACCIN, MCCBCHST, Ahli Jawatankuasa Kerja Mediasi JKMPKA dan juga ahli akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang akan menjadi tenaga pengajar bagi program 'Certificate in Interfaith Mediation'.

Syarahan Khas oleh Prof. Dr. James Taylor Christie dari University of Winnipeg

Syarahan bertajuk "A New Thing Under the Sun: Implications of the World Religious Summit Process, 2005-2010" dianjurkan

oleh Harun Hashim Law Centre, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kerjasama Jawatankuasa Kerja Mediasi Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian dan Persefahaman di antara Penganut Agama (JKMPKA) pada 9 Mei 2012. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan tentang latar belakang sejarah penubuhan ‘World Religious Summit’, isu-isu yang dibentangkan dan dibincangkan di dalam ‘World Religious Summit’ serta menjelaskan tentang interaksi dan dialog antara wakil-wakil serta ketua-ketua agama di dalam pertemuan di ‘World Religious summit’ tersebut. Syarahan khas ini telah dihadiri oleh ahli akademik daripada UIAM dan ISTAC serta beberapa orang ahli Jawatankuasa Kerja Mediasi antara Penganut Agama JKMPKA.

IKIMfm Terus Mengorak Langkah

Setelah sedekad Mendidik Menghibur Jiwa, IKIMfm kini melangkah dengan lebih jauh lagi menerusi aktiviti-aktiviti bersama para pendengar seperti Karnival Mahabbah IKIMfm. Acara turun padang bersama peminat ini telah menjelajah ke beberapa negeri seperti Kedah, Johor, Perak dan Kelantan. IKIM fm terus mendekati masyarakat dengan program yang diatur antaranya Sambutan Hari Ibu, aktiviti Kembara Bersama Penyampai, Remaja@IKIMfm dan pembahagian cenderahati kepada pengguna lebuh raya.



Sokongan berterusan orang ramai telah membawa kejayaan kepada IKIMfm apabila berjaya menduduki dalam senarai 10 stesen radio terbaik di Malaysia dari 38 stesen radio yang terlibat dalam bincian yang dijalankan oleh Kajian Nielsen Gelombang 1/2012. Jumlah pendengar telah meningkat kepada 1,044,000 orang berbanding 811,000 pada bincian lepas. Ini adalah peningkatan seramai 233,000 orang.



Majlis Makan Malam Ibu Mithali.



Majlis Makan Malam Ibu Mithali.




Pembahagian cenderahati kepada pengguna lebuh raya.

Pelancaran Internet TV IKIM

Sempena ulang tahun kedua puluh penubuhan IKIM, Internet TV IKIM telah dilancarkan secara rasmi pada 12 Julai 2012. TV IKIM ini boleh dilayari di www.tvikim.my. Empat saluran telah diperkenalkan iaitu Perpektif, IKIMfm, Eksklusif dan Siaran Langsung. TV IKIM kini telah ditonton dari lebih 50 buah negara di seluruh dunia.

Pelancaran Internet TV Ikim oleh YABhg Tun Abdullah Ahmad Badawi.



TABUNG HAJI (TH)





Datuk Ismee Ismail

Pengarah Urusan Kumpulan dan
Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji

VISI

Tunggak kejayaan ekonomi ummah; pengurusan haji terbilang.

MISI

Dalam mencapai visi TH, kami berlitzam:-

- Memperkasakan ekonomi ummah.
- Sentiasa giat mencari pelaburan strategik global dan lokal bagi pertumbuhan berterusan.
- Menggembangkan dan memperkaya modal pendeposit.
- Memberikan perkhidmatan cemerlang yang berterusan.
- Memudah dan menyempurnakan urusan jemaah ke arah haji mabruk.
- Memberi pulangan yang kompetitif, halal dan toyyiban.

NILAI TERAS

- Profesionalisme
- Kerja secara berpasukan
- Komited
- Prihatin, mesra dan penyayang
- Inovatif

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Operasi Haji

Perkhidmatan pengurusan haji merupakan teras utama penubuhan Tabung Haji. Alhamdulillah, hasil komitmen dan pimpinan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, operasi haji semenjak di bawah pentadbiran YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom telah berjaya dilaksanakan dengan baik dan mendapat pujian daripada Kerajaan Arab Saudi.

Beberapa peraturan baru telah diperkenalkan bagi pendaftaran dan pemilihan bakal haji mulai tahun 2011 di mana pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dibuat selepas lima tahun daripada haji yang terakhir dan pemilihan bakal haji hanya kepada yang telah mencapai usia 15 tahun ke atas.



Kursus Perdana Haji Wilayah Persekutuan 2009.



Majlis Keberangkatan Agong 1430H.



Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji 1430H.



Operasi Haji 1430H.



Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan 2010.

MENJUNJUNG KASIH

SEMPENA KEBERANGKATAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAI
RI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU NUR



Majlis Keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri.



Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji 1431H.



Operasi Haji 1431H.

Sahabat Korporat TH

Program Sahabat Korporat TH bertujuan membantu meringankan tanggungan kewangan dan juga memberi kemudahan kepada bakal haji Malaysia khususnya jemaah haji muassasah, menyediakan kelengkapan barang keperluan harian untuk kegunaan ketika berada di Tanah Suci.

Program yang dimulakan sejak tahun 1980an ini memperlihatkan keunikan dengan menggabungkan penyertaan pelbagai organisasi korporat, syarikat swasta besar dan kecil dalam satu program tanggungjawab sosial korporat yang digerakkan oleh TH ke arah pembangunan sosial komuniti Islam, khususnya jemaah haji Malaysia. Program ini juga turut memberikan peluang kepada syarikat-syarikat yang terlibat untuk mengenangkan jenama serta produk halal kepada masyarakat umum amnya dan jemaah haji khususnya.

Majlis ini dianjurkan oleh TH sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada rakan Sahabat Korporat TH. Jumlah rakan Sahabat

Korporat TH mencatatkan penyertaan yang positif setiap tahun dan berikut adalah jumlah sumbangan yang diperoleh :

BIL.	TAHUN	BILANGAN SYARIKAT	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
1.	2009	34	6.5 juta
2.	2010	35	8.4 juta
3.	2011	32	9.6 juta
4.	2012	38	11.5 juta

Antara rakan Sahabat Korporat TH adalah Telekom Malaysia Berhad, Maxis Berhad, Colgate Palmolive Marketing (M) Sdn. Bhd., KFC Holdings (M) Bhd., Yayasan FELDA, Systematic Conglomerat Sdn Bhd, Chemical Company of Malaysia Berhad, Healwell Pharmaceuticals Sdn Bhd dan lain-lain. Manakala sumbangan yang diterima adalah berupa wang tunai, set penjagaan diri, katil boleh laras (stryker bed), mesin ultrasound, multivitamin, beg sandang, sim kad prabayar dan sebagainya.



Sahabat Korporat 2009.



Sahabat Korporat 2010.



Sahabat Korporat 2011.



Sahabat Korporat 2012.

Majlis Pengumuman Bonus TH

Di bawah pentadbiran YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Tabung Haji telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan dan keuntungan melebihi RM1 bilion.

Pertumbuhan yang memberangsangkan ini diterjemah melalui pembayaran bonus kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji. Bagi tahun 2009, Tabung Haji telah mengisyiharkan pembayaran bonus pada kadar 5%. Manakala bagi tahun 2010 dan 2011, kadar tersebut meningkat 0.5% masing-masing kepada 6% dan 6.5%



Bonus Pendeposit 2010.



Bonus Pendeposit 2009.



Bonus Pendeposit 2011.

Majlis Pelancaran Logo Baru TH

Lembaga Tabung Haji (TH) memperkenalkan logo baru yang melambangkan dinamisme institusi bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan. Logo baru tersebut telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada 30 September 2009.

Logo baru TH itu akan menampilkan bahawa institusi tersebut lebih dinamik dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran-cabaran perniagaan pada masa akan datang.

Logo baru itu masih menggunakan warna asal korporatnya termasuk huruf 'ta' dan 'ha' berwarna hijau iaitu huruf-huruf pertama dalam ejaan Tabung Haji. Kedua-dua huruf ini disempadani oleh segi empat condong berwarna hitam, melambangkan Kaabah

iaitu kiblat orang Islam semasa mengerjakan ibadah sembahyang. Keadaannya yang condong mencerminkan bahawa TH adalah tidak statik tetapi bersifat dinamik dalam pengurusan dan aktiviti-aktivitinya.

Sementara itu, perkataan 'Tabung Haji' diletakkan bersebelahan dengan logo ini pada bahagian kanan yang turut disertai di bawahnya dengan kalimah Arab, 'Haiyya Alal Falah' (Mari menuju kejayaan).

Hadir sama, isteri beliau, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Pengurus TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Dato' Paduka Ismee Ismail.



Majlis Pecah Tanah Kompleks Tabung Haji KLIA

Fungsi dan peranan Kompleks Tabung Haji (TH) di Kelana Jaya, Selangor akan dipindahkan ke Sepang apabila kompleks baru yang akan dibina di sini, siap nanti. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom, berkata, kompleks baru itu akan dibina berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dan dijangka siap pada 2013 nanti. Beliau berkata pada Majlis Pecah Tanah Kompleks Tabung Haji KLIA pada 11 Mac 2010.

Kompleks baru itu menjanjikan keselesaan yang maksimum dengan menyediakan ruang yang lebih luas berbanding kompleks di Kelana Jaya yang mempunyai keluasan yang agak terhad dan

mengakibatkan kesesakan pada musim haji. Selain itu, kompleks baru itu juga terletak berhampiran dengan masjid dan mempunyai jarak perjalanan ke KLIA yang singkat, malah lokasinya juga mudah dicari oleh mereka yang datang dari seluruh negara. Selain hotel bertaraf empat bintang dengan sekurang-kurangnya 300 bilik untuk kegunaan jemaah pada musim haji, kompleks itu juga akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan prasarana termasuk dewan serbaguna, galeri haji, pejabat pentadbiran, pusat konvensyen dan seminar pusat sukan serta cawangan TH daerah dan cawangan Bank Islam. Kemudahan-kemudahan di kompleks itu juga tidak hanya tertakluk untuk kegunaan urusan haji yang hanya dijalankan sekali setahun, tapi juga untuk sewaan oleh pihak-pihak luar sepanjang tahun.





Majlis Pecah Tanah Kompleks Tabung Haji Kuala Terengganu, Terengganu

Pembinaan Kompleks Tabung Haji merupakan antara komitmen dan inisiatif berterusan Tabung Haji dalam usaha menambah baik perkhidmatan pengurusan jemaah haji, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom. Beliau berkata wujudnya kompleks itu, proses mengurus jemaah haji ke Tanah Suci Mekah akan menjadi lebih teratur dan kawasan luas di sekeliling kompleks dapat mengelak kesesakan trafik yang biasa berlaku apabila rombongan keluarga jemaah menghantar jemaah ke dewan berlepas.

Pembinaan kompleks itu merupakan strategi baru Tabung Haji dalam mempelbagaikan sumber pendapatan pada masa ini lebih tertumpu kepada pasaran ekuiti. Kompleks-kompleks baru ini mempunyai hotel bertaraf antara tiga dan empat bintang dan lokasinya berhampiran dengan lapangan terbang, yang secara tidak langsung akan mewujudkan permintaan tinggi terhadap bilik-bilik penginapan.

Majlis perasmian pecah tanah Kompleks Tabung Haji Kuala Terengganu (KTHKT) di Mukim Kuala Nerus telah disempurnakan oleh mantan Yang Dipertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 18 Mei 2010. Tabung Haji memperoleh kelulusan tanah pada Jun 1995 untuk membangunkan KTHKT di atas tanah seluas kira-kira 3.2 hektar, berhampiran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini. Kompleks itu akan dibangunkan oleh TH Properties Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Tabung Haji dengan kos RM69.3 juta.

KTHKT direka khas bersesuaian untuk kegunaan semasa musim haji dengan menyediakan dewan ketibaan khas jemaah, tempat berdaftar, Imigresen, tempat pemeriksaan bagasi serta dewan berlepas.

Semasa di luar musim haji, dewan ini dapat digunakan sebagai dewan jamuan yang boleh menampung sehingga 1,000 orang. Kemudahan lain yang disediakan termasuk bilik mesyuarat, restoran, kolam renang termasuk kolam renang tertutup untuk wanita dan taman air untuk kanak-kanak.


Penjenamaan Semula Theta Edge Bhd

YB menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyempurnakan majlis penjenamaan semula syarikat Theta Edge Bhd iaitu syarikat pelaburan milik Lembaga Tabung Haji pada 2 Ogos 2010. Melalui penjenamaan semula ini, diharap Theta Edge berpeluang untuk meraih potensi lebih besar daripada sektor perniagaan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi.

Tabung Haji sentiasa berusaha untuk mengekalkan arah aliran pertumbuhan keuntungan melalui sumbangan daripada pelbagai cabang perniagaan yang diceburinya seperti ICT, sektor petroleum, minyak dan gas, sektor perladangan, harta tanah dan makanan.



Kompleks ini dimajukan oleh anak syarikat Lembaga Tabung Haji iaitu Tabung Haji Properties dan dijangka siap sepenuhnya pada 2014 bagi menempatkan lebih lapan jabatan dan agensi agama Islam di bawah satu bumbung termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



Majlis Pecah Tanah Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya

Majlis Pecah Tanah Kompleks Pentadbiran Islam Putrajaya telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 24 Ogos 2011. Kompleks Pentadbiran bersepadu yang bernilai hampir RM400 juta terletak berhampiran Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Presint 3, Putrajaya.

Majlis Pecah Tanah Kompleks Tabung Haji Alor Star, Kedah

Sebuah Kompleks Tabung Haji yang akan dibangunkan tidak jauh dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim dengan kos sebanyak RM86 juta bakal menjadi pusat operasi jemaah haji dari Kedah, Perlis, dan Utara Perak. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom berkata, tapak pembinaan Kompleks Haji Alor Star itu terletak kira-kira satu kilometer dari lapangan terbang dan ia dijangka siap pada 2013.

Majlis pecah tanah telah disempurnakan oleh Sultan Kedah,Tuanku Abdul Halim Mu'adzam shah pada 6 Oktober 2011. Kompleks yang dibina di atas tanah seluas 4.4 hektar tersebut mempunyai 210 unit bilik, pusat konvensyen yang boleh memuatkan seramai 1,500 orang,kolam renang berasingan bagi lelaki dan wanita serta kemudahan-kemudahan lain. Kompleks Tabung Haji ini menerapkan konsep seni bina Islam moden dan digabungkan dengan ciri-ciri tropika yang bersesuaian selain ia juga sebuah hotel bertaraf tiga bintang yang bercirikan Islam pertama di Utara Semenanjung.



Perasmian Menara Bank Islam

Mantan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin telah merasmikan Menara Bank Islam yang bernilai RM151 juta yang terletak di Jalan Perak pada 19 Oktober 2011. Menara pejabat setinggi 34 tingkat itu didirikan atas tanah wakaf seluas 1.2 ekar milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan

diuruskan Kumpulan Syarikat TH Properties, anak syarikat Lembaga Tabung Haji.

Pada majlis itu, Tuanku Mizan turut menandatangani plak perasmian serta melakukan lawatan di cawangan Bank Islam yang terletak di tingkat bawah menara tersebut.



Ops Piramid


“Terima kasih kepada Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Razak dan kerajaan.”

Hanya itu ungkapan yang mahu disampaikan oleh 778 pelajar dan rakyat Malaysia sebaik sahaja kaki di landasan lapangan terbang

di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 7 Februari 2011.

Kepuasan dan kegembiraan jelas terpancar di raut wajah mereka kerana dapat berjumpa dengan keluarga tercinta yang selama ini dilanda kebimbangan ekoran pergolakan di Mesir.





YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)





Datuk Dr. Haji Aziz Jamaludin

bin Mhd Tahir

Yang Dipertua Yayasan Dakwah
Islamiah Malaysia (YADIM)

VISI

Menjadi peneraju dalam urusan dakwah.

MISI

Melaksanakan urusan dakwah yang cekap dan berkesan.

OBJEKTIF

Matlamat YADIM adalah seperti berikut:

- Menginstitusikan dan mempromosikan cara kehidupan dalam Islam berasaskan pengajaran dari al-Quran dan Hadis.
- Menyebarluaskan amanat silaturrahim dengan meningkatkan kefahaman umum dalam pengajaran Islam dan juga konsep wasatiyyah.
- Terokai kelebihan dan kekuatan umat Islam dan menggunakan potensi ini sebaik yang mungkin dalam menyumbang ke arah pembangunan negara dan ummah secara progresif.
- Berusaha membanteras fahaman-fahaman beku, jumud, hizbiyah (kepartian) taksub dan seumpamanya, terutama yang disebarluaskan atas nama Islam berdasarkan salah tafsiran terhadap ajaran Islam.

TAGLINE

"Sampaikan dariku walaupun satu ayat."

STRATEGI

Bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan, pihak pengurusan YADIM menjalankan strategi berikut:

- Mengumpul dan memanfaatkan tenaga para ulama, intelektual dan profesional Muslim dalam sesi percambahan fikiran ke arah melahirkan pemikiran-pemikiran bernes, dinamik dan bijaksana berteraskan petunjuk al-Quran dan potensi ilmu pengetahuan untuk dikembangkan dalam masyarakat.

- Menganjur dan melaksanakan program-program seminar, forum, ceramah, bengkel dan sebagainya untuk meningkatkan kefahaman mengenai Islam.
- Menerbitkan majalah-majalah, buku-buku dan lain-lain penerbitan untuk diedarkan secara percuma atau jualan untuk mempromosikan kebaikan Islam dan pada masa yang sama menepis fahaman yang tidak benar mengenai Islam dan juga prinsip-prinsipnya dalam media.
- Mengguna pakai teknologi baru termasuk informasi IT dan multimedia untuk aktiviti dakwah yang lebih efektif dan perkhidmatan yang lebih teratur dan pantas.
- Memberi pertolongan kebaikan, kemanusiaan dan juga bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa bencana alam, termasuk juga orang fakir miskin, mahupun yang Islam atau bukan Islam, orang Asli termasuk orang peribumi di Sabah dan Sarawak. Pertolongan yang diberikan ini untuk meringankan beban kesusahan mereka dan meningkatkan kesedaran tentang kebaikan agama Islam.
- Mewujudkan dana kewangan yang kukuh bagi membiayai kegiatan dakwah dan juga memberi sokongan dalam bentuk sumbangan kewangan kepada badan-badan lain yang berkenaan, persatuan-persatuan pelajar dan belia dan juga badan-badan bukan kerajaan.
- Melahirkan pekerja-pekerja yang terlatih dan berkualiti untuk kegiatan dan aktiviti dakwah dengan mengimplementasikan modul-modul latihan dan strategi bagi staf dan ahli pakar yang lain.
- Menganjurkan aktiviti silaturrahim dan juga program-program luar daerah (*outreach*) untuk kumpulan-kumpulan tertentu bagi menghebahkan dakwah Islam dengan menggunakan masjid sebagai tempat berkumpul.
- Memberi perkhidmatan pentadbiran yang boleh diguna pakai dengan pantas dan efisien kepada para usaha-sama, para

enganjuran dan para penyokong di dalam dan di luar negara dalam aktiviti-aktiviti dakwah dan program.

SEJARAH PENUBUHAN

YADIM ialah sebuah badan amanah yang ditubuhkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussin, YAB Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada 1 Muharam 1394, bersamaan 25 Januari 1974 yang bertujuan menyelaraskan kegiatan badan-badan dakwah serta NGO agar berjalan seiring dan sejajar dengan dasar negara serta menjadi pemangkin ke arah penyebaran dakwah di Malaysia.

YADIM ialah sebuah badan amanah yang didaftarkan di bawah Trust Incorporation Ordinance 1952 yang bertanggungjawab secara langsung kepada YAB Perdana Menteri. Pengurusan YADIM bermula dengan Yang Dipertua yang pertamanya, iaitu Allahyarham Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail (Tun) dan diikuti oleh beberapa orang Yang Dipertua yang berkaliber; iaitu Allahyarham Dato' Seri Hj. Kamaruddin bin Hj. Mohd. Isa, YB Dato' Dr. Mohd Yusof bin Noor (Tan Sri), Allahyarham Tan Sri Dato'Ainuddin bin Abdul Wahid, Dato'Dusuki bin Hj. Ahmad, YB Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman (Tan Sri), Datuk Hj. Mohd. Nakhaie bin Hj. Ahmad dan YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Buat masa ini YADIM diterajui oleh Datuk Hj. Aziz Jamaludin bin Mhd.Tahir.

Setiap Yang Dipertua mempunyai idea, pendekatan visi dan misi yang tersendiri dalam menjadikan YADIM rakan pembinaan negara yang sentiasa mahu bekerjasama dengan mana-mana pihak demi kebaikan dan masa depan agama, ummah dan negara.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Majlis Pelancaran Majalah Dakwah

YADIM menerbitkan semula majalah Dakwah yang dihentikan penerbitannya sejak 10 tahun lalu. Keluaran sulung majalah terbitan YADIM itu sudah berada di pasaran awal Mei 2010. Majalah itu diterbitkan pada tahun 1977 sebelum diberhentikan sementara pada tahun 2000. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B) yakin penerbitan semula itu juga mampu mempromosi Yadim kepada masyarakat negara ini.

Menurut Dato' Seri Jamil Khir, kajian juga mendapat permintaan kepada majalah bercorak keagamaan dan kerohanian kini semakin meningkat berbanding 10 tahun lalu.

"Sehubungan itu, saya merasakan kemunculan Majalah Dakwah kena pada masanya di tengah-tengah permasalahan sosial yang membimbangkan kita. Majalah ini berupaya menjadi wadah penyampaian maklumat, sekali gus gelanggang penyedia penyelesaian dalam kita merangka dan melaksana dasar berkaitan permasalahan ummah," kata beliau.

Dato' Seri Jamil Khir berkata demikian semasa berucap pada Majlis Pelancaran Majalah Dakwah di Kelab Tasik Putrajaya, pada 14 Mei 2010.



Jelajah Silaturrahim Masyarakat Orang Asli

Program Jelajah Silaturrahim Masyarakat Orang Asli diadakan bertujuan menjalinkan hubungan akrab yang sedia terjalin antara YADIM dengan masyarakat Orang Asli di samping menjana potensi masyarakat Orang Asli untuk pembangunan dan kesejahteraan negara. Program yang membabitkan seramai 400 Orang Asli ini telah diadakan pada 27 dan 28 Februari 2012 di empat buah kampung sekitar Cameron Highland, Pahang.



Majlis Istighasah al-Kubra Masjid Wilayah Persekutuan 2012

Majlis Istighasah al-Kubra ini diadakan pada 19 Mei 2012 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Majlis ini dianjurkan bersama antara YADIM Masjid Wilayah Persekutuan, Yayasan Taqwa, MAIWP, Biro Tatanegara (BTN) dan NGO-NGO Islam. Antara tujuan majlis ini diadakan ialah untuk memohon kesejahteraan dan keamanan negara dengan zikir beramai-ramai memohon pertolongan Allah SWT. Ia melibatkan seramai 5000 orang masyarakat Islam sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Majlis Istighasah al-Kubra Negeri Melaka 2012

Majlis Istighasah al-Kubra Negeri Melaka bersama YAB Ketua Menteri Melaka ini berlangsung pada 16 September 2012 di Masjid Al Azim, Bukit Palah, Melaka. Program ini melibatkan 5000 orang bagi memohon kesejahteraan dan keamanan negara serta memohon pertolongan Allah.



Misi Kemanusiaan Kemboja 2012

Misi Kemanusiaan Kemboja diadakan di Wilayah Cham, Kemboja pada 28 hingga 31 Mei 2012. Misi ini diadakan bagi membantu dan memberi sumbangan kepada masyarakat Islam di Kemboja di samping meninjau kehidupan masyarakat Melayu Kemboja, serta beramah mesra dengan masyarakat di sana khususnya masyarakat Melayu di Kampung Rakapram Wilayah Cham. Ia dianjurkan bersama antara YADIM, Kementerian Pertahanan Malaysia, Yayasan Taqwa, PUSRAWI dan Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi.



Kunjung Hormat dari Malaysian-Russian Business Association

Malaysian-Russian Business Association telah melakukan kunjung hormat ke ibu pejabat YADIM pada 7 Disember 2012. Kunjung hormat ini diadakan bagi menjalinkan hubungan dua hala dan kerjasama antara dua agensi ini. Antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut ialah isu berkaitan dengan produk halal dan dakwah.





YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)



ياباين قباعون لجك نو ميد اهلام مليصيا
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)



WAWASAN

Menjadi sebuah institusi pembangunan sosioekonomi yang utama dan mantap serta mampu berperanan meningkatkan martabat dan kualiti ummah menjelang 2020.

PENYATAAN MISI

Membangun ummah melalui budaya beramal jariah
(Membangun masyarakat melalui penyempurnaan tanggungjawab sosial).

FALSAFAH

Institusi berteraskan konsep amal jariah bagi menangani keperluan dan cabaran semasa umat dan negara.

OBJEKTIF KORPORAT

- Menangani persoalan masyarakat secara realistik, bersepadu, strategik dan profesional melalui usaha meningkatkan taraf sosioekonomi, mengukuhkan tradisi keilmuan, memantapkan kebajikan ummah dan membangunkan institusi Islam demi kepentingan pembangunan ummah.
- Menghidupkan budaya amal jariah dengan menyediakan prasarana yang diyakini untuk masyarakat melaksanakan *sadaqatul jariah* melalui pendekatan pengurusan moden.
- Memperkuuhkan asas kekuatan YaPEIM melalui usaha memantapkan pengurusan secara menyeluruh meliputi aspek pengurusan kewangan dan pelaburan serta pentadbiran secara umum.

Dato' Abd. Malek Awang Kechil

Ketua Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
(YaPEIM)

STRATEGI UTAMA

Strategi Asas 1

Strategi Memperkuuh Wadah

(Melalui inisiatif yang menyeluruh bagi mencapai tahap sebuah institusi yang mantap, sekali gus sebagai institusi pembangunan sosioekonomi yang utama.)

- Inisiatif 1
Melahirkan sumber daya insani yang kompeten.
- Inisiatif 2
Memantapkan skim-skim sumber amal yang berdaya maju:
Skim Potongan Gaji Bulanan
Skim Korporat Penyayang
Skim Ibadah Korban YaPEIM
- Inisiatif 3
Meneroka sumber baru dan perniagaan yang berpotensi.
- Inisiatif 4
Memantapkan pendekatan pentadbiran yang berkesan.
- Inisiatif 5
Memantapkan pendekatan perkongsian misi.

Strategi Asas 2

Strategi Memperkasa Ummah

(Melalui inisiatif yang dijangka mampu meningkatkan martabat dan kualiti ummah dengan keutamaan diberikan kepada kumpulan sasar yang ditentukan).

- Inisiatif 1
Program Mikro Kredit Ar Rahnu
- Inisiatif 2
Program Kecemerlangan Komuniti
Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Miskin/Anak Yatim Nasional (SANTUN) Kelab Maya Sahabat Ar Rahnu (Kelab MASA)

- Inisiatif 3

Program Gerakan Pemerkasaan Ekonomi Ummah:

Sebagai Sekretariat Pemantau Resolusi Kongres Ekonomi Islam Ketiga (KEI-3) Gerakan Kesedaran dan Pendidikan Beramal Jariah dan Pembangunan Ekonomi Program Pembangunan Keusahawanan Ummah

- Inisiatif 4

Program membangun ilmu pengurusan Islami.

- Inisiatif 5

Program memantapkan kebajikan ummah:

Skim Khairat Nasional

Skim Pembangunan Anak Yatim/ Miskin yang ditimpah musibah.

SEJARAH PENUBUHAN

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) adalah sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah Trustees (Incorporation) Act 1952.

Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu.

Pengurusan YaPEIM diterajui oleh seorang Ketua Eksekutif yang bertaraf Ketua Pengarah dan dibantu oleh pasukan pengurusan, pegawai dan staf yang mempunyai pengalaman, kebolehan dalam pelbagai bidang dan komited dalam usaha memantapkan lagi perancangan dan perjalanan YaPEIM.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN TAHUN 2010

Program Mengukuh Wadah Memperkasa Ummah

Setiap tahun program di bawah Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar Nasional (SANTUN) dilaksanakan bagi memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Melalui program Mengukuh Wadah Memperkasa Ummah yang berlangsung di Hotel MS Garden, Kuantan, Pahang pada 26 Jun

2010, memperlihatkan inisiatif YaPEIM dalam membangun generasi muda cemerlang ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Skim dan anugerah ini diberi secara tahunan yang diharap akan terus menjadi insentif kepada warga SANTUN untuk terus mencipta kecemerlangan. Antara anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Tokoh SANTUN (lelaki dan wanita), Anugerah Khas Pencapaian Terbaik Akademik dan Anugerah Terbaik SANTUN (mengikut negeri).



Penyerahan peruntukan bagi membiayai program yang akan dijalankan oleh Kelab Kebajikan dan Pendidikan al-Wardah.



Para peserta program yang memeriahkan majlis.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri MAIPK

Pada 30 Ogos 2010 telah berlangsungnya Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar di bawah SANTUN YaPEIM peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak. Program jalinan YaPEIM dan MAIPk ini menampakkan usahasama dalam membantu membangunkan potensi pelajar daripada kalangan keluarga miskin dan anak yatim secara berterusan. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim menyempurnakan majlis dengan penyampaian anugerah kepada pelajar serta memberi sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim di negeri Perak. YaPEIM bukan sahaja menyediakan anugerah kepada pelajar Islam sahaja malah turut menyediakan anugerah SANTUN IMALAYSIA untuk pelajar bukan Islam.



Raja Nazrin Shah bersama tetamu-tetamu kehormat.

TAHUN 2011

Bengkel Serantau Inovasi Ar Rahnu 2011

YaPEIM dengan kerjasama Sekretariat Ar Rahnu Serantau buat kali keduanya telah menganjurkan Bengkel Serantau Inovasi Ar Rahnu 2011 pada 21 hingga 22 November 2011 yang bertempat di Hotel Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah. Seramai 300 orang peserta dari institusi yang menganggotai Sekretariat Ar Rahnu Serantau hadir bersama. Antaranya adalah daripada Perum Pengadaian (Indonesia), Bank Islam Brunei Darussalam (Brunei), Koperasi Islam Pattani (Thailand), Cambodia Islamic Assoc (Cambodia), Timor Leste Muslim Community (Timor Leste) serta YaPEIM dan Koperasi YaPEIM Berhad (Malaysia). Selain itu, penglibatan peserta dari pelbagai institusi yang berkaitan dengan Ar Rahnu seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan dari luar negara seperti Yayasan Hasanah Bolkiah, Brunei. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom. Pengajuran bengkel ini adalah untuk memperluaskan kefahaman dan penerimaan terhadap Program Mikro Kredit berdasarkan Ar Rahnu serta mengalakkkan perkembangan perkhidmatan pergadaian secara syariah dalam kalangan negara anggota.



Majlis perasmian Bengkel Serantau Inovasi ar-Rahnu 2011 oleh Dato' Seri Jamil Khir .

Kejohanan Golf Amal Perdana YaPEIM

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) telah menganjurkan Kejohanan Golf Amal Perdana YaPEIM program kemuncak di dalam Siri Jelajah Golf Amal YaPEIM. Siri Jelajah Golf Amal YaPEIM telah disempurnakan pelancarannya oleh YB Dato'

Seri Mejar Jeneral Jamil Khir Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 20 November 2011 di Gunung Raya Golf & Country Club, Langkawi, Kedah Darul Aman sempena Bengkel Inovasi Ar Rahnu Serantau di Langkawi Kedah.



Gambar kenangan peserta program Siri Jelajah Golf Amal YaPEIM bersama Pengurusan Utama YaPEIM.

Festival Pembangunan Ekonomi Islam 2011 (i-Fest'11)

Festival Pembangunan Ekonomi Islam 2011 (i-Fest'11) YaPEIM telah diadakan di Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu pada 22 hingga 30 Disember 2011 sempena Karnival Hijrah. Seramai 90,000 orang pengunjung hadir ke Pavilion YaPEIM. Pavilion YaPEIM diserikan lagi dengan kehadiran Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang turut merasmikan Family Golf Simulator. Turut mengiringi ialah Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Ahmad Said, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B). Antara gerai yang terdapat di Pavilion YaPEIM ialah Teater Inovasi YaPEIM, Family Golf Simulator, i-ArRahnu, Fun Land dan Pro Shop. Terengganu dan TV AlHijrah.



TAHUN 2012

Penyerahan Keuntungan Program Mikro Kredit Ar Rahnu di Bawah YaPEIM 2011

Majlis Penyerahan Keuntungan Program Mikro Kredit Ar Rahnu 2011 telah berlangsung di Seri Pacific Hotel dengan dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B). Majlis yang diadakan pada 15 Mac 2012 ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah YaPEIM, Dr. Hj. Abd Malek Awang Kechil, pengurusan utama YaPEIM dan penerima keuntungan pelaburan yang terdiri daripada Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Tabung Baitulmal Sarawak, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Pahang.



Sinar Kasih

Program Keluarga Angkat Prihatin YaPEIM adalah salah satu program atau skim yang diperkenalkan YaPEIM untuk memberi sinar baru kepada anak-anak yatim. Program Sinar Kasih telah dilancarkan pada 7 September 2012 di Balai Perdana, Angkasapuri Kuala Lumpur oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom

(B). Program ini hasil kerjasama YaPEIM bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Utusan Malaysia bagi mengenal pasti golongan anak-anak yatim yang kurang bernasib baik. Penyampaian sumbangan sebanyak RM40,000 telah diberikan kepada enam keluarga yang menyertai Program Keluarga Angkat Prihatin YaPEIM semasa majlis pelancaran.



Gambar kenangan bersama anak-anak yatim.



Penyerahan sumbangan kepada wakil bagi yang kematian ahli keluarga.



YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)





Haji Ahmad Ayob bin Haji Ibrahim

Pengurus Besar Yayasan Taqwa Wilayah
Persekutuan (MAIWP)

VISI

Menjadi institusi pengurus dana terunggul bagi kesejahteraan ummah.

MISI

Membantu MAIWP dalam mengurus dan menjana dana dengan cekap serta berkesan berlandaskan lunas-lunas syarak.

SEJARAH PENUBUHAN

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 20 November 1990. Ia ditubuhkan bagi menerima dan menguruskan dana peruntukan dari Baitulmal, sumbangan-sumbangan individu, kumpulan dan organisasi dari dalam dan luar negara bertujuan melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan, kebajikan, sosial dan kemajuan agama Islam di samping membantu rakyat Malaysia tanpa mengambil kira bangsa, agama dan kepercayaan. Antara objektif utama penubuhannya adalah untuk membantu golongan fakir, miskin, anak yatim, mangsa sesuatu musibah, institusi dan sebagainya samada di Malaysia maupun luar negara. Sumbangan yang dikeluarkan oleh Yayasan Taqwa (MAIWP) ini datangnya dari sumber wang zakat Baitulmal MAIWP (yang dipungut oleh Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP)).

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2009

Majlis Sumbangan Kepada Pejabat Mufti Kemboja dan Cambodian Muslim Intellectual Alliance (CMIA)

Pada 1 Mei 2009, Yayasan Taqwa (MAIWP) menyampaikan sumbangan kepada Pejabat Mufti Kemboja dan Cambodian Muslim Intellectual Alliance (CMIA) bertempat di Phnom Penh, Kemboja. Sumbangan yang disampaikan oleh Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP), Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim adalah berjumlah RM35,324.00. Diharapkan sumbangan tersebut dapat membantu Pejabat Mufti Kemboja dan CMIA dalam melaksanakan program-program agama dan dakwah bagi masyarakat Islam di Kemboja.



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan sumbangan kepada SS Mufti Kemboja



SS Mufti Kemboja sedang menyampaikan kata-kata aluan.



Antara yang hadir pada Majlis Sumbangan Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada Pejabat Mufti Kemboja dan Cambodian Muslim Intellectual Alliance (CMIA).

Majlis Penajaan Biasiswa Amanah Raya Berhad dan Yayasan Taqwa kepada Kumpulan Pelajar Universiti al-Azhar Mesir

Bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 4 Jun 2009 yang lalu, satu Majlis Penajaan Biasiswa Amanah Raya Berhad dan Yayasan Taqwa (MAIWP) telah diadakan. Majlis tersebut turut dihadiri YB Senator Dato' Jamil Khir bin Hj. Baharom selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pengerusi Yayasan Taqwa (MAIWP) yang mana beliau turut menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Biasiswa Universiti Al-Azhar diantara Amanah Raya Berhad (ARB) dan Yayasan Taqwa (MAIWP) serta penyerahan Sijil Tawaran Biasiswa ARB-Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada 29 orang pelajar. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar cemerlang yang dihantar ke Universiti Al-Azhar, Mesir bagi mendalami ilmu perbankan Islam yang bakal memulakan sesi pengajian selama 5 tahun. Turut hadir, Pengerusi ARB, Datuk Dusuki Ahmad; Setiausaha MAIWP merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Taqwa, Datuk Che Mat bin Che Ali, Pengarah Urusan Kumpulan ARB, Datuk Ahmad Rodzi Pawanteh dan Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP), Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim.



Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Biasiswa Universiti Al-Azhar antara Amanah Raya Berhad (ARB) dan Yayasan Taqwa (MAIWP) yang turut disaksikan oleh YB Mejaz Jeneral Dato' Jamil Khir bin Hj. Baharom (B).



Dato' Jamil Khir menyampaikan Sijil Tawaran Biasiswa ARB-Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada penerima.



Pelajar-pelajar yang menerima Biasiswa Universiti Al-Azhar diantara Amanah Raya Berhad (ARB) dan Yayasan Taqwa (MAIWP).

Program Semarak Hadhari 2009

Pada 9 hingga 11 Oktober 2009 telah diadakan Program Semarak Hadhari 2009 Peringkat Negeri Sarawak bertempat di Tebingan Sungai Kuching. Program itu telah dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis Islam Sarawak. Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir. Hj. Daud bin Abdul Rahman, Menteri Muda Di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) Dan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Penggalakan dan Pembangunan Estet-estet Perindustrian). Antara acara menarik yang berlangsung sepanjang program ini ialah seperti Seminar Perlaksanaan Wakaf Negeri Sarawak, Pameran Hadhari, Demostrasi Masakan Halalan Toyiba, Rawatan Kesihatan, Ad-deen, Larian Hadhari, Pertandingan Antara Sekolah-Sekolah Menengah, Demostrasi Pertanian, Pertandingan Membuat Sirih Junjung, Demonstrasi Sulaman Manik, Demostrasi Khat, Pertunjukan Busana Muslim dan Pertandingan Kraftangan Jejari Hadhari. Sempena Program tersebut juga, Yayasan Taqwa (MAIWP) melalui Pengurus Besar, Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim hadir menyampaikan replika cek sumbangan sejumlah RM10,000.00 yang merupakan sumbangan kepada Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Sarawak.



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan replika cek sumbangan bagi Program Semarak Hadhari 2009.



Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir. Hj. Daud bin Abdul Rahman.



Sebahagian daripada hadirin yang hadir bagi memeriahkan majlis tersebut.

Program Pertandingan Pidato Kanak-kanak Malaysia 2009 Piala YAB Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak

Pada 6 November 2009, Sempena Program Pertandingan Pidato Kanak-kanak Malaysia 2009 Piala YAB Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang berlangsung di Dewan Sri Siantan, Putrajaya, Yayasan Taqwa (MAIWP) melalui Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim selaku Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP) berbesar hati menyampaikan replika cek sumbangan yang berjumlah RM10,000.00 bagi menjayakan program tersebut. Program diserikan lagi dengan kehadiran isteri kepada Perdana Menteri Malaysia, YABhg Datin Seri Rosmah Mansor yang menerima replika cek sumbangan Yayasan Taqwa (MAIWP).



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan replika cek sumbangan bagi Pertandingan Pidato Kanak-kanak Malaysia 2009 kepada YABhg Datin Seri Rosmah Mansor.



Antara pelajar-pelajar, guru dan ibu bapa yang hadir menyaksikan pertandingan tersebut.



Salah seorang peserta pidato menyampaikan pidatonya.

TAHUN 2010

Penyampaian Sumbangan Persekutuan dan Aidilfitri

Majlis Penyampaian Sumbangan Persekutuan (SRA) 2010 Peringkat Negeri Sabah pada kali ini telah diadakan pada 2 September 2010 bertempat di Dewan Angkatan Bersama, Markas Tektikal Op Pasir Utara, Pulau Berhala, Sabah anjuran Yayasan Taqwa (MAIWP). Majlis ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Datuk Seri Hj. Mohamed Iqbal bin Kuppa Pitchai Rawther selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Taqwa (MAIWP) yang merasmikan majlis, serta menyampaikan replika cek sumbangan bernilai RM95,847.00 iaitu sumbangan yang diaghikhan kepada 215 orang pelajar berupa pakaian dan peralatan persekolahan bernilai RM245.80, sumbangan wang tunai RM100.00 dan pembukaan akaun Tabung Haji dengan nilai RM100.00 setiap seorang. Antara tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi galakan dan dorongan serta membantu anak-anak yang kurang berkemampuan tersebut agar mendapat pendidikan yang sempurna dan lebih baik dari masa ke semasa.



Dato' Hj. Mohamed Iqbal bin Kuppapitchai Rawther menyampaikan replika cek sumbangan Yayasan Taqwa (MAIWP) bagi program tersebut.



Dato' Hj. Mohamed Iqbal bin Kuppapitchai Rawther berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar.



Sebahagian daripada pelajar-pelajar yang hadir ketika majlis sumbangan bantuan persekolahan tersebut.

Seminar Kemelut Peradaban Remaja Masa Kini: Perspektif al-Quran dan al-Hadith

Pada 28 dan 29 September 2010, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menganjurkan Seminar Kemelut Peradaban Remaja Masa Kini: Perspektif al-Quran dan al-Hadith, dengan kerjasama Jabatan al-Quran dan Al-Hadith (Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) dan Panel Sosial Majlis Perundingan Islam Jakim. Seminar yang diadakan selama dua hari ini diadakan di Akademi Pengajian

Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Antara pembentang-pembentang utama bagi seminar ini adalah Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP) sendiri iaitu Hj. Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim, Porf. Dr. Mohd. Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff (UM), Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman (UM), Prof. Dr. Saedah Siraj (UM), Prof. Dr. Zulkepli Abdul Ghani (USIM), Prof. Madya Dr. Harlina



Sumbangan cenderhati kepada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B) yang turut hadir pada majlis berkenaan.



Sebahagian daripada tetamu kehormat dan peserta yang menghadiri seminar.



Hj. Ahmad ketika menyampaikan ucapannya semasa Seminar Kemelut Peradaban Remaja Masa Kini : Perspektif Al-Quran dan Al-Hadith.

Halizah Siraj (Pusat Perubatan UKM), Prof. Madya Dr. Mastura binti Badzis (UIA), YBhg Datuk Seri Azman Ujang (Bernama), Dr. Ridhuan Tee Abdullah (UPNM) dan Mohd. Yunus Pathi Mohd (Pengasih). Bagi menjayakan seminar ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangan sumbangan berjumlah RM36,463.00. Seminar dengan "Remaja: Amanah dan Tanggungjawab Bersama" ini diadakan bagi mengenalpasti kecenderungan dan keperluan para remaja dalam melayari kehidupan meraka, mengemukakan kaedah dan cara terbaik mendekati golongan remaja bermasalah

Kursus Pengurusan Jenazah Perdana 2010

Yayasan Taqwa (MAIWP) dengan kerjasama bersama Jabatan Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah Perdana 2010 yang telah diadakan pada 16 Oktober 2010 bertempat di Masjid Saidina Hamzah, Kampung Batu Muda, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Kursus ini telah dihadiri seramai 500 orang peserta. Antara pengisian program yang dijalankan sepanjang kursus ini adalah prosedur keselamatan jenazah, pengurusan jenazah dan praktikal pengurusan jenazah. Bagi menjayakan kursus ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangkan sejumlah RM19,625.00. Kursus yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu masyarakat khususnya umat Islam dalam menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan jenazah agar ia dapat dilakukan dengan sempurna dan mengikut hukum syarak.



Peserta kusyuk mendengar ceramah dan teori pengurusan jenazah pada hari tersebut.



Peserta turut diajar secara praktikal agar mereka lebih memahami mengenai panduan pengurusan jenazah.



Sebahagian daripada peserta yang menghadiri Kursus Pengurusan Jenazah Perdana 2010.



Hj. Ahmad Ayob turut bersama-sama menyertai para peserta menjalankan praktikal ketika kursus berkenaan.

Seminar Antarabangsa Qiraat dan Qurra' (SQ2010)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam(FKI) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Institut al-Quran Terengganu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menganjurkan Seminar Antarabangsa Qiraat dan Qurra' (SQ2010), pada 29-30 Oktober 2010, bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu. Seminar dua hari yang bertemakan "Qiraat dan Qurra" Menjana Keilmuan Islam' ini, merupakan kesinambungan daripada Seminar Al-Quran dan Pembentukan Ummah Cemerlang (SQ2008) dengan tema "al-Quran Membentuk Ummah Cemerlang". Ia merupakan program rutin dwi-tahunan fakulti yang diadakan mengikut tema-tema yang ditetapkan, bagi menggalikhanazanah ilmu yang terdapat dalam al-Quran kitab suci umat Islam dan mukjizat teragung Nabi Muhammad SAW. Bagi menjayakan seminar ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangkan sejumlah RM10,000.00.



Hj. Ahmad Ayob ketika menerima cenderahati.



Antara tetamu kehormat yang hadir Seminar Antarabangsa Qiraat dan Qurra' (SQ2010).

Ekspedisi Kasih Korban 2010

Program Ekspedisi ini diadakan atas dasar keprihatinan terhadap penduduk di Kemboja yang dhaif dan memerlukan perhatian khususnya dalam aspek pendidikan dan sosio ekonomi. Pada tahun ini PKPU sekali lagi menjalankan program Ekspedisi Kasih dan Korban di Kemboja dengan mempelawa umat Islam di Malaysia yang berminat untuk melaksanakan ibadah korban di sana. Sebahagian hasil korban mereka itu akan disalurkan kepada dana pendidikan umat Islam di sana. Sehingga kini, sejumlah 924 bahagian korban atau 132 ekor lembu hasil korban yang akan dilakukan oleh seramai 900 peserta dari Malaysia telah berjaya dikumpulkan. Sebahagian daripada hasil aktiviti korban ini, iaitu sebanyak RM50,000.00 akan disumbangkan terus kepada tabung pendidikan umat Islam Kemboja bagi membina sekolah agama dan membeli peralatan pembelajaran di sana. Bagi melaksanakan amanah umat Islam dari Malaysia ini, di samping melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah, PKPU bersama Jakim, Persatuan Intelektual Islam Malaysia (UKM), serta individu-individu sukarela seramai 70 orang akan turut serta dalam menjayakan misi ini.



Sebahagian daripada peserta yang menghadiri seminar tersebut.

YB Menteri di JPM selaku Pengurus Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga telah berbesar hati menyumbang RM10,000.00 untuk disampaikan kepada asnaf di Kemboja.



Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz menyampaikan sumbangan kepada penduduk kampung.



Turut diadakan majlis korban secara gotong royong bersama-sama penduduk kampung.



Urus setia menyampaikan sumbangan kepada kanak-kanak.



Sebahagian daripada masyarakat yang hadir pada majlis tersebut.

Program Khemah Ibadah Perdana dan Intervensi Keluarga

Pada 11 dan 12 Disember 2010, Yayasan Taqwa (MAIWP) dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang dan Masjid Negeri telah menganjurkan Program Khemah Ibadah Perdana dan Intervensi Keluarga bertempat di Masjid Negeri, Pulau Pinang. Hadir bersama bagi program tersebut adalah Pengarah AADK Pulau Pinang, Siti Rohani Ahmad, Imam Besar Masjid Negeri, Yusuf Ahmad dan Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP), Hj. Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim. Program dua hari satu malam itu dihadiri 100 peserta daripada kalangan orang kena pengawasan (OKP), ahli keluarga dan pemimpin masyarakat sekitar Pulau Pinang. Bagi menjayakan program ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangkan sejumlah RM9,990.00. Antara pengisian program ini ialah Forum Perdana Ehwal Islam, kuliah motivasi keluarga, qiamulail perdana, solat jemaah, tadarus al-Quran dan muhasabah diri. Diharapkan program seumpama ini dapat melahirkan remaja dan belia dalam kalangan OKP yang mampu melaksanakan ibadah fardu ain dan fardu kifayah secara praktikal dalam amalan hidup mereka.



Ahli panel yang menyampaikan ceramah ketika forum tersebut.



Sebahagian daripada peserta yang hadir.



Antara tetamu kehormat dan peserta yang hadir mengikuti program tersebut.



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan ucapan ketika Majlis Perasmian Penutup Program Khemah Ibadah Perdana dan Intervensi Keluarga.

TAHUN 2011

Pameran Sempena 2 Tahun Pentadbiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pada 11 April 2011, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyertai pameran sempena Majlis Perhimpunan Sempena 2 Tahun Pentadbiran Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang diadakan bertempat di Ruang Legar Blok D8, Kompleks D, Putrajaya. Pameran turut disertai oleh agensi-agensi agama yang berkait dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM) seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan JPM, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan TV Alhijrah. Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Yayasan Taqwa (MAIWP) turut berbesar hati melawat pameran agensi-agensi yang terlibat. Pameran seumpama ini memberi peluang kepada Yayasan Taqwa (MAIWP) bagi menyampaikan maklumat berkenaan operasi dan aktivitinya kepada orang ramai, selain itu Yayasan Taqwa (MAIWP) juga turut mengedarkan buku Yassin secara percuma pada hari tersebut.



Tetamu kehormat yang hadir ketika Majlis Perhimpunan Sempena 2 Tahun Pentadbiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Dato' Seri Jamil Khir berbesar hati melawat pameran Yayasan Taqwa (MAIWP) pada hari tersebut.



Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan maklumat berkaitan Yayasan Taqwa (MAIWP).

Program Sejambak Kasih Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Peringkat Negeri Melaka

Kira-kira 100 orang pelajar sekolah-sekolah rendah dari sekitar kawasan Merlimau. Program Sejambak Kasih Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) Peringkat Negeri Melaka telah diadakan pada 23 April 2011 bertempat di Dewan Datuk Hj. Ahmad Ithnin, Merlimau, Melaka. Program yang merupakan anjuran bersama Yayasan Taqwa (MAIWP) dan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (M.A.Y.C) Negeri Melaka ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Wira Hj. Ahmad B. Hj. Hamzah, Ahli Parlimen Jasin. Turut hadir, Pengurus Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Taqwa (MAIWP), Dato' Mustafa bin Abd. Rahman dan Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP), Hj. Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim. Bagi program ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah memperuntukkan sumbangan sejumlah RM32,120.00 berupa pakaian dan peralatan persekolahan bernilai RM221.20 dan wang tunai berjumlah RM100.00 setiap seorang. Sumbangan ini juga diharapkan dapat menjadi galakan dan dorongan kepada pelajar supaya mereka terus belajar, selain meringankan beban yang ditanggung ibu bapa mereka.



Pelajar-pelajar yang menerima sumbangan pada hari tersebut bergambar bersama tetamu kehormat.



YB. Datuk Wira Hj.Ahmad B.Hj.Hamzah bersama-sama Dato' Hj.Mustafa bin Abd. Rahman menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar.



Dato' Hj. Mustafa bin Abd. Rahman ketika menyampaikan kata-kata aluan bagi pihak Yayasan Taqwa (MAIWP).

Lawatan Korporat ke Aceh dengan Kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEM)

Pada 6 hingga 8 Julai 2011 yang lalu, Yayasan Taqwa (MAIWP) bersama-sama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) telah mengadakan satu lawatan korporat ke Banda Aceh. Lawatan ini diuruskan sepenuhnya oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Antara delegasi Yayasan Taqwa (MAIWP) yang menyertai lawatan tersebut diketuai oleh Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP) sendiri, Hj. Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim, Pengurus Kewangan dan Sumber Am, Puan Hasma Bt Haron, Pengurus Dakwah dan Tugas-tugas Khas, Ust Mohd Hasimi bin Mahmud dan Pen. Pengurus Pentadbiran dan Sumber Am, Cik Nurul Farhana Bt Mohd Noor. Pada Lawatan ini Yayasan Taqwa telah menyumbang sejumlah hampir RM5,200 kepada tiga buah Pesantren dan rumah anak-anak yatim di sekitar Banda Aceh tersebut. Antara Pesantren dan rumah anak-anak yatim yang dikunjungi dan diberi sumbangan oleh Yayasan Taqwa (MAIWP) adalah Dayah Nurul Huda yang menerima sumbangan berupa barang dapur yang bernilai sekitar RM200 dan wang tunai RM3,000. Selain daripada itu Yayasan Taqwa (MAIWP) juga menyumbang sebanyak RM1,000 kepada Pesantren Babun Najah dan Pesantren Modern Al-Falah Abu Lam-U. Kesemua sumbangan ini disampaikan terus kepada ketiga-tiga penyelia pesantren dan rumah anak-anak yatim tersebut. Tujuan utama lawatan korporat



Hj. Ahmad Ayob beramah mesra bersama pelajar Aceh.

ini diadakan adalah untuk memberi suntikan semangat kepada anak-anak Islam di bumi Aceh supaya lebih kental dalam menuntut ilmu pengetahuan.



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan replika cek sumbangan Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada Pesantren Babun Najah.



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan replika cek sumbangan Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada Dayah Nurul Huda.

Seminar Literasi Undang-undang, Kaherah, Mesir

Seminar Literasi Undang-undang 2011 telah diadakan pada 19 Julai 2011 bertempat di Rumah & Dewan Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Jordan. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Persatuan Mahasiswa Universiti di Jordan. Majlis Perasmian bagi seminar ini telah disempurnakan oleh YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Yayasan Taqwa (MAIWP) iaitu YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) serta diikuti pelancaran Kelab Peguam Muda. YB. Senator juga telah sudi menyampaikan sumbangan dalam bentuk replika cek bernilai RM5,000.00 kepada wakil persatuan untuk Kelab Peguam Muda. Seminar yang dihadiri seramai 110 orang dari kalangan mahasiswa dan mahasiswi Malaysia jurusan Fiqh Wa Usuluhu yang menuntut di universiti di Jordan ini bertujuan untuk memberi input dan kefahaman serta keyakinan pelajar terhadap undang-undang Malaysia selain memberi pendedahan dan maklumat berguna berkaitan kerjaya, peranan, tanggungjawab dan cabaran sebagai Peguam Syarie.



Antara tetamu kehormat yang hadir menyeronakan majlis tersebut.



Peserta seminar bertanyakan soalan kepada ahli panel.



Dato' Seri Jamil ketika menyampaikan ucapan perasmian.



Sebahagian daripada peserta yang menghadiri seminar.



Antara pelajar dan ibu bapa yang hadir ketika Majlis Ihya' Ramadhan Bersama Fakir Miskin, Anak Yatim, OKU, Warga Emas dan Ibumbuma Tunggal anjuran Yayasan Taqwa (MAIWP).

TAHUN 2012

Majlis Simbolik Penyerahan Tafsir al-Quran kepada Jabatan Penjara Malaysia

Sebanyak 2,000 buah naskah al-Quran Tafsir Bertajwid telah diserahkan kepada Ibu Pejabat Penjara Malaysia yang bernilai anggaran RM160,000.00 untuk diaghikan kepada 38 buah masjid/surau di setiap penjara yang terdapat di seluruh Malaysia termasuk penjara di Sabah dan Sarawak. Simbolik penyerahan tafsir ini telah disempurnakan oleh Hj.Ahmad Ayob b.Hj.Ibrahim selaku Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada Y.Setia Komisioner Penjara En.Jalaludin b.Saad, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan yang mewakili Ketua Pengarah Penjara Malaysia serta disaksikan oleh Penolong Komisioner Puan Raha bt.Jawahir selaku Pengarah Penjara Wanita Kajang dan dif-dif jemputan yang lain pada 16 April 2012 bertempat di Penjara Kajang, Selangor. Manakala, majlis perasmian rasmi tafsir al-Quran tersebut akan dibuat dalam masa terdekat yang melibatkan YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YB. Menteri Dalam Negeri. Antara tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman serta meningkatkan kesedaran dalam memahami isi kandungan al-Quran dan mendalami agama kepada pegawai/staf dan ahli keluarga Jabatan Penjara Malaysia termasuklah kepada para penghuni penjara.



Hj.Ahmad Ayob menyerahkan naskah Tafsir al-Quran kepada Y.Setia Komisioner Penjara En.Jalaludin b. Saad sebagai simbolik penyerahan tafsir daripada Yayasan Taqwa (MAIWP) kepada Jabatan Penjara Malaysia.

Program Ziarah Ukhuhwah Singapura

Program Ziarah Ukhuhwah Singapura telah diadakan pada 26 April 2012 bertempat Masjid Sultan, Singapura. Program ini merupakan anjuran bersama Yayasan Taqwa (MAIWP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Agama Islam Johor dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Program ini disertai oleh Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP) Hj.Ahmad Ayob bin. Hj. Ibrahim bersama beberapa orang pegawai dan kakitangan.Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangkan sejumlah RM10,000.00 yang diaghikan kepada masjid-masjid di Singapura dan Johor Bahru. Antara tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan dan silaturrahim selain merapatkan ukhuwah sesama manusia sama ada yang baru mahupun yang sudah sekian lama memeluk Islam sebagai pegangan hidup.



Antara peserta-peserta program yang mengikuti Program Ziarah Ukuwah Singapura.



Hj. Ahmad Ayob menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Taqwa (MAIWP) semasa program tersebut.



Pegawai daripada Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) menyampaikan maklumat kepada peserta-peserta program.

Majlis Pelancaran Misi Kemanusiaan Kemboja 2012

Majlis Pelancaran Misi Kemanusiaan Kemboja 2012 telah diadakan pada 3 Mei 2012 bertempat Politeknik Metro, Kuala Lumpur. Misi Kemanusiaan ini merupakan anjuran bersama Yayasan Taqwa (MAIWP), Kementerian Pengajaran Tinggi (KPT), Jabatan Pengajian Politeknik, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Hospital Pusrawi dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Program diserikan lagi dengan kehadiran Dato' Hj Shamsul Najmi bin Hj Shamsuddin, Naib

Yang Dipertua (Operasi) YADIM yang mewakili Datuk Dr. Hj Aziz Jamaludin bin Mhd Tahir, Yang Dipertua YADIM. Melalui program ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) melalui Pengurus Besar, Hj. Ahmad Ayob bin. Hj. Ibrahim telah menyumbangkan dua buah generator dan Buku Iqra' kepada umat Islam Kemboja yang terlibat. Antara tujuan utama program ini diadakan adalah untuk merapatkan jurang antara golongan miskin dan berada serta menyerapkan konsep taawun (bantu membantu) tanpa mengira bangsa, kaum dan negara.



Dato' Hj Shamsul Najmi bin Hj Shamsuddin ketika menyampaikan ucapan perasmian Misi Kemanusiaan Kemboja 2012.



Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP), Hj. Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim menyampaikan replika cek sumbangan daripada Yayasan Taqwa (MAIWP) bagi misi tersebut.



Misi Kemanusiaan Kemboja 2012 telah sempurna dilancarkan.

Program Insan Taqwa (PINTA) 2012

Pada 24 hingga 26 Mei 2012, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah berjaya mengadakan satu program jatidiri remaja Islam yang dinamakan sebagai Program Insan Taqwa (PINTA) 2012 di Akademi Kepimpinan GPMS Negeri Terengganu, Batu Rakit. Program PINTA 2012 ini diadakan dengan kerjasama YADIM Zon Timur; Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Program diserikan lagi dengan kehadiran Dato' Mustafa bin Abd. Rahman, Pengurus Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Taqwa (MAIWP) yang turut merasmikan program. Turut hadir; Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP), Hj. Ahmad Ayob bin Hj. Ibrahim; Pengarah YADIM Zon Timur, Hj. Mahadi bin Awang dan Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini melibatkan 192 orang pelajar-pelajar terpilih daripada sekolah-sekolah menengah di kawasan Daerah Hulu Terengganu. Program ini juga telah dibantu oleh Fasilitator daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan kaunselor-kaunselor daripada Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu. Bagi menjayakan program ini, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangkan sejumlah RM26,473.15. Tujuan program ini diadakan adalah dengan harapan ingin melihat anak bangsa Melayu Islam tidak terus hanyut dibuai gejala sosial yang bergerak seiring dengan kemodenan semasa.



Latihan dalam kumpulan merupakan antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program.



Hj. Ahmad menyampaikan motivasi bagi Program Insan Taqwa (PINTA) 2012.



Ustaz Hj. Mahadi bin Awang turut menyampaikan motivasi kepada peserta program pada hari tersebut.



Peserta-peserta program ketika solat berjemaah.

Forum Perdana Bicara Ad-Din

Buat julung-julung kalinya, Yayasan Taqwa (MAIWP) telah berjaya menganjurkan satu Forum Perdana Bicara Ad-Din bertajuk Madu atau Racun pada 16 Jun 2012 bertempat di Masjid Kampung Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Usaha murni ini telah dibantu oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang. Forum ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, Penasihat Khas Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Turut hadir memeriahkan forum ini Y.Bhg Dr Haji Muhammad Yamin bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merangkap Ahli Lembaga

Pemegang Amanah Yayasan Taqwa (MAIWP), Puan Hajah Siti Rohani binti Ahmad, Pengarah AADK Negeri Pulau Pinang, Tuan Haji Ahmad Ayob bin Haji Ibrahim, Pengurus Besar Yayasan Taqwa (MAIWP) serta pemimpin-pemimpin masyarakat setempat. Yayasan Taqwa (MAIWP) telah menyumbangkan sumbangan sejumlah RM9,050.00 bagi menjayakan forum perdana ini. Antara objektif utama forum ini diadakan adalah bertujuan bagi memberi kesedaran tentang mudarat najis dadah dan kesannya terhadap masyarakat serta memupuk budaya prihatin di kalangan masyarakat itu sendiri terhadap mereka yang telah terjebak dengan gejala yang tidak sihat ini.




Ahli panel ketika menyampaikan ceramah.



Dr. Muhammad Yamin bin Ismail ketika menyampaikan ucapan semasa program tersebut.



Antara hadirin yang hadir mendegar ceramah semasa Forum Perdana Bicara Ad-Din berbuka puasa tersebut.



YAYASAN WAQAF MALAYSIA



Yayasan Waqaf Malaysia



Azri Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)

VISI

Menjadi sebuah organisasi terunggul dalam memperkasakan agenda ummah melalui pemantapan instrumen wakaf.

MISI

1. Menjana sumber modal;
2. Membangunkan aset-aset wakaf secara holistik dan bersepadu;
3. Memupuk kesedaran masyarakat tentang potensi wakaf; dan
4. Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

SEJARAH PENUBUHAN YWM

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan sebuah entiti wakaf di peringkat kebangsaan yang ditubuhkan atas inisiatif Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri.

Ditubuhkan secara rasmi pada 23 Julai 2008, YWM berperanan dalam menggembangkan sumber-sumber wakaf dan menjadi pelengkap kepada usaha Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam membangunkan harta tanah wakaf di Malaysia.

KPI AGENSI MENTERI YANG BERKAITAN

MKPI 2010

- Melaksanakan projek kecil berimpak besar di atas harta tanah wakaf di bawah Bajet 2010

MKPI 2011

- Meningkatkan kutipan skim Wakaf Tunai Malaysia

MKPI 2012

- Pembangunan Wakaf Mart 1Malaysia di kawasan masjid dan tanah wakaf terpilih di seluruh Negara.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN TAHUN 2010

Kerjasama Strategik dengan Amanah Raya Berhad

Pada 17 Mei 2010, satu memorandum persefahaman antara YWM dan Amanah Raya Berhad (ARB) telah dimeterai di Dewan Utama, Lembaga Tabung Haji dengan disaksikan oleh YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurusi YWM dan Timbalan Menteri di JPM, YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Menerusi pemeteraian memorandum tersebut, YWM akan disenaraikan sebagai salah satu badan penerima wasiat dan harta yang diwasiatkan tersebut akan diwakafkan kepada YWM untuk diurus selepas pewasiat meninggal dunia. Di samping itu juga, YWM akan mempromosi produk wasiat ARB serta kelebihan berwasiat sambil berwakaf dengan pihak ARB dalam setiap program promosi yang dilaksanakan dan sebaliknya.



Bergambar bersama YB Senator Mejaz Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B).



Upacara menandatangani memorandum persefahaman.

Kerjasama Strategik dengan Maybank Islamic Berhad

Pada 2 Julai 2010, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara YWM dan Maybank Islamic Berhad (MIB) bertempat di Penthouse Tingkat 51, Menara Maybank, Kuala Lumpur telah dilangsungkan dengan jayanya. Kerjasama strategik di antara YWM dan MIB ini bermatlamat memperkuatkukan wakaf sebagai instrumen dan pemanfaat ekonomi masyarakat dan negara, di samping menyediakan alternatif kepada pewakaf untuk menyumbang melalui wakaf tunai. Melalui kerjasama ini juga, pihak MIB menyediakan alternatif berwakaf kepada pewakaf yang ingin berwakaf secara tunai seperti melalui *Automated Teller Machine*, *Cash Deposit Machine* atau secara atas talian (*online*) melalui www.maybank2u.com. YWM dan pihak MIB juga akan saling bekerjasama bagi mempromosi dan mempertingkatkan kutipan dana Wakaf Tunai Malaysia di seluruh negara. Selain itu, pihak MIB juga akan mempromosi Wakaf Tunai Malaysia kepada para pelanggan MIB serta mencadangkan pelaburan patuh syariah yang bersesuaian bagi dana Wakaf Tunai Malaysia yang terkumpul.



Upacara menandatangani memorandum persefahaman.



Gimik pelancaran kerjasama strategik YWM dengan Maybank Islamic Berhad.



Penyerahan kunci oleh Ketua Pegawai Eksekutif YWM kepada YB Exco Agama Negeri Johor merangkap Pengurus MAIJ.

Majlis Penyerahan Kunci Bazar Wakaf Rakyat di Negeri Johor

Pada 13 Ogos 2010, satu Majlis Penyerahan Kunci Bazar Wakaf Rakyat telah diadakan di Masjid Jamek Sawah Dato', Mersing sebagai simbolik kejayaan pembangunan Bazar Wakaf Rakyat di negeri Johor oleh YWM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Majlis dimulakan pada jam 5.45 petang dengan ucapan aluan Penggerusi Majlis diikuti ucapan dari Encik Azri Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan ucapan balas dari Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Osman, Penggerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri Johor merangkap Pengurus MAIJ. Kemuncak majlis ini adalah menerusi penyerahan replika kunci oleh perunding projek, RMA Design Team kepada YWM seterusnya diserahkan kepada pihak MAIJ selaku Pemegang Amanah Tunggal harta tanah wakaf negeri Johor. Majlis berakhir jam 6.30 petang dan para hadirin turut dijemput memeriahkan Majlis Berbuka Puasa yang telah diadakan di masjid tersebut.

TAHUN 2011

Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Bazar Wakaf Rakyat di Negeri Perlis

Pada 25 Februari 2011, satu lagi detik bersejarah telah tercatat apabila Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis telah mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sungai Adam Jejawi yang dibangunkan melalui peruntukan YWM. Lokasi ini merupakan salah satu daripada enam lokasi pembangunan Bazar Wakaf Rakyat di negeri Perlis. Majlis yang turut dihadiri oleh

wakil-wakil agensi Kerajaan Negeri Perlis ini dimulakan tepat jam 10.00 pagi dengan bacaan doa dari Imam Besar Masjid Syed Alwi, Kangar. Menurut titah DYT Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, pembinaan bazar berhampiran masjid ini dapat memberi keuntungan kepada anak-anak kariah melalui aktiviti perniagaan dan bersosial. Di samping itu juga, hasil sewa yang diterima hendaklah digunakan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti bermanfaat terutama yang boleh meningkatkan ilmu pengetahuan anak kariah. Baginda turut melahirkan setinggi harapan agar pihak jawatankuasa masjid yang berkenaan terus berusaha keras mengurus dan menjaga kesucian tanah wakaf dan masjid sebaik mungkin.



Bergambar bersama DYT Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis.



Perasmian Bazar Wakaf Rakyat oleh Raja Muda Perlis.



Gimik perasmian Bazar Wakaf Rakyat di Negeri Perlis.



Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sungai Adam, Jejawi, Perlis.

Majlis Penyerahan Wakaf Mart, Masjid Kariah Panchor Jaya, Seremban

Sebagai tanda hubungan baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan wakaf di Malaysia, pada 15 Julai 2011 YWM dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Wakaf Mart dan Pelancaran Kedai Koperasi Masjid Kariah Panchor Jaya, Seremban Negeri Sembilan. Majlis ini dirasmikan secara bersama antara YB Mejar Jeneral Dato' Seri Haji Jamil Khir bin Haji Baharom

(B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus YWM dan YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Dipertua MAINS. Pembangunan Wakaf Mart ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk memperbanyakkan lagi premis perniagaan barang runcit mampu beli oleh masyarakat seperti pembangunan Kedai Rakyat 1Malaysia. Terletak di kawasan yang majoriti penduduknya beragama Islam, Wakaf Mart ini juga turut menjual barang 1Malaysia dengan harga 40% lebih rendah daripada harga pasaran.



Penyerahan Replika kunci Bazar Wakaf Rakyat di Negeri Sembilan.



Menandatangani plak perasmian Wakaf Mart.



Wakaf Mart, Masjid Kariah Panchor Jaya, Seremban.



Lawatan di sekitar Wakaf Mart.

TAHUN 2012

Majlis Penyerahan Kiosk Cenderahati, Kunter Jubah dan Kaunter Informasi di Masjid Putra, Putrajaya

Pada 25 Mei 2012, satu majlis penyerahan kunci Kios Cenderahati, Kunter Jubah dan Kuanter Informasi di Masjid Putra, Putrajaya telah berlangsung dengan jayanya. Majlis bermula pada jam 11.30 pagi dengan ketibaan Tuan Haji Ali bin Mohammad, Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mewakili Ketua

Pengarah Jakim, Datuk Haji Othman Mustapha. Majlis diteruskan dengan ucapan oleh YBrs En. Azri Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif YWM di susuli dengan ucapan daripada wakil Ketua Pengarah Jakim dan majlis menandatangani dokumen penyerahan projek. Upacara penyerahan kunci diadakan di hadapan Kios Cenderahati sebagai simbolik penyerahan kios daripada YWM kepada Jakim dan seterusnya kepada pihak Masjid Putra yang diwakili oleh Imam Besar Masjid Putra. Projek ini berkonseptan pembangunan tiga dalam satu iaitu kiosk cenderahati, kaunter jubah dan kaunter informasi.



Penyerahan Replika kunci Kios Cenderahati kepada pihak Masjid Putra.



Penyerahan Replika kunci Kios Cenderahati kepada pihak Jakim.



Menandatangani dokumen penyerahan.



Lawatan di sekitar Kiosk Cenderahati Masjid Putra, Putrajaya.

Majlis Penyerahan Kios Cenderahati, Kaunter Jubah dan Kaunter Informasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur

Pada 30 Julai 2012, satu majlis penyerahan kunci Kios Cenderahati, Kaunter Jubah dan Kuanter Informasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur telah berlangsung dengan jayanya. Majlis yang bermula tepat jam 2.00 petang dengan ketibaan Tuan Haji Razali b. Shahabudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) Jakim mewakili Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Othman Mustapha. Majlis kemudiannya diserikan lagi dengan ketibaan Imam Besar

Masjid Negara, Tan Sri Dato' Haji Sheikh Ismail Muhammad. Majlis diteruskan dengan ucapan Datuk Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Pengurus YWM di susuli dengan ucapan daripada wakil Ketua Pengarah Jakim dan majlis menandatangani dokumen penyerahan projek. Upacara penyerahan kunci kemudiannya diadakan di hadapan Kiosk Cenderahati sebagai simbolik penyerahan kios daripada YWM kepada Jakim dan seterusnya kepada pihak Masjid Negara yang diwakili oleh Imam Besar Masjid Negara. Projek ini berkonseptan pembangunan 3 dalam 1 iaitu Kiosk Cenderahati, Kaunter Jubah dan Kaunter Informasi.



Simbolik penyerahan kepada Timbalan Ketua Pengarah (Pl) Jakim.



Bergambar bersama Imam Besar Masjid Negara, Kuala Lumpur.



Upacara menandatangani dokumen perjanjian.



Projek Pembangunan Hartanah Wakaf di Bawah Bajet 2010 oleh Yayasan Waqaf Malaysia

Jumlah projek yang telah disiapkan : 61 Bazar Wakaf Rakyat
3 Wakaf Mart
2 Kiosk Cenderahati

Konsep Bazar Wakaf Rakyat	Konsep Wakaf Mart	Konsep Kios
Ruang niaga yang menyediakan pelbagai jenis perniagaan untuk orang ramai dan diusahakan oleh usahawan Muslim, golongan fakir dan asnaf yang berdaya maju untuk meningkatkan pendapatan	Kedai runcit halal yang menyediakan pelbagai barang keperluan harian dengan harga kompetitif dan stok dibekalkan oleh pengilang atau pembekal barang	Pembangunan 3 dalam 1 iaitu Kios Cenderahati, Kaunter Jubah dan Kunter Informasi

Senarai projek Bazar Wakaf Rakyat dan projek Wakaf Mart:

Negeri	Projek
Perlis	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Barakah, Jelempok, Arau
	2 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Tun Abd Razak, Repoh
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sungai Adam, Jejawi
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Arifin Jalan Padang Katong
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Putra, Simpang Empat
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Amir Fawwaz, Sungai Baru
Kedah	3 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sg. Udang, Kampung Keda, Kuala Sg. Udang, Yan
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sultan Muzaffar Shah, Sg. Petani
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-U'la, Kariah Teloj Tua, Mukim Teloj, Sik
	2 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid An-Naim, Kariah Sg. Kecil Hilir, Bandar Baharu
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Tanah Merah, Pendang
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Seri Jerai, Gurun

Negeri	Projek
Pulau Pinang	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Daerah Jawi, Nibong Tebal
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Daerah Bayan Baru, Bayan Lepas
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid At-Taqwa, Bertam, Kepala Batas
Perak	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sheikh Eusoff, Jalan Air Itam
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Aziziah, Batu 10, Simpang Empat, Hutan Melintang
Selangor	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jamek Taman Kledang Jaya, Ipoh
	8 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Daerah Taiping
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Daerah Slim River
Wilayah Persekutuan	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jamek Daerah Hulu Langat, Pekan Kajang
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Raudhah, Pekan Tanjung Karang
Negeri Sembilan	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Azim, Pandan Indah
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid As-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Abdul Rahman bin Auf, Jalan Puchong
Melaka	1 Unit Kios Cenderahati di Masjid Putra, Putrajaya
	1 Unit Kios Cenderahati di Masjid Negara
	6 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Kariah Rasah Jaya, Seremban
	1 Unit Wakaf Mart di Masjid Kariah Panchor Jaya, Seremban
	1 Unit Wakaf Mart di Masjid Jamek Pekan Gemas, Gemas
	1 Unit Wakaf Mart di Masjid Jamek Tunku Besar,Tampin
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Jelai 4, Gemas
	6 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jamek Yamtuan Raden, Kuala Pilah
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Tapak Surau Pulau Besar, Pernu, Melaka Tengah
	2 unit Bazar Wakaf Rakyat di Lot 1491, Tapak Masjid Tg. Minyak, Daerah Melaka Tengah
	5 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Tun Ghaffar Machap

Negeri	Projek
Johor	5 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jamek Paya Redan, Kg. Paya Redan, Pagoh, Muar
	5 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Hajjah Mominbi, Taman Ungku Tun Aminah, Johor Bahru
	5 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Pekan Baru, Parit Yusof, Mukim Sg. Balang, Muar
	3 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jamek Sawah Dato', Mersing
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Seri Wangi, Mukim Linau, Parit Yaani, Batu Pahat
	5 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Ar-Rahman, Taman Puteri Kulai, Mukim Kulai, Kulaijaya
	5 unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jannah Firdaus, Kg. Jawa, Segamat
	6 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Lama Bandar Bentong
	6 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Tengku Abu Bakar, Raub
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Tengku Mahkota Abdullah, Kuala Rompin
Pahang	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Baru Daerah Pekan
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Sultan Ahmad Shah I, Masjid Negeri, Kuantan
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Tembangau 2, Kemayan
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Chini Timur 2, Kuantan
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Siantan, Jengka 19
Kelantan	5 unit Bazar Wakaf Rakyat MAIN 2 Tingkat di Kg Geting Tumpat
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Chiku 1, Gua Musang
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Chiku 7, Gua Musang
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Kemahang 2, Tanah Merah
Terengganu	18 unit Bazar Wakaf Rakyat di Tanah Wakaf Kg Kelulut, Marang
	4 unit Bazar Wakaf Rakyat 2 tingkat di kawasan Masjid Balik Bukit Jertih
Sabah	2 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Kampung Manggis, Daerah Menumbok
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Nurul Iman, Pekan Membakut, Beaufort
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Anjung Teduh, Cenderawasih, Lahad Datu
	5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Felda Umas, Tawau

Antara projek Bazar Wakaf Rakyat dan Wakaf Mart yang dibangunkan:



Bazar Wakaf Rakyat Masjid Tanjung Minyak, Melaka.



Bazar Wakaf Rakyat Masjid An-Naim, Sg. Kechil Ilir, Bandar Baharu, Kedah.



Wakaf Mart Masjid Tunku Besar, Tampin, Negeri Sembilan.



Bazar Wakaf Rakyat Masjid As-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting, Selangor.



Bazar Wakaf Rakyat Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi, Selangor.



Bazar Wakaf Rakyat Masjid At-Taqwa, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.



Bazar Wakaf Rakyat Masjid Daerah Jawi, Nibong Tebal, Pulau Pinang.



Bazar Wakaf Rakyat Masjid Sheikh Eusoff, Jalan Air Itam Pulau Pinang.



WORLD ZAKAT ORGANIZATION (WZO)





Dato' Mohammad Hassan Esa
Ketua Pegawai Eksekutif World Zakat
Organization (WZO)

OBJEKTIF PENUBUHAN

- Mengangkat Zakat, selaku rukun Islam ketiga, sebagai pencetus pembangunan ekonomi, sosial dan tamadun ummah di seluruh dunia.
- Meningkatkan kesedaran ummah seluruh dunia kepada ibadah berzakat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pengurusan zakat di peringkat antarabangsa mengikut syariat Islam yang dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan.
- Menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam soal-soal yang berkaitan agihan zakat yang secara berkekalan dapat membasmi kemiskinan melalui program-program yang bersifat mampan (*sustainable projects*) khususnya dengan pembangunan sumber manusia, penghasilan makanan berkhasiat, ekonomi, sains dan teknologi, kesedaran keagamaan, kesihatan dan lain-lain bantuan kemanusiaan (*humanitarian relief*) dan kemasyarakatan.
- Mengumpul dan memaksimumkan kepakaran ilmuwan Islam dari pelbagai disiplin ke arah membangunkan sosioekonomi umat Islam.
- Meneroka peluang pelaburan bagi lebihan zakat dan sumber kewangan lain bagi memartabatkan dan memperkasakan sumber kewangan dan ekonomi umat Islam.

VISI

- Ingin mengurangkan kadar kemiskinan umat Islam di seluruh dunia sekurang-kurangnya 1 % setahun atau secara statistiknya seramai 200,000 orang setahun melalui program sosioekonomi WZO. Secara purata 40% dari 1.8 billion umat Islam dunia adalah di bawah paras kemiskinan (USD 2.00 sehari). Misi utama WZO adalah menjadikan umat Islam 100% bebas dari kemiskinan.
- Ingin melahirkan satu masyarakat Islam yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan berdikari bebas dari segala masalah kewangan, kejahilan dan kemiskinan secara total.
- Untuk melahirkan generasi umat Islam yang disegani terlibat secara langsung dalam bidang profesional, perdagangan dan industri yang menjadi nadi pembangunan negara dan kesuburan perkembangan Islam seluruh dunia. Visi WZO secara keseluruhannya akan dapat meningkatkan martabat dan kehormatan umat Islam dimata dunia setanding dengan umat-umat lain yang tersohor.

MISI

- Memberi kesedaran dan maklumat kepada umat Islam seluruh dunia tentang kepentingan Zakat dan kebaikannya kepada sosioekonomi dan tamadun umat Islam.
- Mempermudahkan dan menggunakan teknologi terkini bagi umat Islam seluruh dunia membayar zakat atau derma kepada WZO. Menjadikan WZO saluran utama untuk berzakat kepada umat Islam di seluruh dunia khususnya di negara-negara yang tidak mempunyai institusi zakat yang maju.
- Mengutamakan projek-projek sosioekonomi yang benar-benar dapat memberi manfaat, perubahan dan membasi kemiskinan di kalangan umat Islam secara yang berkesan dan berkekalan.

FUNGSI

- Melaksana secara cekap, telus, berterusan dan bijaksana segala apa yang terkandung di dalam objektif, misi dan visi penubuhan WZO.
- Memastikan segala aktiviti WZO iaitu pungutan zakat, pengagihan zakat dan lain-lain khidmat sokongan dapat dilaksanakan mengikut asas-asas ketelusan, bertanggungjawab, keterbukaan, beretika murni, berintegriti tinggi, akauntabiliti dan memenuhi keperluan 'corporate governance' bagi mendapat

penghormatan dan penerimaan umat Islam seluruh dunia terhadap WZO.

- Menjadi pusat rujukan dan *focal point* kepada umat Islam seluruh dunia dalam hal ehwal zakat dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

LATAR BELAKANG

Inisiatif Penubuhan WZO yang sebelum ini disebut sebagai International Zakat Organization (IZO) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 4 April 2007. WZO ditubuhkan berdasarkan saranan Mantan Perdana Menteri YABhg Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi sewaktu Persidangan Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Mekah Al-Mukaramah pada 8 Disember 2005. Beliau menyatakan perlu wujudnya satu dana khas bersumberkan Zakat bagi menangani isu kemiskinan di Negara-negara OIC. Oleh itu wajar penubuhan WZO dilaksanakan dengan segera. Untuk itu, Sekretariat Sementara WZO telah ditubuhkan bertujuan menjalankan kerja-kerja pentadbiran bagi mendapatkan keanggotaan Negara pengasas WZO untuk menubuhkannya secara rasmi dan menyediakan *blueprint* WZO

FASA PENUBUHAN WZO



PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

TAHUN 2009

Lawatan Promosi dan Pemasaran WZO ke Negara-negara Timur Tengah

Pada 22 Mac 2009, Ketua Pegawai Eksekutif WZO, Dato' Mohamad Hassan Esa bersama dua orang kakitangan WZO telah berangkat ke Doha, Qatar bagi memulakan Lawatan Pemasaran ke Negara-Negara Timur Tengah. Lawatan ini berakhir pada 18 April 2009. Antara yang telah dikunjungi ialah Qatar, Bahrain, Kuwait, Oman, UAE dan Arab Saudi.

Lawatan Kerja WZO ke Ibu Pejabat Sekretariat OIC di Jeddah, Arab Saudi

Pada 11 hingga 14 Julai 2009, Sekretariat WZO telah berkunjung ke Pejabat Sekretariat Negara-Negara Kerjasama Islam (OIC) bagi bertemu dengan Prof Ekmeleddin Ihsanoglu berhubung inisiatif penubuhan WZO, dan beliau seterusnya memberikan sokongan ke atas inisiatif tersebut. Dalam program yang sama, WZO telah mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Humanitarians Affairs OIC. Menerusi pertemuan ini juga, bahagian ini bersetuju bagi mengadakan kerjasama jangka panjang dalam membantu OIC dalam bantuan kemanusiaan sejagat.

Pada 17 Ogos 2009, Menteri Agama Republik or Guinea, Dr Sanu Kano Mustaffa telah mengadakan lawatan kerja ke WZO. Dalam lawatan tersebut, delegasi telah diberikan taklimat berhubung taklimat mengenai WZO serta perbincangan mengenai fungsi dan operasi WZO.

TAHUN 2010

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Negara-negara OIC (SOM-OIC)

Pada tahun 2010, Sekretariat Interim World Zakat Organization (WZO) meneruskan usaha-usaha menubuhkan WZO sebagai

sebuah entity antarabangsa yang sah. Pelbagai usaha telah dirancang agar WZO dapat ditubuhkan seperti mana yang dirancang.

Antara yang terpenting adalah Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Negara-Negara OIC (SOM-OIC) ke Arah Penubuhan WZO. Mesyuarat ini telah berlangsung pada 27 dan 28 Julai 2010 di Hotel Legend, Kuala Lumpur. ia diadakan dengan kerjasama JAWHAR, Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Peguam Negara dengan melibatkan penyertaan seramai 46 peserta dari 18 buah negara termasuk Malaysia. Mesyuarat ini dirasmikan sendiri oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Taklimat Penubuhan WZO

Berikutan dengan kejayaan penganjuran SOM ini, tindakan susulan diteruskan dengan taklimat penubuhan WZO yang diadakan pada 3 September 2010 bertempat di bangunan Lembaga Tabung Haji (LTH), Kuala Lumpur. Seramai 16 perwakilan dari 15 kedutaan OIC sekita Kuala Lumpur telah menghadiri taklimat ringkas ini. Turut sama diadakan ialah kunjungan hormat ke kedutaan negara OIC di sekitar Kuala Lumpur bagi melobi penyertaan negara-negara ini menyertai WZO. Selain usaha mendapatkan penyertaan, ia juga bertujuan untuk mewujudkan hubungan baik dengan perwakilan-perwakilan asing sesuai dengan status WZO kelak yang akan berdiri sebagai sebuah organisasi antarabangsa.



Pegawai Kementerian Luar Negeri menyampaikan taklimat penubuhan WZO kepada duta-duta OIC di Kuala Lumpur pada 3 September 2010.



Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat Sementara WZO (dua dari kiri), Dato' Mohammad Hassan Esa dan kakitangan WZO bergambar iaitu ulama' terkemuka Sheikh Prof. Dr. Yusof Qaradhwai.



Dato' Mohammad Hassan Esa mengadakan perbincangan bersama Tan Sri Professor Ekmeleddin Ihsanoglu.



Sesi bergambar perwakilan bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Negara-negara OIC (SOM-OIC) ke Arah Penubuhan WZO pada Julai 2010.

PERSIDANGAN DAN SEMINAR

Di bawah kepimpinan YB Menteri, tahun 2010 juga sarat dengan aktiviti persidangan dan seminar yang dihadiri sebagai kesinambungan tahun sebelum dalam usaha menarik penyertaan negara-negara OIC serta rakan strategik, agar WZO dapat diperkenalkan ke serata dunia. Antara yang disertai:

7th International Conference, The Tawhidi Epistemology: Zakat And Waqf Economy

Pada 6 dan 7 Januari 2010, pihak Sekretariat WZO telah dijemput menghadiri persidangan "7th International Conference, The Tawhidi Epistemology: Zakat And Waqf Economy" di Institut Lathan Islam Malaysia (ILIM) di Bangi anjuran JAWHAR dan UKM. Salah satu resolusi adalah meminta The Global Zakat Fund anjuran WZO memainkan peranan yang penting dalam hal membasi kemiskinan dan membangunkan ekonomi umat Islam apabila tertubuh kelak.

Bengkel IKAZ Bersama Industri

Bagi berkongsi idea dan input dengan golongan penyelidik khususnya berkaitan zakat, pada 5 Mac 2010, WZO telah dijemput bagi membentangkan kertas kerja bertajuk "Pengurusan Zakat di Peringkat Global" di bengkel IKAZ (Institut Kajian Zakat, UiTM) bersama Industri di Kuala Lumpur. Kerjasama erat dengan pusat kecemerlangan zakat seperti IKAZ diharap dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak terutama dalam berkongsi informasi dan maklumat penting demi manfaat WZO pada masa akan datang.

World Zakat Forum

Di peringkat serantau, WZO telah dijemput menghadiri World Zakat Forum (WZF) di Yogjakarta, Indonesia pada 29 September hingga 2 Oktober 2010. Dato' Mohamad Hassan bin Esa, Ketua Pegawai Eksekutif WZO telah menyampaikan ucapan awal dan seterusnya membentangkan agenda WZO untuk ummah sejagat. Melalui persidangan ini, WZO telah mengambil peluang melobi badan-badan zakat Indonesia dan antarabangsa agar menyokong

penuh WZO yang merupakan inisiatif penuh kerajaan Malaysia. Hasilnya, WZO menyokong penubuhan WZO melalui "Resolusi Yogjakarta 2010" yang menyatakan WZO prlu diberi perhatian penuh dan sokongan kuat demi faedahnya kepada ummah. Ini merupakan satu kejayaan dalam mendekati dan mewujudkan networking dengan badan-badan zakat Indonesia, serantau dan antarabangsa bagi faedah umat Islam masa hadapan.

3rd World Congress of Muslim Philanthropist

Sekretariat WZO turut dijemput menghadiri Persidangan 3rd World Congress of Philanthropist di Doha, Qatar pada 20 hingga 22 Mac 2010. Dato' Mohamad Hassan selaku Ketua Pegawai Eksekutif WZO telah hadir dalam persidangan ini yang menghimpunkan para dermawan Islam yang terkemuka dan NGO Islam yang aktif dalam hal kebajikan umat Islam di seluruh dunia. Kertas kerja yang dibentangkan adalah berjudul "The Role of Philosophy of WZO in Poverty Eradication". Ini adalah langkah yang tepat dalam membawa nama WZO ke peringkat yang lebih tinggi selain mewujudkan hubungan erat dengan badan-badan kebajikan khususnya zakat dari serata pelosok dunia.

TAHUN 2011

Tahun 2011 menyaksikan usaha dan komitmen berterusan Sekretariat Sementara World Zakat Organization (WZO) ke arah merealisasikan penubuhan World Zakat Organization. Pelbagai usaha yang dilaksanakan khususnya yang melibatkan urusan diplomatic terus dipergiatkan. Ini adalah sejarah dengan komitmen Sekretariat Sementara WZO supaya penubuhan WZO dapat disegerakan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2011 ialah:

Taklimat Penubuhan WZO

Seperti tahun 2010, sesi taklimat 2011 telah diteruskan bagi melobi dan memberi kefahaman kepada Kedutaan dan Suruhanjaya



Dato' Mohammad Hassan Esa bersama peserta-peserta WZF.



Dato' Mohammad Hassan Esa menyampaikan ucaptama di WCMP 2010.

Tinggi Negara-Negara Kerjasama Islam (OIC), di Kuala Lumpur. Antaranya ialah taklimat khas kepada negara-negara yang dikenal pasti oleh Kementerian Luar sebagai donor countries, diadakan dengan kerjasama Kementerian Luar dan JAWHAR. Taklimat khas pada 15 Mac 2011 ini adalah bertujuan untuk membincangkan perkembangan terkini WZO serta isu-isu berkaitan penyertaan negara kaya (donor countries) sebagai negara pengasas WZO. Antara yang hadir adalah Arab Saudi, Bahrain, Brunei, Emiriah Arab Bersatu, Kazakhstan, Kuwait, Libya, Oman dan Qatar.

Lawatan ke Kedutaan-kedutaan OIC

Pada masa yang sama juga, usaha melobi melalui lawatan ke kedutaan turut diteruskan sebagai kesinambungan dari tahun 2010. Selain untuk menerangkan berkenaan penubuhan WZO, lawatan ini juga secara tidak langsung dapat membina hubungan baik dengan pihak kedutaan dan perwakilan OIC, dan seterusnya akan memudahkan kerja WZO dalam apa-apa kerjasama pada masa hadapan. Antara kedutaan negara yang dilawati ialah:

- Brunei (8 Februari 2011)

- Lebanon (9 Februari 2011)
- Palestin (9 Februari 2011)
- Jordan (11 Februari 2011)
- Uzbekistan (14 Februari 2011)
- Bangladesh (17 Februari 2011)
- Nigeria (25 Februari 2011)
- Kazakhstan (22 September 2011)

Sambutan Keraian Kedutaan-kedutaan OIC

Selain dari lawatan-lawatan rasmi, Sekretariat Sementara WZO juga turut dijemput menghadiri pelbagai keraian oleh pihak Kedutaan khususnya sambutan Hari Kebangsaan negara-negara OIC di sekitar ibu negara. Kesempatan memenuhi undangan seperti ini digunakan sepenuhnya oleh pihak Sekretariat bagi melobi dan meluaskan jaringan khususnya dalam kalangan individu-individu dan organisasi berpengaruh yang turut hadir sama ke majlis-majlis berkenaan. Peluang turut diambil menjelaskan peranan dan tanggungjawab WZO selain isu-isu berbangkit berkaitan WZO.

Taklimat Kepada Institusi Zakat Negeri

Tidak hanya melibatkan usaha-usaha dalam kalangan negara luar, Sekretariat Sementara WZO turut komited menjalin hubungan baik dengan pihak berkuasa zakat negeri. Ruang dan peluang yang diberikan melalui majlis seperti ini secara tidak langsung dapat memberikan peluang kepada WZO tentang peranan dan tanggungjawab WZO serta isu-isu berkaitan dalam penubuhan WZO. Ini dapat pemahaman yang lebih baik kepada agensi-agensi berkenaan seterusnya dapat mewujudkan suasana harmoni antara WZO dan pihak berkuasa zakat negeri. Antaranya ialah sesi taklimat kepada pihak berkuasa zakat negeri-negeri bersempena Mesyuarat Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri-Negeri (SPZN) pada 27 dan 28 September 2011 bertempat di Pulau Pangkor. Begitu juga dengan sesi lawatan oleh Lembaga Zakat Selangor pada bulan Oktober 2011. Sesi seperti ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pihak-pihak berkenaan termasuklah WZO dalam membincang dan menangani isu-isu berkaitan asnaf zakat khususnya idea dan pelan tindakan membasmikan kemiskinan khususnya di kalangan asnaf tempatan.

Kunjungan dari Agensi Asing

Tidak hanya terhenti di situ, sepanjang tahun 2011 juga menyaksikan Sekretariat Sementara WZO terus diberi perhatian oleh agensi-agensi antarabangsa khususnya yang berkaitan dengan zakat. Sebagai contoh, Sekretariat Sementara WZO telah menerima kunjungan dari agensi dan badan berkaitan zakat dan hal ehwal Islam dari negara-negara luar. Antaranya ialah lawatan delegasi dari Bosnia Herzegovina, Iraq, Nigeria dan Arab Saudi. Antara yang menjadi isi pokok perbincangan adalah berkisar tentang mekanisme pembasmian zakat melalui konsep sustainability project yang akan digerakkan oleh WZO setelah tertubuh kelak.

Jaringan Hubungan dengan Key Player

Bagi memperkuuh jaringan antarabangsa sedia ada, Sekretariat Sementara WZO juga turut memeterai hubungan dengan pemain-



Kunjungan delegasi dari Bosnia Herzegovina ke WZO pada bulan November 2011.

pemain industri khususnya yang berkaitan dengan kewangan Islam dan pandangan dan nasihat perundangan syariah. Agensi-agensi berkenaan dilihat berpotensi sebagai rakan strategik agar segala perancangan WZO khususnya menerusi projek-projek mapan (*sustainability project*) dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, pertemuan dengan wakil Islamic Fiqh Academy dan Islamic Development Bank (IDB) yang diadakan pada 15 dan 24 November 2011 serta pertemuan dengan Al-Khair Bank pada bulan Disember 2011. Dengan wujudnya jaringan seperti ini, ia dapat membantu Sekretariat Sementara WZO mempersiapkan diri agar berupaya beroperasi dengan baik dan berkesan biarpun baru sahaja berusia setahun jagung.

Promosi dan Pameran

Sebagai soft-introduction kepada masyarakat, Sekretariat Sementara WZO turut mengambil inisiatif memperkenalkan WZO kepada masyarakat umum melalui aktiviti promosi dan pameran inisiatif penubuhan WZO. Melalui aktiviti ini, masyarakat umum didekah kepada fungsi dan peranan WZO serta faedahnya kepada masyarakat awam. Antara pameran yang disertai adalah seperti Pameran Inovasi Islam, Pameran Oasis Tilawah al-Quran pada



Dato' Mohammad Hassan Esa dan CEO WCMP bergambar selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara WZO dan WCMP.

22 Julai 2011 serta Pameran Karnival Hijrah pada 22 hingga 24 Disember 2011.

TAHUN 2012

Untuk tahun 2012, aktiviti promosi WZO diteruskan lagi usaha-usaha promosi melalui penyertaan persidangan antarabangsa. Pada 26 hingga 28 April 2012, WZO telah menyertai Global Donors Forum 2012 anjuran World Congress of Muslim Philanthropists (WCMP) yang telah dirasmikan YAB Perdana Menteri Malaysia. WCMP adalah badan dunia yang menghimpunkan hartawan-hartawan Islam yang terkemuka bagi tujuan kebajikan Muslim Ummah Sejagat. WCMP adalah badan yang diiktiraf oleh OIC dan UN (United Nation). Pada akhir forum, WZO telah menandatangani satu MOU dengan WCMP untuk melakukan pelbagai kerjasama termasuk dalam hal kutipan zakat.

Menuju Organisasi Islam Bertaraf Antarabangsa

Segala aktiviti dan program telah menyaksikan hubungan pelbagai hala melibatkan agensi kerajaan, pemain industri, badan-badan zakat serta agensi-agensi lain dibentuk dan dipererat bersama-sama Sekretariat Sementara World Zakat Organization. Segala gerak kerja dan perancangan ke arah penubuhan WZO pada tahun ini adalah suatu kesinambungan usaha berterusan WZO apabila ia akan ditubuhkan kelak, khususnya dalam merancang dan melaksanakan pelbagai projek berkaitan pemerkasaan ekonomi ummah. Pelbagai pendekatan yang diambil bagi usaha penubuhan akan secara tidak langsung memberi gambaran serius Sekretariat Sementara WZO dan agensi induknya iaitu JAWHAR dalam mencapai status WZO sebagai sebuah organisasi Islam bertaraf antarabangsa yang disegani dan mampu melonjakkan Malaysia di mata dunia.



ALHIJRAH MEDIA CORPORATION (AHMC)





Dato' Haji Bukhari bin Che Muda
Ketua Pegawai Eksekutif
Al-Hijrah Media Corporation

VISI

Menjadi penyiar yang mendidik, menghibur dan menyatupadukan Ummah, melalui siaran dan penerbitan kreatif, berkualiti dan universal yang berlandaskan Islam, sesuai dan relevan untuk masyarakat tempatan dan antarabangsa.

MISI

Menjadi stesen TV berkonsepkan Islam pertama dan terunggul di Malaysia menyiarakan kandungan berkualiti dan kreatif yang mengajak masyarakat melakukan penghijrahan berterusan ke arah kebaikan dalam semua bidang kehidupan.

PENGENALAN TV ALHIJRAH

Alhijrah Media Corporation (AHMC) pengendali stesen TV AlHijrah adalah sebuah syarikat jaminan milik penuh Kerajaan Malaysia diletak di bawah tanggungjawab YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku penaung. Penubuhannya adalah bagi merealisasikan pengendalian sebuah stesen siaran secara percuma ke seluruh negara dan penerbitan kandungan berdasarkan ajaran Islam.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Pelancaran TV AlHijrah oleh Perdana Menteri Malaysia

TV AlHijrah stesen televisyen siaran secara percuma (*free-to-air*) yang berkonsepkan Islam telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Disember 2010 bersamaan 1 Muharram 1432H di dalam satu majlis yang penuh gilang gemilang serta diiringi dengan laungan merdu selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW dan limpahan cahaya warna-warni yang turut meraikan sambutan Maal Hijrah.



YAB Perdana Menteri bersama YB Menteri Dato Seri Jamil Khir dengan barisan Rakan Korporat TVAlhijrah semasa majlis pelancaran.



Dato Seri Najib Tun Razak menyempurnakan simbolik perasmian TV AlHijrah di perkarangan Kompleks Pusat Islam.



Dato' Seri Najib Tun Razak menzahirkan rasa gembira dengan perasmian Pusat penyiaran Digital TV AlHijrah ketika di wawancara oleh personaliti TV AlHijrah.

Liputan Siaran

TV Alhijrah memulakan siaran dengan enam pemancar dan kini dalam masa dua tahun beroperasi siaran TV Alhijrah boleh diikuti oleh 85 peratus penonton TV seluruh negara dengan adanya 9 pemancar. Dan penambahan pemancar sedang giat dirancang untuk meluaskan lagi siarannya.

Liputan	Saluran (UHF)	Frekuensi (MHz)
Lembah Klang (Gunung Ulu Kali)	CH 55	743.25
Terengganu (Bukit Besar)	CH 41	631.25
Kuantan, Pahang (Bukit Pekindung)	CH 22	479.25
Mersing, Johor (Bukit Tinggi)	CH 40	623.25
Kuching, Sarawak (Gunung Serapi)	CH 37	599.25
Kota Kinabalu, Sabah (Bukit Keratong)	CH 37	599.25
Ipoh, Perak (Gunung Kledang)	CH 55	743.25
Alor Setar, Kedah (Menara Alor Setar)	CH 32	559.25
Telipot, Kota Bharu (Menara Telekom)	CH 48	687.25

Program Realiti Solehah



Program realiti Solehah merupakan program realiti pertama TV AlHijrah menampilkan 10 orang peserta yang dipilih dari 600 orang peserta menghadiri uji bakat yang diadakan di seluruh Negara. Hasrat utama program realiti Solehah ini adalah untuk melahirkan barisan muslimah solehah yang mampu menggalas tanggungjawab

sebagai pendakwah dan 'Role Model' kepada wanita masa kini. Antara keunikan program realiti Solehah ialah tiada sistem penyingkiran dilakukan sepanjang 13 minggu program ini disiarkan.



Dato Seri Jamil Khir menyampaikan hadiah kepada Juara Solehah Amie Sofea.



Barisan pemenang program realiti Solehah musim pertama.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Jamil Khir Baharom, Pengurus TV AlHijrah, Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dan Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah Bukhari Che Muda bergambar bersama peserta Solehah.

Karnival Hijrah



Karnival Hijrah 2011 buat pertama kalinya menemui rakyat Pantai Timur khususnya rakyat negeri Terengganu Darul Iman. Karnival Hijrah dianjurkan hasil kerjasama erat antara agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan TV AlHijrah yang pertama disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Zainal Abidin, Sultan Terengganu Darul Iman. Dengan tema "Hijrah I Transformasi", Karnival yang menggabungkan penglibatan 44 agensi

di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Terengganu dan merupakan satu fenomena baru di dalam penglibatan agensi-agensi Kerajaan Malaysia di dalam usaha merakyatkan khidmat dan jenama masing-masing. Karnival Hijrah ini bertujuan untuk memberi ruang kepada seluruh rakyat Malaysia memahami dan mendapat pendedahan mengenai pencapaian pembangunan Islam di Malaysia dan peranan yang telah dan sedang giat dimainkan oleh Kerajaan serta semua pihak termasuk Kerajaan Negeri.



Dato' Seri Jamil Khir bersama Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah Bukhari Che Muda serta ketua-ketua agensi yang terlibat dalam menjayakan Karnival Hijrah.



Antara pengunjung yang hadir menyaksikan persembahan di Karnival Hijrah.



Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin menyempurnakan perasmian Karnival Hijrah.

TV AlHijrah Mengimarahkan Institusi Masjid Melalui Program Cinta Masjid



Aktiviti kerohanian bersama masyarakat menggalakkan perpaduan.

Program Cinta Masjid merupakan sebuah program CSR yang bertujuan mengimarahkan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan kegiatan masyarakat. Melalui program Cinta Masjid ini juga, masyarakat dapat perkongsian dari segi fakta dan usaha menjadikan institusi masjid sebagai pusat ekonomi, pendidikan dan menghidupkan masjid seperti yang dituntut oleh Agama Islam.



Antara aktiviti di lokasi program tazkirah dan rakaman program 30 Minit Ustaz Don.



Antara aktiviti TV AlHijrah bersama kanak-kanak dalam program Cinta Masjid.



Dato' Seri Jamil Khir merasmikan program Cinta Masjid yang pertama.

Pelancaran TV AlHijrah Astro



Dalam usaha memastikan TV AlHijrah terus ke hadapan dalam memberi informasi dan penyebaran maklumat bagi memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat, TV AlHijrah melangkah ke hadapan setelah enam bulan memulakan operasinya. Pada 1 Jun 2011 TV AlHijrah boleh diikuti melalui saluran 114 di platform ASTRO dan boleh ditonton oleh seluruh penduduk Malaysia khasnya 13 juta pelanggan Astro.



Dato' Seri Jamil Khir menyempurnakan gimik pelancaran TV AlHijrah di Platform Astro bersama Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah Bukhari Che Muda.



Dato Seri Jamil Khir bersama Bukhari Che Muda di Sidang Media pelancaran TV AlHijrah.

Pelancaran TV Alhijrah @ 114 Hypptv



Satu lagi pencapaian TV AlHijrah dalam meluaskan siarannya serta memenuhi permintaan penonton dari seluruh Negara adalah siarannya yang dapat ditonton menerusi saluran 114 Hypptv. Hypptv ini merupakan saluran TV internet pertama di Malaysia bagi pelanggan TM UniFi. Saluran berkenaan dibekalkan menerusi perkhidmatan tiga serangkai jalur lebar berkelajuan tinggi UniFi Telekom Malaysia (TM) menggunakan fiber optik iaitu teknologi terkini yang berkembang pesat ke seluruh negara.



Dato' Seri Jamil Khir menyempurnakan gimik pelancaran TV AlHijrah di platform terbaru Hypptv bersama Bukhari Che Muda dalam program Assalamualaikum.

Pelancaran Siaran Percuma Kedah dan Perak

Pada 9 Ogos 2012, Siaran TV AlHijrah dilancarkan di Kedah dan Perak melalui pemancar yang terletak di Menara Alor Setar, Kedah dan Gunung Kledang, Perak. Dengan perluasan siaran ini, bermakna penduduk di negeri Kedah dan Perak dapat mengikuti program-program yang menarik disiarkan TVAlHijrah.



Dato' Seri Jamil Khir Baharom memukul gong sebagai simbolik pelancaran siaran percuma TV AlHijrah boleh didapati di Kedah dan Perak.



Dato Seri Jamil Khir Baharom bersama Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah ketika menjawab soalan media di majlis pelancaran siaran percuma TV AlHijrah di Kedah dan Perak.



Dato' Seri Jamil Khir bersama Pengurus TV AlHijrah Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor serta personaliti TV AlHijrah setelah pelancaran siaran percuma di Kedah dan Perak.

Pelancaran Siaran Secara Percuma di Kelantan

Pada 7 November 2012 YB Dato Seri Jamil Khir Haji Baharom, telah melancarkan siaran TV AlHijrah di Negeri Kelantan melalui pemancar Telekom yang terletak di Telipot, Kota Bharu. Dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) dan Telekom Malaysia dalam menyediakan prasarana pemancar ini penduduk Kelantan yang meliputi Kota Bharu, Machang, Pasir Putih, Tanah Merah, Bachok, Pasir Mas serta Rantau Panjang kini dapat menikmati siaran TVAlhijrah secara siaran percuma atau free-to-air.



Dato' Seri Jamil Khir memberi ucapan sebelum merasmikan siaran percuma di Kelantan.



Dato Seri' Jamil Khir memukul rebana ibu sebagai simbolik pelancaran siaran di negeri Kelantan.

TV AlHijrah Bersiaran Menerusi | Malaysia IPTV



Ketua Pegawai Eksekutif TV AlHijrah, Bukhari Che Muda menandatangani perjanjian persefahaman bersama IPTV | Malaysia.

